



KWAP
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED

Merubah...

LAPORAN TAHUNAN 2012



Menuju arah, matlamat dan cabaran baharu.

KWAP terus berkembang menjadi entiti yang lebih dinamik untuk menerajui apa jua kemungkinan.

Dana Yang Berkat

*Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.*

*Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,
Menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan
agar usia tua akan waras terpelihara:
damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.*

*Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah -
Mac - kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah;
dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat
teluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.*

*Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu,
peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.
Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah
sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.*

*Tulus petugas setia serasi bakti pekerja
ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara,
alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat
tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.*

*Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari,
yakin dipasti taman labur terindah harum ini.*

5 – 15, Februari, 2007

A. SAMAD SAID

KANDUNGAN

003 Visi, Misi dan Nilai Korporat	006 Ringkasan Amalan Etika	011 Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun	Seksyen I SOROTAN KORPORAT
004 Latar Belakang dan Fungsi KWAP	007 Pencapaian dari 2007-2012	012 Perutusan Pengerusi	
005 KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia	010 Tahun 2012 Sepintas Lalu	016 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	
021 Laporan Kad Skor Korporat 2012	030 Perkembangan Antarabangsa - Prima Ekuiti (UK) Limited	Seksyen II STRATEGI KAMI	
028 Kad Skor Korporat untuk 2013	031 Mencipta Sukuk Kekal Baharu		
033 Tinjauan Ekonomi 2012	039 Prestasi Pelaburan	Seksyen III PRESTASI KAMI	
034 Prestasi Dana	053 Pengurusan Caruman		
057 Budaya Prestasi Tinggi		Seksyen IV LAPORAN OPERASI PERNIAGAAN	
060 Laporan Pencapaian Operasi 2012			
069 Pengurusan Risiko		Seksyen V TADBIR URUS KORPORAT	
081 Penyata Tadbir Urus			
090 Penyata Kawalan Dalam			
093 Lembaga : Ahli dan Profil	103 Carta Organisasi	105 Kakitangan Utama	Seksyen VI KEPIMPINAN KAMI
098 Panel Pelaburan : Ahli dan Profil	104 Jawatankuasa Eksekutif : Ahli dan Profil		
101 Jawatankuasa : Ahli dan Profil	104 Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh : Ahli dan Profil		
115 Tanggungjawab Sosial Korporat		Seksyen VII BERKONGSI NILAI BERSAMA	
119 Coretan Impian			
123 Kalender Korporat 2012		Seksyen VIII KALENDAR KORPORAT	
129 Laporan Ahli Lembaga	134 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2012	135 Lembaran Imbangan	Seksyen IX PENYATA KEWANGAN
132 Pensijilan Ketua Audit Negara		136 Penyata Pendapatan	
133 Penyata Pengerusi dan Ahli lembaga		137 Penyata Perubahan Rizab	
		139 Penyata Aliran Tunai	
		141 Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	
165 Glosari Istilah		Seksyen X LAMPIRAN	

Seksyen I

SOROTAN KORPORAT

- 003** Visi, Misi dan Nilai Korporat
- 004** Latar Belakang dan Fungsi KWAP
- 005** KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia
- 006** Ringkasan Amalan Etika
- 007** Pencapaian dari 2007-2012
- 010** Tahun 2012 Sepintas Lalu
- 011** Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
- 012** Perutusan Pengurus
- 016** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

PROFIL KORPORAT

Visi

Organisasi berprestasi tinggi menjamin faedah pencen yang berterusan

Misi

Memaksimumkan pulangan melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik dan pengurusan risiko yang bijak

Nilai-nilai Korporat:

Berorientasikan Kecemerlangan

- Mewujud dan mengekal budaya peningkatan berterusan, supaya semua ahli organisasi, secara individu atau berpasukan, berinisiatif, gigih dan cekal untuk melakukan yang terbaik
- Bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang disasarkan
- Sentiasa berusaha menghasilkan keputusan yang mengatasi tanda aras

Profesionalisme

- Berpegang teguh kepada nilai moral dan etika yang tinggi
- Mengutamakan kepentingan organisasi daripada kepentingan diri
- Menunjukkan komitmen yang berterusan terhadap kecemerlangan
- Mengkaji secara kritikal semua tindakan dan keputusan untuk penambahbaikan
- Menerima maklum balas dan respons secara positif
- Kompeten dalam bidang yang dipertanggungjawab

Integriti

- Berpegang teguh kepada nilai-nilai murni dan akhlak mulia
- Muhasabah diri
- Berfikiran terbuka, menghormati pandangan, idea dan pengalaman orang lain

Ketelusan

- Komunikasi dan akauntabiliti yang jelas serta amalan berterus terang
- Bertindak dengan nyata dan konsisten

Semangat Kerja Berpasukan

- Bekerjasama untuk mencapai satu matlamat
- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pencapaian potensi sepenuhnya dengan menerima perbezaan dan kelainan
- Kolaborasi di antara kumpulan dan berkongsi idea untuk mencapai kecemerlangan

Pembelajaran Berterusan

- Menambah dan mengemaskini pengetahuan secara berterusan dan belajar dari kesilapan

LATAR BELAKANG DAN FUNGSI KWAP

Latar Belakang

Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (akta 454) telah digubal untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan. Dengan penggubalan Akta tersebut, Kumpulan Wang Amanah Pencen telah ditubuhkan pada 1 Jun 1991 dengan geran pelancaran sebanyak RM500 juta dari Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah Pencen ditadbir oleh Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP, telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (akta 454) yang dimansuhkan. Dengan penubuhan KWAP, kesemua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP. Misi KWAP ialah untuk menguruskan dana yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (akta 662) ke arah mencapai pulangan maksimum melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik, dan pengurusan risiko yang bijak. Dana tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembiayaan liabiliti pencennya.

Fungsi

Fungsi-fungsi KWAP adalah seperti berikut:

- Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi lain; dan
- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

Peranan KWAP dalam konteks kakitangan sektor awam berpencen adalah seperti berikut:

Menguruskan Kutipan Caruman

Kerajaan Persekutuan menyumbang 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang dibajetkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi lain menyumbang 17.50% daripada gaji hakiki pekerja berpencen masing-masing kepada KWAP setiap bulan.

Menetapkan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan

Panel Pelaburan dan Lembaga bertanggungjawab meluluskan dan menyemak semula Polisi dan Garis Panduan Pelaburan secara berkala.

Pengurusan dan Pengawasan Pelaburan

KWAP melabur dananya di dalam kelas-kelas aset mengikut Alokasi Aset Strategik dan Garis Panduan Pelaburan seperti yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Aktiviti pelaburan dilakukan oleh sepasukan warga kerja pelaburan profesional yang cekap dan berpengalaman. Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan secara bulanan kepada Panel Pelaburan dan Lembaga. Analisis prestasi termasuk prestasi relatif berbanding indeks penanda aras serta pulangan sasaran mutlak bagi setiap kelas aset.

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

	Pembentukan Dasar	Sistem Caruman Ahli	Dasar Pelaburan & Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan & Pengawasan	Pentadbiran Ahli	Faedah Bayaran
Kakitangan Sektor Awam Berpencen	Tetapkan dasar untuk pencen / dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Tetapkan dasar pelaburan dan garis panduan	Melaksana & mengawas pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan & bayaran
	Perbendaharaan Mengira impak kewangan & meluluskan dasar					
Angkatan Tentera	JPA Membentuk & mengkaji semula dasar	Mengendalikan caruman dari majikan sahaja			Mengira pencen, gratuiti, ganjaran tunai & faedah lain	Mengurus bayaran faedah persaraan
Kakitangan Sektor Swasta dan Awam Tidak Berpencen, Sendiri	MINDEF Membentuk & mengkaji semula dasar	LTAT <ul style="list-style-type: none"> Memungut caruman dari kakitangan angkatan tentera & kerajaan Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP 			Hal Ehwal Veteran (MINDEF) <ul style="list-style-type: none"> Berkomunikasi dengan pesara Mengira faedah Berkomunikasi dengan ahli aktif Mentadbir akaun ahli 	<ul style="list-style-type: none"> Mengagihkan pengeluaran Memindahkan bayaran balik kepada KWAP
	KWSP Memberi input untuk pembentukan dasar					

- Perbendaharaan** : Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam
MINDEF : Kementerian Pertahanan
KWSP : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LTAT : Lembaga Tabung Angkatan Tentera

RINGKASAN AMALAN ETIKA

KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.

Sebagai kustodian dan pengurus dana persaraan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), aset utama KWAP adalah integriti dan reputasinya dalam tatacara profesional dan beretika dalam menjalankan semua aktiviti perniagaan dan urusannya. Kewibawaan organisasi ini dan keyakinan pihak berkepentingan terhadapnya menjadi tonggak utama kejayaannya.

KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.

Sebagai sebuah badan berkanun, KWAP menerima pakai Akta Badan Berkanun (Disiplin dan Tambahan) 2000 sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat Pekerjaannya kepada semua kakitangan yang membentuk Kod Etika dan Tatacara KWAP. Kod tersebut bermatlamat menyemai kesedaran tentang standard tatacara di kalangan warga kerja dan menggariskan prinsip-prinsip mereka dalam melaksanakan tugas mereka. Dengan Kod ini, KWAP dapat membentuk persekitaran korporat yang sihat dan profesional.

PENCAPAIAN DARI 2007-2012

2007

- Penubuhan KWAP pada 1 Mac 2007
- Penempatan semula dari Putrajaya ke pejabat baru di Menara Yayasan Tun Razak
- Memperkenalkan Kad Skor Seimbang untuk mewujudkan budaya yang didorong oleh prestasi
- Membangunkan dasar utama atau prosedur seperti Piagam Lembaga, Prosedur Kewangan dan Dasar Pelaburan dan Garis Panduan
- Penggubalan Nilai-nilai Korporat
- Melancarkan Siri Kepimpinan, Siri *Golden Hour* dan laman web korporat

2008

- Menghalusi semula Nilai-nilai Korporat dan menggubalkan Visi dan Misi
- Menggubalkan Alokasi Aset Strategik
- Melancarkan Program Transformasi yang melibatkan pelaksanaan 20 inisiatif dengan matlamat mempertingkatkan pengurusan organisasi, risiko dan tatacara pengurusan pelaburan
- Menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan untuk menerajui penerapan budaya pengurusan risiko yang kukuh dalam organisasi
- Melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia
- Memulakan kolaborasi dengan sekolah-sekolah terpilih luar bandar

2009

- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan Kajian Liabiliti Pencen dengan tujuan mewujudkan pilihan-pilihan bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai tanggungan pencen
- *Dealing Room* baharu telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah
- Mengadakan sesi dialog dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia berkenaan tadbir urus korporat dan isu-isu berkaitan dengan ekuiti dan pasaran pendapatan tetap
- Mengguna pakai model operasi baharu untuk Jabatan Ekuiti dan Jabatan Pendapatan Tetap
- Jabatan Strategi Portfolio diwujudkan untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan Pelan Utama Peralihan Alokasi Aset Strategik
- Sistem Pengurusan Pelaburan Kewangan Bersepadu (IFIMS) mula dibangunkan
- Melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Perniagaan Berterusan
- Melaksanakan Laporan Insiden Operasi (ORE)
- Jabatan Penjelasan Pelaburan dan Jabatan Kustodian ditubuhkan untuk mempertingkatkan pengagihan tugas-tugas dan kawalan dalaman
- Menyumbang artikel kepada penerbitan perniagaan utama untuk mempromosikan pemahaman tentang subjek-subjek berkaitan pelaburan
- Seminar Perancangan Kewangan Persaraan tahunan mula diadakan untuk kakitangan kerajaan yang menghampiri umur persaraan
- Memperkenalkan Skim CFA *Financial Assistance* kepada kakitangan pelaburan

PENCAPAIAN DARI TAHUN 2007 - 2012

2010

- Kabinet meluluskan cadangan KWAP untuk menanggung pembiayaan liabiliti pencegah Kerajaan Persekutuan
- Lawatan ke California Public Employee's Retirement System (CalPERS) dan California State Teachers' Retirement System (CalSTRS)
- Pengumuman Keputusan Kewangan KWAP yang pertama dan pelancaran laman portal oleh Menteri Kewangan II, YB. Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadziah
- State Street Global Advisors dan World Bank Treasury telah dilantik sebagai pengurus dana luaran untuk mengurus dana ekuiti dan pendapatan tetap antarabangsa
- Membeli harta tanah antarabangsa pertama di Melbourne, Australia dan memulakan kongsi niaga bersama KWSP untuk membeli harta tanah di UK
- Melantik BNY Mellon untuk memberi perkhidmatan kustodian global
- Model Skor Penarafan Kredit Dalaman telah diwujudkan
- Menyempurnakan pemerolehan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Pelan Kesanimbungan Perniagaan untuk semua fungsi kritikal dan tidak kritikal telah dibangunkan dan diuji
- Menyertai Program *Cross Fertilisation* anjuran Kementerian Kewangan
- Bengkel Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah terpilih luar bandar dijalankan untuk meningkatkan minat dikalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris

2011

- Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pelaksanaan keputusan Kabinet meluluskan KWAP untuk menanggung pembiayaan liabiliti pencegah Kerajaan Persekutuan
- Menjadi hos bersama untuk Persidangan Asian Pension Fund Roundtable yang dianjurkan oleh Pacific Pension Institute dengan menghantar dua wakil KWAP sebagai penceramah
- Dato' Azian Mohd Noh dinamakan salah seorang dari 25 Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset di Rantau Asia Pasifik AsianInvestor
- Mohamed Izwan Moriff Bin Mohamed Shariff, Pengurus Dana Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Quasi Kerajaan dicalonkan sebagai Pengurus Dana Bon Ringgit Malaysia Yang Bijak Bagi Tahun 2011 oleh The Asset Benchmark Research
- USD100 juta telah dilaburkan dalam mandat Global Sukuk
- Membeli harta tanah antarabangsa kedua di Sydney, Australia
- Melanggar Bon Matawang Asing Islamik dan melindungi nilainya menerusi Pertukaran Matawang Bersilang oleh pengurus dana dalaman
- Memperolehi Pengecualian Imuniti Berdaulat dari Pihak Berkuala Cukai UK
- Menerima ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti untuk Pengurusan Pelaburan bagi ekuiti domestik
- Menjalankan operasi fungsi kustodian global untuk memudahkan pelaburan antarabangsa oleh pengurus luaran dan dalaman
- Kustodian domestik luaran telah dirasionalkan dari 6 ke hanya 1 kustodian yang membuat laporan terus ke KWAP
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*) dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik telah diwujudkan
- Menyediakan laporan perkembangan prestasi secara bulanan untuk ekuiti dan pendapatan tetap dalaman serta pengurus dana luaran domestik
- Mewujudkan Manual Kredit untuk memproses penilaian mentadbir kredit pendapatan tetap
- Melaksanakan Tadbir Urus KWAP serta Prinsip dan Garis Panduan Pengundian
- Tiga program pembangunan tenaga kerja telah dilancarkan seperti Progam *Talent Exchange*, Pelan *Individual Development* dan Program *Performance Improvement*

PENCAPAIAN DARI TAHUN 2007 - 2012

2012

- Melabur RM1.50 bilion dalam Sukuk Berkekalan (Sukuk berkekalan Islam yang pertama dikeluarkan di dunia)
- Melaburkan 6.58% daripada jumlah saiz dana bagi pelaburan antarabangsa melebihi sasaran minimum 6% yang ditetapkan untuk tahun 2012
- Memperoleh hartaanah pertama di UK, iaitu 10 Gresham Street, London bernilai RM1.0 bilion
- Pejabat Prima Ekuiti (UK) Limited mula beroperasi dengan GBP100.0 juta atau RM494.5 juta dilaburkan dalam pasaran ekuiti UK
- Menubuhkan bahagian ekuiti antarabangsa untuk mengendalikan pelaburan langsung bagi Asia Pasifik kecuali Jepun dengan mandat pelaburan ekuiti RM250 juta pada tahun 2012
- Mendapat pensijilan ISO 9001:2008 bagi Pendapatan Tetap Domestik dan Hartanah Antarabangsa
- Melaksanakan Sistem Bersepadan Pengurusan Caruman (ICMS)
- Melaksanakan Sistem Strategi Prestasi Risiko (RPSS)
- Melaksanakan Skim Bantuan Pendidikan Pekerja
- Menjalankan program e-pembelajaran dengan Bank Dunia di mana 30 tenaga kerja telah mengambil bahagian dalam program itu
- Pengurusan Kanan KWAP mengambil bahagian sebagai penceramah di:
 - Persidangan Keselamatan IDC ASEAN pada April 2012;
 - Forum Institusi Pelaburan Asia Tenggara Tahunan Keempat pada Disember 2012.
- KWAP menjadi ahli untuk Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus Korporat [terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan KWAP]

TAHUN 2012 SEPINTAS LALU

- Jumlah saiz dana meningkat sebanyak 12.41% daripada RM78.93 bilion kepada RM88.73 bilion pada Disember 2012.
- Pendapatan pelaburan kasar meningkat kepada RM5.75 bilion pada Disember 2012 daripada RM4.66 bilion yang dicatat pada 2011. Ini menunjukkan Pulangan Atas Pelaburan (ROI) sebanyak 6.84%.
- Pendapatan pelaburan bersih meningkat kepada RM5.69 bilion pada 2012 dari RM4.30 bilion pada tahun 2011.
- Pulangan Bersih Atas Pelaburan (ROI) yang dicapai adalah 6.79% dan Jumlah Kadar Pulangan Berwajaran (TWRR) adalah 8.63%.

- Pada peringkat kumpulan, pendapatan pelaburan kasar meningkat sebanyak RM1.03 bilion kepada RM5.66 bilion pada 2012. Pendapatan pelaburan bersih meningkat kepada RM5.91 bilion dari RM4.81 bilion pada tahun 2011.
- Kadar pulangan kasar yang dicatat pada peringkat kumpulan ialah sebanyak 6.57% manakala kadar pulangan bersih ialah sebanyak 6.86%.
- Kadar Pulangan Berwajaran (TWRR) bagi setiap kelas aset adalah seperti berikut:

Kelas Aset	Penanda Aras	Lebihan/Kurangan Prestasi (%)
Domestik		
Ekuiti	FBM100	5.51
Sekuriti Kerajaan Malaysia & Bon Quasi (SKM & Quasi)	Quantshop MGS (All) Yield	1.51
Sekuriti Hutang Persendirian (SHP)	Quantshop Corp (Medium) Yield	1.99
Pinjaman	Quantshop MGS (All) Yield + 50 bps	1.33
Pasaran Kewangan	3-month KLIBOR	(0.56)
Pendapatan Tetap Luaran	Quantshop MGS (All) Index + 130 bps	0.65
Antarabangsa		
Ekuiti	MSCI All Country World	1.18
Pendapatan Tetap	JP Morgan Global Aggregate Bond Index	6.29

RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN 5 TAHUN

	2008 (1 Jan-31 Dis)	2009 (1 Jan-31 Dis)	2010 (1 Jan-31 Dis)	2011 (1 Jan-31 Dis)	2012 (1 Jan-31 Dis)	Purata (2008 - 2012)
Saiz Dana pada Kos (RM Bilion)	52.04	61.50	70.52	78.93	88.73	70.34
Pendapatan dan Perbelanjaan (RM)						
Pendapatan Pelaburan Kasar (Bilion)	2.98	3.24	4.62	4.66	5.75	4.25
Perbelanjaan Mengurus (Juta)	28.17	25.63	40.07	43.77	62.82	40.09
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	0.56	5.70	4.85	4.30	5.69	4.22
Pendapatan dan Perbelanjaan (%)						
Pulangan Ke atas Pelaburan (ROI)	5.86	5.62	7.07	6.30	6.84	6.34
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI Bersih)	1.12	10.04	7.34	5.75	6.79	6.21
Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar						
Pendapatan Kasar	0.95	0.79	0.87	0.94	1.09	0.93
Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana	0.06	0.05	0.06	0.06	0.08	0.06
Pulangan dan Risiko (%)						
Kadar Pulangan Berwajaran Masa (%)	NA	11.64	8.88	5.30	8.63	NA
Volatiliti (%)	NA	2.64	1.97	3.80	2.86	NA
Caruman Pencen (RM Bilion)						
Caruman Bersih Majikan	1.77	2.67	3.18	2.52	2.67	2.56
Caruman Kerajaan Persekutuan	1.65	1.10	1.00	1.50	1.50	1.35
Komposisi Portfolio Pelaburan pada Kos (RM Bilion)						
Tempatan						
Ekuiti	13.52	16.16	16.08	23.73	27.37	19.37
Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) dan Pinjaman	15.85	18.16	17.74	16.42	25.72	18.78
Sekuriti Kerajaan Malaysian (SKM)	10.06	14.72	15.64	18.04	22.01	16.09
Pasaran Wang	14.17	11.69	18.31	16.97	7.80	13.79
Ekuiti Swasta	0.52	0.52	0.43	0.43	0.43	0.47
Antarabangsa						
Ekuiti	NA	NA	0.63	0.81	1.89	1.11
Pendapatan Tetap	NA	NA	NA	1.02	1.54	1.28
Ekuiti Swasta	NA	NA	0.13	0.23	0.24	0.20
Hartanah	NA	NA	0.38	1.00	1.99	1.12
Pengurusan Dana (%)						
Pengurusan Dana Dalaman (%)	94.69	95.25	94.69	92.60	91.06	93.65
Pengurusan Dana Luaran (%)	5.31	4.75	5.31	7.40	8.94	6.35
Bilangan Majikan Mencarum	493	538	568	601	613	562
Bilangan Ahli	106,944	121,572	128,384	134,055	145,855	127,362
Bilangan Kakitangan KWAP	99	108	126	152	175	132
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	30.41	30.33	36.25	30.68	32.87	32.11

Nota: Angka-angka adalah berdasarkan prestasi di peringkat KWAP

PERUTUSAN PENGERUSI



DATO' SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH

Pengerusi

“Bagi pihak Lembaga, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.”

PERSEKITARAN OPERASI

2012 bukanlah suatu tahun yang mudah. Lanjutan ekonomi masih belum menunjukkan pemulihan yang berkesan, walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan Eropah untuk memulihkan pertumbuhan di tengah-tengah kebimbangan terhadap hutang berdaulat di zon Euro. Tidak hairanlah, dasar kewangan Asia pada amnya cenderung kepada pengurangan dalam usaha mengimbangi kelemahan luaran. Ada masanya, harapan untuk pemulihan adalah melimpah ruah tetapi sering dikecewakan apabila munculnya keadaan “risk-off”. Seperti kebanyakan dana institusi, dana penceh seperti KWAP tidak terlepas daripada keadaan sebegini.

Secara positifnya, kebimbangan kepada perpecahan di negara-negara zon Euro pudar di penghujung tahun berdasarkan komitmen di kalangan pemimpin Eropah. Lanjutan sasaran pengurangan defisit Greece untuk dua tahun lagi adalah bukti keazaman kerajaan di Eropah yang membantu memastikan bahawa pakatan matawang umum terus diguna pakai. Tambahan pula, kerajaan pusat AS, melalui langkah-langkah kecairan terbuka mengurangkan kebimbangan pada isu “fiscal cliff”. Semua ini telah memperbaiki sentimen terhadap permintaan luar.

ia juga membanggakan bila diperhatikan bahawa ekonomi Malaysia kekal kukuh sepanjang tempoh ketidaktentuan ini. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar yang mengagumkan sebanyak 5.6% pada tahun 2012 disebabkan perbelanjaan domestik yang mantap. Program Transformasi Ekonomi (ETP) terus menjadi pendorong kepada aktiviti pelaburan yang kukuh, seperti yang dilihat dalam peningkatan digit berganda dalam pertumbuhan pelaburan persendirian. Di samping itu, keadaan pasaran tenaga kerja yang kukuh berserta sentimen pengguna yang lebih baik dan pertumbuhan pendapatan memberangkan penggunaan persendirian mencatatkan prestasi cemerlang sepanjang tahun.

Walaupun dengan pergolakan luaran, FBM KLCI mengakhiri tahunnya pada satu lagi rekod yang tinggi pada tahap 1,688.95, yang boleh diterjemahkan kepada peningkatan 11.6% berbanding di awal tahun ini. Pasaran ekuiti tempatan juga adalah memberangsangkan, memandangkan sambutan yang lebih baik daripada jangkaan pada siri berbilion ringgit dan profil bertaraf tinggi tawaran awam permulaan (IPO) yang berlaku pada tahun lepas. Minat institusi antarabangsa dan domestik yang ditunjukkan dalam IPO ini memberikan sokongan tambahan kepada pasaran ekuiti Malaysia meskipun dengan persekitaran luaran yang tidak menentu.

Dalam pasaran bon, terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) secara amnya kekal pada lebih daripada RM90 bilion manakala pemilikan oleh warga asing dalam instrumen tersebut kekal pada paras tertinggi rekod. Pergerakan dalam pulangan bon adalah tidak menentu sepanjang tahun walaupun Kadar Dasar Semalam (OPR) kekal tidak berubah disebabkan pergelutan para pelabur antara pertumbuhan dari luar negara yang lebih perlana dan langkah-langkah sementara yang dilaksanakan dalam ekonomi yang dilanda hutang dalam zon Euro.

PERUTUSAN PENGERUSI

PRESTASI KEWANGAN

Di tengah-tengah ketidaktentuan ekonomi, saya gembira untuk mengumumkan bahawa KWAP telah memberikan prestasi memberangsangkan pada 2012. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, pulangan pelaburan kasar dan bersih KWAP masing-masing berada pada 6.84% dan 6.79%. Di samping itu, saiz dana KWAP juga berkembang sebanyak 12.41% kepada RM88.73 bilion pada akhir tahun 2012. Dalam tempoh lima tahun lepas, saiz dana KWAP terus berkembang dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 13.04% setahun. Sehubungan ini, cabaran untuk memberikan hasil yang konsisten adalah lebih besar terutamanya dalam konteks kepelbagaian pelaburan antarabangsa.

PROJEK SAA FASA II

Untuk tujuan ini, projek fasa kedua Alokasi Aset Strategik (SAA) KWAP telah disiapkan pada April 2012. Kajian telah dilakukan antara Jabatan Strategi Portfolio dan perunding luar. Seterusnya, pelbagai inisiatif telah dicadangkan berdasarkan hasil penemuan projek. Ini antara lain termasuk pertimbangan kelas aset baharu seperti aset berdasarkan sumber dan pelaburan infrastruktur.

ISO 9001:2008

Pencarian untuk mendapatkan amalan terbaik adalah usaha yang tiada hentinya terutama bagi institusi awam seperti KWAP. Dalam hal ini, saya gembira untuk menyatakan bahawa KWAP telah dianugerahkan dengan pensijilan ISO 9001:2008 dengan skop pendapatan tetap domestik Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) dan hartaanah antarabangsa pada 26 Jun 2012. Saya percaya dengan pengiktirafan ini, ia akan memupuk tahap keyakinan yang lebih besar di kalangan pihak berkepentingan terutamanya kakitangan kerajaan awam.

ANALISA TETAPAN PRESTASI

Dalam usaha untuk meningkatkan kriteria keputusan pelaburan, analisa tetapan prestasi pasti akan membantu KWAP untuk memperbaiki pengawasan yang rapi terhadap prestasi pelaburan. Berdasarkan perkara ini, saya ingin menekankan bahawa templat prestasi untuk menganalisa pendapatan tetap antarabangsa dan pelaburan ekuiti telah direka sendiri dan telah siap pada Oktober 2012. Ianya menunjukkan keupayaan pengurusan kami untuk mewujudkan sistem yang mantap dalam meningkatkan proses pelaburan KWAP.

MELANGKAH KE HADAPAN

Pada tahun 2013, ekonomi global dijangka akan kekal mencabar kerana ekonomi maju terus menangani kelemahan dalam kewangan awam mereka. Dalam proses itu, pertumbuhan subpar di negara maju akan menjadi keutamaan dan akan sentiasa memberi kesan kepada negara-negara Asia, termasuk Malaysia, melalui permintaan luaran mereka. Tambahan pula, perbezaan kadar faedah yang lebih luas memihak kepada negara-negara Asia membayangkan bahawa aliran modal asing akan menjadi sumber ketidakstabilan dan akan memberi kesan kepada turun naik pasaran, dan menyumbang lagi kepada persekitaran yang sudah sedia mencabar. Walaupun dengan keimbangan ini, ekonomi Malaysia dijangka berdaya tahan untuk menghadapi senario buruk seperti ini berikutan peningkatan peranan yang dimainkan oleh pasukan domestik. Pelaksanaan projek-projek ETP yang berkaitan akan terus menguatkan trajektori pertumbuhan negara melalui aktiviti pelaburan persendirian yang lebih tinggi, elemen kritikal bagi Malaysia dalam usaha menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Berlatarbelakangkan keadaan itu, negara berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Kerajaan sebanyak 4.5% kepada 5.5% pada tahun 2013.

PERUTUSAN PENGERUSI

PENUTUP

Saya amat gembira untuk menyatakan bahawa KWAP terus memberikan satu set pencapaian yang baik, walaupun dengan pelbagai cabaran dan ketidaktentuan. Pada kesempatan ini, saya gembira kerana KWAP berada dalam bimbingan yang baik di bawah pengawasan pengurus sebelum saya, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah. Bimbingan yang tidak bernilai dan sumbangan beliau akan sentiasa menjadi prinsip panduan untuk membentuk masa depan KWAP. Bagi pihak lembaga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Azian Mohd Noh dan pengurusan beliau yang berdedikasi, serta semua warga kerja KWAP atas sokongan berterusan mereka dan perhatian yang tidak berbelah bahagi untuk menerajui KWAP ke tahap di mana ia berada hari ini.

Walaupun 2013 akan terus mempunyai cabarannya yang tersendiri, saya percaya bahawa dengan strategi teliti yang telah dikemukakan dan pertimbangan yang sewajarnya ke atas faktor risiko, KWAP akan memberikan hasil yang mampan pada masa hadapan.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



DATO' AZIAN MOHD NOH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“Bertentangan dengan jangkaan hambar di awal tahun, 2012 sama sekali tidak berubah menjadi satu tahun yang buruk. Namun tidak dinafikan bahawa persekitaran luaran terutamanya dalam zon Euro adalah tidak menentu dan seringkali sukar.”

Kerosakan yang berlaku di negara maju seolah-olah tidak boleh diperbaiki dalam jangka masa terdekat memandangkan tahap saiz hutang awam yang diburukkan lagi dengan kadar pengangguran yang tinggi. Bank-bank pusat telah mengerahkan apa yang termampu dari kit alat dasar mereka termasuk kedua-dua langkah konvensional dan tidak konvensional. Keputusan untuk mula menyuntik kecairan dalam sistem dapat membantu bagi mengelakkan tekanan ekonomi dan membantu menenangkan sentimen. Walau apa pun, hasil yang diingini masih belum dapat dilihat dan ekonomi Asia dibiarkan dengan enjin domestik untuk menggerakkan pertumbuhan secara keseluruhan.

Pilihanraya tidak meyakinkan di Greece mencetuskan berita tentang kemungkinan perpecahan di zon Eropah terutamanya pada separuh pertama tahun 2012. Manakala keimbangan atas keadaan di China muncul semula apabila kerajaan kembali menyemak unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanya kepada 8% sepanjang tahun. ‘Tebing fiskal’ AS menjadi topik perbincangan kerana keimbangan atas kebuntuan dan sikap tidak mengambil tindakan menjadi semakin hebat berikutan Pilihanraya Presiden pada 6 November lalu.

Tanpa mengira apa yang berlaku, ekonomi Malaysia adalah terkecuali dari kekacauan global ini. Perniagaan khususnya dari industri yang berorientasikan domestik hampir tidak terjejas walaupun pengeksport ada ketika mengalami impaknya.

Pertumbuhan berganda yang kukuh dalam pelaburan persendirian dan pengembangan berterusan dalam perbelanjaan pengguna telah membantu memantapkan kekuatan dalam permintaan domestik dan membawa kepada pertumbuhan KDNK 5.6% bagi keseluruhan tahun 2012.

PRESTASI KEWANGAN

Memandangkan ketidakstabilan pasaran yang diperhatikan dalam persekitaran luaran, pasaran kewangan Malaysia pada umumnya berdaya tahan dengan dibantu oleh dasar asas yang kukuh. FBM KLCI mencatatkan keuntungan memberangsangkan sebanyak 11.6% sepanjang tahun 2012 dan membawa penanda aras ekuiti kepada 1,688.95 mata menjelang akhir tahun. Di samping itu, beberapa tawaran awam awal (IPO) telah ditawarkan kepada pelabur institusi. Bagi pendapatan tetap, pemilikan pelabur asing dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) terus berada di tahap tinggi di tahun 2012. Ini mencerminkan keyakinan yang besar dikalangan pelabur antarabangsa dalam pasaran modal Malaysia walaupun dengan pergolakan berlarutan dalam pasaran kewangan global. Selain dari itu, dasar fiskal kukuh dan polisi kewangan turut membantu mengemudi pertumbuhan ekonomi negara dan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pasaran kewangan untuk memberikan prestasi yang baik. Berlatarbelakangkan keadaan sedemikian, KWAP berjaya mencatat Pulangan atas Pelaburan (ROI) sebanyak 6.84% pada tahun 2012, lebih tinggi berbanding dengan 6.3% yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Secara mutlak, ROI KWAP berada pada tahap RM5.75 bilion pada tahun 2012 dengan peningkatan memberangsangkan dari tahun ke tahun sebanyak 23% daripada RM4.66 bilion pada tahun sebelumnya.

Perkembangan saiz dana kami adalah amat membanggakan walaupun berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan. Jumlah saiz dana KWAP adalah RM88.73 bilion pada 31 Disember 2012. Ini adalah 12.41% lebih tinggi daripada saiz dana tahun sebelumnya pada RM78.93 bilion. Ia disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan pelaburan sebanyak RM5.75 bilion, caruman majikan berjumlah RM2.67 bilion dan Kerajaan Persekutuan pula merekodkan caruman RM1.50 bilion.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami sentiasa memastikan proses pelaburan kami akan kekal teguh walaupun terpaksa menghadapi ketidaktentuan pasaran yang menuntut penelitian yang berterusan dalam bagaimana portfolio pelaburan kami diuruskan. Dalam hal ini, pembentukan Jabatan Penyelidikan melengkapkan kriteria ketat kami dalam pemilihan stok. Bagi pasaran bon pula, penerbitan utama yang lebih tinggi dalam Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) memberikan pulangan menarik dalam membantu memperbaiki pulangan KWAP dalam pendapatan portfolio tetap kami.

PENCAPAIAN OPERASI

Usaha kami untuk pulangan pelaburan yang mampu telah melangkaui luar negara bagi mempelbagaikan jelajahan portfolio kami. Kami merasa amat gembira menyaksikan pelancaran rasmi Prima Ekuiti (UK) Limited pada April 2012 yang akan menjadi perantara utama bagi KWAP untuk melabur dalam pasaran modal di UK. Sejumlah GBP100 juta telah disuntik kepada perantara khas ini dengan mandat ekuiti.

Selain dari itu, KWAP terus menembusi pelaburan harta antarabangsa pada 2012. Bangunan pejabat 10 Gresham Street di UK adalah pembelian terbaru kami dengan kos GBP200 juta dan diperolehi pada Oktober 2012. Hasil sewaan ini akan membuatkan tawaran nilai pelaburan bertambah dari segi ROI memandangkan harganya yang menarik. Ini bukanlah satu keputusan yang mudah jika ianya dilihat dari dasar penjimatan yang berterusan. Walau bagaimanapun, memandangkan jenis matlamat pelaburan jangka panjang kami setimpal dengan risiko, keyakinan kukuh ini akan diguna pakai dari masa ke semasa.

Walaupun keputusan pelaburan adalah keutamaan kami, perhatian kepada perkara-perkara lain tidak akan diabaikan kerana kami percaya KWAP seharusnya berkembang secara holistik. Ini mungkin termasuk aspek-aspek kualitatif lain yang akan menjamin kejayaan organisasi kami dalam tahun-tahun akan datang.

Di samping itu, Latihan Pemulihian Bencana KWAP secara 'live' telah berjaya dilaksanakan pada bulan November 2012. Fungsi kritikal utama yang melibatkan perdagangan ekuiti dan pendapatan tetap, penyelesaian pelaburan dan pemindahan saham telah dilakukan di Pusat Pemulihian Bencana KWAP di Petaling Jaya. Sistem-sistem yang berkaitan juga telah berjaya dipulihkan di Menara Yayasan Tun Razak KWAP.

Baru-baru ini, kami telah selesai melaksanakan sistem Risiko Strategi Pencapaian. Sistem baru yang dikenali sebagai 'Barra One' telah pun digunakan secara 'live' dan menyokong Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan bagi menjanaan metrik risiko pasaran dan analisis. Bagi Jabatan Prestasi Perniagaan dan Strategi Portfolio pula, ia adalah untuk atribusi prestasi dan analisis dan bagi tujuan pengoptimuman strategi portfolio.

Penambahbaikan kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko telah disiapkan pada Mac 2012 berdasarkan ISO 31000. Objektif bagi kajian ini adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan boleh menampung dan menyokong operasi semasa KWAP serta usaha-usaha di masa hadapan.

MODAL INSAN

Dalam konteks hari ini, persaingan untuk mendapatkan hanya yang terbaik dengan DNA yang bertepatan bagi sesebuah organisasi boleh menjadi satu tugas yang sukar. Perkara yang sama juga boleh diperkatakan bagi mengekalkan bakat sedia ada dalam usaha untuk memastikan perjalanan lancar sesebuah organisasi dalam menghadapi pelbagai rintangan. Oleh itu, strategi proaktif telah dibuat dan keputusannya adalah diluar jangkaan.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saya berbesar hati mengumumkan bahawa KWAP terus berkembang maju dari segi jumlah bilangan kakitangan. Sehubungan ini, tenaga kerja KWAP telah meningkat dari 152 kepada 175 sehingga akhir bulan Disember 2012 dengan kebanyakannya adalah dari kategori berkemahiran tinggi. Dalam usaha untuk menanamkan sikap berpencapaian tinggi di kalangan warga kerja KWAP, beberapa program Siri Kepimpinan telah dijalankan di mana ketua-ketua industri telah bermurah hati untuk berkongsi pengalaman dan wawasan mereka. Kebanyakan warga kerja kami telah mendapat manfaat daripada program ini, berdasarkan kepada sesi soal jawab yang dijalankan. Seperti yang selalu ditekankan oleh orang bijak pandai tentang kekuatan ilmu pengetahuan, KWAP telah menggalakkan warga kerja untuk mengambil bahagian dalam program profesional seperti Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA) dan pendidikan tahap lebih tinggi bagi meningkatkan lagi kemahiran dan proses pemikiran mereka.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Walaupun dengan jadual yang padat, keprihatinan kami untuk masyarakat tidak pernah diabaikan terutamanya berhubung dengan orang-orang yang kurang bernasib baik. Sempena bulan Syawal tahun lepas, pihak pengurusan dan kakitangan kami telah melawat Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. Para penghuni rumah tersebut jelas gembira menyambut Hari Raya dengan kami. Barang-barang harian asas dan bekalan penjagaan kesihatan telah diserahkan

berdasarkan keperluan rumah tersebut. Sejak penubuhannya pada tahun 1998, Rumah Ehsan menyediakan penjagaan dan perlindungan untuk warga emas bagi memastikan rawatan terbaik dan membantu mereka dalam mendapatkan kualiti hidup yang lebih bermakna. Kakitangan kami juga kerap menyumbangkan buah fikiran mereka di dalam akhbar melalui artikel yang membincangkan isu-isu kritikal berkaitan ekonomi dan pelaburan. Ini secara simboliknya adalah cara perkongsian buah fikiran kami dengan masyarakat tentang dasar-dasar kerajaan serta isu-isu semasa, yang mungkin melibatkan kehidupan harian rakyat Malaysia.

PENUTUP

Pencapaian kami hari ini tidak mungkin akan terlaksana tanpa wawasan dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin sebelum ini yang telah mengemudikan KWAP dalam pelbagai suasana. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah yang telah meneraju organisasi ini selama hampir 6 tahun. Sumbangannya yang tidak ternilai kepada organisasi ini akan sentiasa dikenang.

Saya juga ingin merakamkan ucap selamat kepada Dato' Seri Dr Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah atas pelantikan beliau sebagai Pengerusi baru KWAP bermula Ogos 2012. Kami amat teruja dengan sokongan dan bimbingan berharga beliau dalam mengemudi KWAP ke tahap yang lebih mencabar. Kepada ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan kami, terima kasih atas kepercayaan dan sokongan anda.

Seksyen II

STRATEGI KAMI

021 Laporan Kad Skor Korporat 2012

028 Kad Skor Korporat untuk 2013

030 Perkembangan Antarabangsa - Prima Ekuiti (UK) Limited

031 Mencipta Sukuk Kekal Baharu

LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2012

Objektif Pihak Berkepentingan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Meningkatkan saiz dana	a) Peratusan pertumbuhan saiz dana	a) Meningkatkan saiz dana (mengikut kos) sekitar 9.9% dari anggaran baki pembukaan 2012	a) Mengatasi sasaran Saiz dana bertambah dari RM78.93 bilion kepada RM88.73 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 12.41%
2. Pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan	a) Mengenalpasti penyelesaian pembiayaan (Berhubung dengan sumbangan Kerajaan kepada KWAP)	a) Penyerahan penyelesaian pembiayaan	a) Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menjalankan kajian menyeluruh ke atas penyelesaian pembiayaan. Kajian ini telah disempurnakan pada November 2012.
Objektif Kewangan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Mencapai sasaran Pulangan Atas Pelaburan (ROI)	a) KDNK tahun 2012 b) Penanda aras khas (purata berwajaran dari penanda aras kesemua kelas aset)	a) ROI sebanyak 5.00% b) Mengatasi penanda aras khas	a) Mengatasi sasaran ROI kasar pada 6.84% b) Mengatasi sasaran TWRR 8.63% melebihi penanda aras khas dengan 323 mata asas (penanda aras khas adalah 5.40%)
2. Meningkatkan penggunaan alokasi aset antarabangsa	a) Peratusan alokasi aset antarabangsa dari keseluruhan saiz dana	a) Lebih daripada 6% dari keseluruhan saiz dana	a) Mengatasi sasaran 6.58% dari keseluruhan saiz dana digunakan untuk pelaburan antarabangsa
Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Menambahbaik pengurusan pelaburan	a) Jumlah inisiatif operasi yang disempurnakan di bawah objektif 'Menambahbaik strategi pelaburan'	a) 6 inisiatif operasi i. Melaksanakan Fasa II SAA Projek dan kajian ke atas kelas aset baru seperti kelas aset berdasarkan sumber untuk dimasukkan ke dalam SAA	a) Selesai: 4 Separa selesai : 1 Tertunda ke 2013: 1 i. Selesai Hasil kajian telah dicadangkan kepada Lembaga dan Panel Pelaburan pada bulan April 2012 dan dibentangkan pada bulan November 2012 di dalam kajian berasingan

LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2012

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Menambahbaik pengurusan pelaburan (Sambungan)	a) Jumlah inisiatif operasi yang disempurnakan di bawah objektif 'Menambahbaik strategi pelaburan'	<p>a) 6 inisiatif operasi</p> <p>ii. Menjalankan kajian mengenai cadangan menubuhkan unit pelaburan pendapatan tetap antarabangsa yang berpusat di UK</p> <p>iii. Membangunkan unjuran ekonomi dan prospek berpotensi baharu pasaran / ekonomi / matawang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memulakan & mengemaskini Liputan Ekonomi Serantau, Matawang & Penyelidikan Risiko Negara • Membangunkan unjuran ekonomi bagi ekonomi-ekonomi Utama <p>iv. Membangunkan Analisa Prestasi dan Pengiktirafan untuk pelaburan antarabangsa</p> <p>v. Melancarkan penganggaran risiko pada peringkat portfolio / pengurusan dana</p> <p>vi. Membangunkan kaedah untuk mengira kadar pulangan risiko tertaras untuk <i>ex-post</i> (berasaskan sejarah) dan <i>ex-ante</i> (berasaskan jangkaan)</p>	<p>a) Selesai: 4 Separa selesai : 1 Tertunda ke 2013: 1 ii. Selesai</p> <p>iii. Selesai</p> <ul style="list-style-type: none"> • 17 laporan penyelidikan telah dihasilkan meliputi 10 negara • Unjuran ekonomi telah disediakan bagi negara-negara seperti Australia, UK, AS dan China dalam bidang-bidang utama seperti panggilan kadar faedah, hala tuju dasar kewangan dan kadar pertukaran matawang • Bagi Malaysia, amalan mengunjur dibangunkan merangkumi bidang seperti perdagangan, inflasi, pengeluaran dan dasar fiskal <p>iv. Selesai</p> <p>v. Separa selesai Rangka kerja penganggaran risiko telah diselesaikan dan pelancaran pada peringkat portfolio / dana akan dijalankan pada tahun 2013</p> <p>vi. Ditunda ke 2013 sehingga pelaksanaan Sistem Strategi Risiko Prestasi (RPS)</p>
	b) Peratusan cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan	b) 90%	b) 95% kelulusan (95 daripada 100 cadangan)

LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2012

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
2. Menerima pakai amalan terbaik	a) Bilangan inisiatif operasi dilaksanakan yang dikenal pasti sebagai 'Menerima pakai amalan terbaik'	<p>a) 13 inisiatif operasi</p> <p>i. Menjalankan kajian mengenai amalan terbaik global pemantauan Pengurus Dana Luar</p> <p>ii. Mewujudkan fungsi Pertukaran Asing untuk menyokong pelaburan antarabangsa</p> <p>iii. Pelaksanaan Sistem Strategi Risiko Prestasi (RPS)</p> <p>iv. Meningkatkan Rangka kerja Pengurusan Risiko yang berdasarkan ISO 31000</p> <p>v. Mendapat pensijilan ISO 9001:2008 dengan skop diperluaskan ke pendapatan tetap domestik [Sekuriti Hutang Persendirian (SHP)] dan hartanah antarabangsa</p> <p>vi. Melaksanakan Sistem Pengurusan Sekuriti Maklumat (ISMS) dan persediaan proses pensijilan ISO</p> <p>vii. Menilai hasil kajian <i>Financial Reporting Standards</i> (FRS) dengan kemungkinan untuk dilaksanakan pada 2012</p>	<p>a) Mencapai Sasaran</p> <p>i. Fasa pertama kajian (Yang melibatkan penyelidikan melalui penerbitan dan media) disempurnakan pada Disember 2012.</p> <p>ii. Selesai</p> <p>Fungsi Pertukaran Asing dan keupayaan yang berkaitan ditubuhkan bagi memenuhi keperluan pelaburan antarabangsa KWAP [Termasuk Tatacara Operasi Standard (SOP) dan Dasar & Garis Panduan Pelaburan (IPG)].</p> <p>iii. Selesai</p> <p>iv. Selesai</p> <p>v. Selesai</p> <p>KWAP telah dianugerahkan dengan sijil bersih pada 26 Jun 2012.</p> <p>vi. Selesai</p> <p>Skop pensijilan ISO telah dikenal pasti</p> <p>vii. Selesai</p> <p>Cadangan pelaksanaan FRS diterima daripada konsultan dan akan dilaksanakan sepanjang 2012-2014.</p>

LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2012

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
2. Menerima pakai amalan terbaik (Sambungan)	a) Bilangan inisiatif operasi dilaksanakan yang dikenal pasti sebagai 'Menerima pakai amalan terbaik'	<p>a) 13 inisiatif operasi</p> <p>viii. Pelaksanaan lengkap Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS)</p>	<p>viii. ICMS telah dilaksanakan pada 31 Disember 2012.</p>
		<p>ix. Mengkaji semula dan meningkatkan keselamatan pengkomputeran mudah alih</p>	<p>ix. Selesai</p>
		<p>x. Menjalankan penilaian penembusan keselamatan ke atas rangkaian, pelayan dan titik hujung IT (<i>endpoints</i>)</p>	<p>x. Selesai</p>
		<p>xi. Melaksanakan sistem aplikasi sesawang dan komputer maya</p>	<p>xi. Selesai</p>
		<p>xii. Menjalankan Pemulihan Bencana secara langsung</p>	<p>xii. Selesai</p>
		<p>xiii. Melaksanakan Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata (RENTAS) baharu</p>	<p>xiii. Pelaksanaan RENTAS baharu telah dimulakan dan dijangka siap pada tahun 2014</p>
	b) Peratusan pematuhan kepada undang-undang / peraturan-peraturan	<p>b) Pematuhan 100%</p>	<p>b) Mencapai sasaran</p>
	c) Peratusan daripada pemerhatian audit ditutup dalam masa yang ditetapkan	<p>c) Penutupan 100%</p>	<p>c) Mencapai sasaran</p>
	d) Pendapat dari juruaudit berkanun	<p>d) Sijil Audit berkelayakan untuk Penyata Kewangan</p>	<p>d) Mencapai sasaran (Diperolehi pada 23 Mac 2012)</p>
	e) Pendapat dari Ketua Audit Negara berhubung dengan audit prestasi	<p>e) Tiada penemuan penting yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dan semua penemuan kurang penting yang dibangkitkan diselesaikan dalam tempoh 6 bulan</p>	<p>e) Mencapai sasaran</p>

LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2012

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
3. Menjalankan kajian kesesuaian pelan KWAP untuk: a) Membina keupayaan dalam kewangan Islam b) Mengambil bahagian dalam industri Skim Persaraan Persendirian	Tamat kajian dalam jangka masa yang diberi	Dibentangkan kepada Lembaga pada Mei 2012	a) KWAP mengkaji kesesuaian memperoleh sebuah syarikat pengurusan aset Islam b) KWAP telah memutuskan untuk tidak mengambil bahagian berdasarkan keperluan pelesenan dan garis panduan skim oleh Suruhanjaya Sekuriti
Objektif Pembelajaran & Pertumbuhan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Meningkatkan pengurusan modal insan a) Kemajuan inisiatif Pengurusan Sumber Manusia (HRM): i. Perkembangan modal insan	i. Jumlah inisiatif baharu berdasarkan kajian semula	i. 4 inisiatif	i. Mencapai sasaran inisiatif perkembangan modal insan yang dijalankan pada tahun 2012: <ul style="list-style-type: none">• Pengenapstian modal insan• Penilaian modal insan• Pembangunan Kecekapan untuk Jawatan Kritis• Penyediaan Pelan / Program Pembangunan Modal Insan
ii. Tahap daya saing KWAP berbanding pasaran (Imbuhan untuk Tarikan dan Pengekalan)	ii. Kelulusan yang tepat pada masanya oleh Lembaga	ii. Disember 2012	ii. Kajian penanda aras dan semakan terhadap: <ul style="list-style-type: none">• Kedudukan Penggredan, Julat Gaji dan Manfaat Daya Saing siap pada tahun 2012 la seterusnya telah diluluskan oleh Lembaga pada bulan Disember 2012

LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2012

Objektif Pembelajaran & Pertumbuhan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Meningkatkan pengurusan modal insan (Sambungan)			
b) Menyemak semula kadar faedah dan pampasan	b) Kelulusan yang tepat pada masanya oleh Lembaga	b) April 2012	b) Cadangan faedah dan pampasan siap dan dibentangkan kepada Lembaga pada Disember 2012.
c) Menggalakkan budaya organisasi pembelajaran	c) i. Pelaksanaan Skim Bantuan Pendidikan Pekerja ii. Bilangan program	c) i. Januari 2012 ii. 12 program	c) i. Skim Bantuan Pendidikan Pekerja dilancarkan pada bulan Januari 2012. Sehingga 31 Disember 2012, 4 warga kerja telah mendaftar diri untuk program ini ii. Mengatasi sasaran Menjalankan 12 program yang dijadualkan dan 3 program tambahan: <ul style="list-style-type: none">• E-pembelajaran dengan Bank Dunia• Program Nilai Korporat• Program Bimbingan dan Etika Profesional
d) Budaya prestasi tinggi	d) Bilangan program dilaksanakan	d) 3 program	d) Mencapai sasaran 3 program yang dilaksanakan: <ul style="list-style-type: none">i. Melaksanakan Kajian Budaya 2012ii. Menjalankan bengkel dalaman 'Menghayati Nilai Anda'iii. Menyiarkan artikel mengenai budaya prestasi tinggi kepada warga kerja
e) Pembelajaran	e) Purata hari latihan setiap warga kerja	e) 7 hari latihan bagi setiap warga kerja	e) Purata 8.2 hari bagi setiap warga kerja

LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2012

Objektif Pembelajaran & Pertumbuhan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Meningkatkan pengurusan modal insan (Sambungan) f) Perancangan Pelapisan	f) Penyelesaian Rangka Kerja Perancangan Pelapisan	f) Mewujudkan Rangka Kerja Perancangan Pelapisan pada Ogos 2012	f) Rangka Kerja telah dibentangkan kepada Pengurusan dan tertakluk kepada perubahan kecil sebelum pelaksanaan.
2. Penglibatan Warga Kerja	a) Menjalankan dan melaksanakan Kajian Penglibatan Warga Kerja	a) Minimum 2 program	a) Mencapai sasaran 2 program dilaksanakan: i. Kajian Penglibatan Warga Kerja ii. Program Bina Semangat Berpasukan
	b) Peratus kadar penyertaan Kajian Penglibatan Warga Kerja	b) Kadar Penyertaan 65% -75%	b) Mengatasi sasaran (Kadar Penyertaan: 97%)
3. Memprofilkan KWAP ke persada tempatan dan antarabangsa	a) Bilangan persidangan / seminar di mana warga kerja KWAP mengambil bahagian sebagai penceramah	a) 2 persidangan / seminar	a) Mencapai sasaran i. Persidangan Keselamatan ASEAN IDC pada bulan April 2012 ii. Acara Tahunan Keempat Forum Pelaburan Keinstitusian Asia Tenggara oleh <i>AsianInvestor</i> pada bulan Disember 2012
	b) Bilangan penyertaan KWAP di dalam jawatankuasa kerja yang diketuai oleh Kerajaan / penyelia / persatuan industri	b) 1 penyertaan	b) Mencapai sasaran Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus Korporat (ahli-ahli termasuk KWSP, Khazanah, PNB, LTAT dan KWAP)

KAD SKOR KORPORAT 2013

Objektif Pihak Berkepentingan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Meningkatkan saiz dana	a) Peratus pertumbuhan dalam saiz dana	a) Meningkatkan saiz dana (pada kos) sekitar 9.7% - 10.4% dari anggaran baki pada pembukaan 2013
2. Memulakan penggabungan dengan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam	a) Jangka masa siap	a) Kertas konsep mengenai penggabungan dimuktamadkan pada Mac 2013
3. Membangunkan Pelan Tindakan Strategik (2013 - 2015)	a) Jangka masa siap	a) Pelan Tindakan Strategik dilengkapkan pada Jun 2013
4. Membangunkan keupayaan untuk menawarkan pematuhan Syariah dalam pengurusan pelaburan	a) Jangka masa siap	<p>a) Melengkapkan potensi pengambilalihan syarikat pengurusan aset Islam</p> <p>b) Kajian penubuhan dana pematuhan Syariah dan model operasinya siap pada November 2013</p>
Objektif Kewangan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Mencapai sasaran ROI	a) Penanda aras: KDNK tahun 2013	<p>a) ROI pada tahun 2013:</p> <ul style="list-style-type: none"> 5.25% (sasaran rendah) 5.50% (sasaran asas) 5.87% (sasaran terbaik)
	b) Penanda aras khas (purata berwajaran bagi semua penanda aras kelas aset)	b) Mengatasi penanda aras khas
2. Meningkatkan peruntukan dan penggunaan pelaburan antarabangsa	a) Peratus alokasi aset antarabangsa yang digunakan daripada jumlah saiz dana	a) Minimum 10%

KAD SKOR KORPORAT 2013

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Melaksanakan strategi pelaburan baharu	a) Bilangan inisiatif operasi disiapkan seperti yang dikenal pasti di bawah amalan pelaburan baharu	a) Memperkenalkan sekurang-kurangnya 5 strategi pelaburan baharu pada tahun 2013
2. Meningkatkan amalan pelaburan	a) Bilangan inisiatif operasi disiapkan seperti yang dikenal pasti di bawah amalan pelaburan baharu b) Peratus cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan	a) Memperkenalkan sekurang-kurangnya 3 amalan pelaburan baharu pada tahun 2013 b) Panel Pelaburan meluluskan sekurang-kurangnya 90% cadangan pelaburan
3. Meningkatkan amalan operasi dan pengurusan risiko	a) Bilangan inisiatif operasi disiapkan seperti yang dikenal pasti di bawah "Meningkatkan amalan operasi dan pengurusan risiko" b) Peratus pematuhan undang-undang/peraturan-peraturan c) Peratus pemerhatian audit ditutup dalam jangka masa yang ditetapkan d) Pendapat dari juruaudit berkanun e) Pendapat dari Ketua Audit Negara berhubung audit prestasi	a) Melaksanakan sekurang-kurangnya 7 inisiatif operasi dan pengurusan risiko di 2013 b) Pematuhan 100% c) Penutupan 100% d) Sijil Audit berkelayakan untuk Penyata Kewangan e) Tiada penemuan penting yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dan semua penemuan tidak penting (<i>non material</i>) yang dibangkitkan dapat diselesaikan dalam tempoh 6 bulan
Pembelajaran & Objektif Pertumbuhan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan modal insan	a) Jangka masa siap	a) Memuktamadkan tarikan modal insan, pengekalan dan ganjaran modal insan pada Ogos 2013 b) Melengkapkan audit modal insan dan analisis penilaian jurang menjelang Jun 2013 c) Melengkapkan Rancangan Pembangunan Kerjaya Individu pada Oktober 2013
2. Perancangan pelapisan	a) Jangka masa siap	a) Membangunkan perancangan pelapisan bagi jawatan kritikal pada Disember 2013
3. Pengekalan modal insan	a) Kadar Pengekalan	a) Pengekalan 80% daripada modal insan dibawah IDP
4. Pembelajaran dan pembangunan	a) Hari Pembelajaran	a) Purata 7 hari bagi setiap tenaga kerja

PERKEMBANGAN ANTARABANGSA - PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

Pencarian pertumbuhan berterusan yang lebih tinggi menggunakan rangka kerja risiko yang boleh diterima pakai membawa kepada keperluan yang semakin meningkat untuk KWAP mencari peluang pelaburan global. Ini adalah bagi memberi tumpuan kepada dua strategi KWAP iaitu untuk mempertingkatkan pulangan risiko terlaras melalui kepelbagaian serta menarik, membangunkan dan mengekalkan modal insan.

Pada tahun 2009, Lembaga KWAP dan seterusnya Menteri Kewangan telah meluluskan Alokasi Aset Strategik (SAA) KWAP sebanyak 10% untuk pelaburan antarabangsa bagi kelas aset yang terpilih. Kelas-kelas aset tersebut adalah Ekuiti, Pendapatan Tetap, Hartanah dan Ekuiti Persendirian.

Pelaburan pertama KWAP di persada antarabangsa adalah melalui dana ekuiti persendirian Lombard Asia III pada Jun 2010. Langkah seterusnya telah diambil apabila KWAP menjadi salah satu pelabur ekuiti terawal dalam Tawaran Awam Awal (IPO) AIA Group Limited dengan pelaburan awal sebanyak USD200 juta. AIA Group Limited kemudiannya telah disenaraikan di Hong Kong Stock Exchange. Di samping itu, KWAP juga telah membentuk usaha sama dengan entiti lain.

Sehingga 31 Disember 2012, KWAP telah menggunakan 6.58% daripada SAA tersebut dengan pendedahan antarabangsa pada nilai pasaran sebanyak RM1.69 bilion dalam Pendapatan Tetap, RM2.04 bilion dalam Ekuiti, RM1.99 bilion dalam Hartanah dan RM238.18 juta dalam Ekuiti Persendirian.

Salah satu pencapaian besar dalam penjelajahan KWAP ke persada antarabangsa adalah pelancaran Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti). Prima Ekuiti adalah pejabat fizikal pertama yang ditubuhkan di luar Malaysia iaitu di London. Penubuhan Prima Ekuiti dilaksanakan berikutan resolusi yang diambil oleh Lembaga KWAP dalam mesyuarat Lembaga pada 22 Ogos 2011, sebagai salah satu daripada inisiatif KWAP untuk terus meningkatkan keupayaan dalam mengurus pelaburan aktif dalam aset antarabangsa.

Prima Ekuiti seterusnya telah diperbadankan dan didaftarkan dengan Pendaftar, Suruhanjaya Syarikat UK pada 6 Oktober 2011 untuk memberi khidmat nasihat profesional dalam pelaburan dan pengurusan

perkhidmatan kepada KWAP. Pelaburan yang dibuat oleh Prima Ekuiti bagi pihak KWAP juga sebahagiannya tidak dikenakan cukai kerana KWAP telah diberi Pengecualian Kekebalan Berdaulat oleh Kastam dan Hasil UK. KWAP dikecualikan daripada membayar pendapatan cukai, cukai syarikat dan cukai keuntungan modal bagi pelaburan yang dibuat secara langsung dibawah namanya.

Pejabat Prima Ekuiti telah dirasmikan dengan jayanya oleh mantan Pengerusi KWAP, Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah pada 30 April 2012, disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK, Datuk Seri Zakaria Sulong dan tetamu kehormat dari dalam industri. Pejabat ini terletak dengan strategiknya di tengah-tengah West End, di Berkeley Square House, Mayfair.

Prima Ekuiti diketuai oleh ahli Lembaga yang terdiri dari Dato' Mohammed Azlan Hashim sebagai Pengerusi. Beliau juga adalah salah seorang ahli Panel Pelaburan KWAP; Dato' Azian Mohd Noh, Ketua Pegawai Eksekutif KWAP; Puan Nik Amlizan Mohamed, Pengarah Jabatan Ekuiti KWAP dan Cik Mushida Muhammad, Pegawai Utama Prima Ekuiti. Pejabat ini diuruskan oleh Pegawai Utama, dibantu oleh pengurus portfolio dan pengurus pejabat.

KWAP telah memberi mandat untuk Prima Ekuiti melabur GBP200 juta dalam pasaran ekuiti UK dengan dananya dibandingkan dengan Indeks UK FTSE 100. Prima Ekuiti memulakan aktiviti pelaburannya pada 2 Mei 2012. Pada masa akan datang, besar kemungkinan Prima Ekuiti akan melanjutkan aktiviti pelaburannya meliputi pasaran dan kelas aset lain.

Kejayaan penubuhan Prima Ekuiti dan pembukaan pejabat di London bukanlah hanya satu peristiwa yang bersejarah bagi KWAP untuk diraikan, malah ianya lebih daripada itu kerana ia melambangkan peluang pertumbuhan baru, teguh dan berwawasan.

MENCIPTA SUKUK KEKAL BAHARU

Hasil daripada isu-isu hutang kerajaan di Eropah dan kegawatan di Amerika Syarikat, Asia telah menjadi minat baru para pelabur. Kecairan adalah tinggi di Asia dan mendorong rekod kadar faedah yang rendah di rantau ini. Pencarian untuk mendapatkan pulangan telah mendorong rangsangan permintaan untuk produk-produk inovatif dalam pasaran Islam.

Sukuk kekal berterusan ini adalah hibrid hutang-ekuiti. Dari perspektif tertentu, sukuk kekal berterusan menyerupai ekuiti: ia amat bersubordinat, bertahap matang yang panjang dan bayaran keuntungan yang boleh ditangguhkan. Satu lagi sifat sukuk kekal berterusan adalah agensi penarafan mengklasifikasikan ia sebagai "ekuiti" yang meningkatkan nisbah penggearan penerbit dan mengurangkan tekanan penilaian (jika ada). Sebaliknya, ia juga sama seperti pembiayaan instrumen / seperti hutang dimana keuntungan ditetapkan dan pilihan diberi untuk penerbit memanggil atau membayar balik sukuk tersebut pada tarikh yang ditetapkan. Ia menyediakan kos pembiayaan yang lebih rendah daripada ekuiti dan membolehkan pemegang sukuk tradisional membeli kerana yakin bahawa syarikat-syarikat berkemungkinan untuk menebus semula pada tarikh panggilan.

Konsep sekuriti modal berterusan bukanlah suatu perkara baharu. Terdapat beberapa bon berterusan konvensional yang telah dikeluarkan oleh badan korporat sejak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, tiada diantaranya sukuk kekal berterusan yang mematuhi syariah sebelum tahun 2012. Malaysia Airlines Berhad (MAS) adalah penerbit korporat pertama di dunia yang telah melaksanakan program *Islamic Perpetual Junior Sukuk* dengan RM2.5 bilion berdasarkan prinsip Islam Musyarakah dan Musawamah. Musyarakah ialah perakuan perkongsian keuntungan biasa yang akan menubuhkan sukuk awal dan Musawamah adalah perkiraan jualan yang dirunding yang akan dilaksanakan jika terdapat sebarang penangguhan pembayaran keuntungan berkala. Instrumen ini adalah yang paling sesuai untuk keperluan kewangan MAS kerana ia merangkumi intipati ekuiti pada kos modal yang lebih rendah berbanding dengan ekuiti biasa. Peringkat pertama dan kedua sukuk kekal MAS telah dilanggar sepenuhnya pada 6.9% setahun. Sukuk kekal berterusan ini boleh ditebus di MAS selepas sepuluh tahun dan pada setiap tarikh pengagihan seterusnya.

Sukuk kekal berterusan MAS telah menandakan satu pencapaian penting bagi industri kewangan Islam. Ia berfungsi sebagai pemangkin, menggalakkan urus niaga Islam yang lebih inovatif dan seterusnya mengukuhkan lagi pasaran kewangan Islam. Berikutnya perjanjian mercu tanda MAS, Abu Dhabi Islamic Bank, sebuah institusi kewangan Islam peringkat teratas telah turut berlumba untuk menerbitkan sukuk kekal berterusan. Bank tersebut baru-baru ini telah mengeluarkan sukuk

kekal berterusan hibrid bukan panggilan selama enam tahun bagi peringkat satu sebanyak USD1 bilion pada kadar keuntungan jangkaan 6.375%.

Dalam masa-masa yang terbaik, sukuk kekal berterusan menetapkan satu platform yang memberi keuntungan pada kedua-dua penerbit dan pelabur. Penerbit mendapat manfaat daripada ciri-ciri ekuiti sementara memberikan hasil pulangan yang menarik kepada pelabur berbanding dengan sukuk tradisional. Walau bagaimanapun, pengurus dana harus faham sepenuhnya risiko yang terkandung dalam sukuk kekal berterusan. Pelabur perlu selesa dengan keupayaan penerbit ke atas pembayaran balik dalam jangka masa yang panjang kerana tempoh sukuk kekal berterusan tidak ditentukan. Walaupun ianya terdapat beberapa risiko yang menyerupai ekuiti, pelabur hendaklah memastikan bahawa pulangan tambahan yang memadai ada untuk mengimbangi risiko ini. Selain itu, pelabur perlu sedar bahawa dalam tempoh penghindaran risiko global, kecairan perdagangannya boleh menjadi tipis dan tidak menentu. Oleh itu, sukuk berkekalan adalah sesuai hanya untuk pelabur yang mempunyai liabiliti jangka panjang, contohnya dana pencer.

Hasil sukuk yang jatuh akan menyebabkan pengurus dana mempelbagaikan ke negara-negara dan sektor-sektor lain, serta struktur baru seperti sukuk kekal berterusan untuk meningkatkan kembali hasil. Bagi pelabur, terutamanya pengurus dana Islam, sukuk kekal berterusan akan menjadi satu pilihan tambahan untuk jenis-jenis pelaburan patuh syariah. Untuk melindungi dana pelabur daripada kesan inflasi, adalah kurang bijak sekiranya pengurus dana tidak memberi perhatian terhadap produk ini.

Walaupun sukuk kekal berterusan menyerupai ekuiti, kepentingan pelabur boleh dilindungi melalui beberapa terma seperti penahan dividen, penolak dividen, dan pengagihan terkumpul, di mana penerbit dihalang daripada membayar dividen kecuali penerbit telah memenuhi tanggungjawab mereka untuk pelabur bon di bawah terma sukuk itu. Walaupun tiada tarikh tempoh matang, sukuk kekal berterusan biasanya akan memperuntukkan bahawa jika sekuriti tersebut tidak ditebus secara keseluruhan pada tarikh pertama berlaku panggilan (pada tahun-10), penerbit adalah tertakluk kepada keuntungan yang meningkat.

Seksyen III

PRESTASI KAMI

033 Tinjauan Ekonomi 2012

034 Prestasi Dana

039 Prestasi Pelaburan

053 Pengurusan Caruman



TINJAUAN EKONOMI 2012

Ketidaktentuan ekonomi politik di zon euro meraih banyak perhatian pada separuh pertama 2012. Perbincangan mengenai kemungkinan rombakan dalam blok ekonomi di benua Eropah meraih lebih kepercayaan apabila ahli-ahli politik yang sejajar dengan langkah-langkah anti-penjimatan mendapat sokongan daripada rakyat mereka. Di samping itu, beberapa penurunan kredit hutang berdaulat dan institusi kewangan menyebabkan kekacauan di pasaran kewangan kerana risiko lalai yang memuncak boleh mengakibatkan bencana jika perbincangan untuk perpecahan di zon euro menjadi realiti.

Walau bagaimanapun, keadaan di separuh kedua 2012 lebih melegakan. Bank pusat di seluruh dunia telah menunjukkan keazaman yang lebih mendalam untuk memperbaiki keadaan huru-hara ini dengan mempergiatkan langkah untuk menjana kecairan utama. Frasa “apa sahaja boleh” yang digunakan oleh Bank Pusat Eropah (ECB) pada bulan Julai telah menjadi sebutan dalam industri pelaburan manakala Pembiayaan Skim Pinjaman (FLS) UK membangkitkan harapan pemulihan yang cepat dalam pertumbuhan kredit. Pada masa yang sama, dasar tindak balas pantas oleh kerajaan AS dalam keterbukaan Kelonggaran Kuantitatif (QE) juga menimbulkan rasa selesa untuk pasaran kewangan.

Peralihan kuasa yang dinanti-nantikan di China berlaku dalam cara yang paling kondusif. Para pemimpin dalam Biro Politik (Politburo) telah berikrar untuk memastikan bahawa reformasi ekonomi akan menjadi keutamaan mereka. Dengan itu, liberalisasi kewangan terutamanya pada kebolehtukaran Renminbi (RMB) dan pembangunan pasaran modal China selanjutnya akan dilihat sebagai pemangkin utama untuk pertumbuhan. Terutamanya penerbitan bon oleh *Local Government Financing Vehicle* (LGFV) yang dijangka meningkat dengan pesat berikutnya permintaan lebih tinggi untuk perumahan awam serta projek infrastruktur lain.

Di peringkat domestik, ekonomi Malaysia terus mempamerkan daya tahan di mana pertumbuhan KDNK pada tahun 2012 terus menaik. Dengan kadar pertumbuhan 5.6%, ekonomi melepas julat unjurran kerajaan sebanyak 4.5% kepada 5.0% pada tahun 2012. Sumber pertumbuhan ekonomi disumbang oleh aktiviti domestik seperti penggunaan persendirian dengan keadaan pasaran tenaga pekerja yang stabil dan pertumbuhan pendapatan yang dapat mengekalkan pertumbuhan tinggi dalam perbelanjaan pengguna. Tambahan pula, projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) mampu untuk merangsang pelaburan persendirian untuk meningkat pada kadar dua angka. Meskipun begitu, dasar oleh Bank Negara Malaysia (BNM) terus menyokong kepada pertumbuhan, Kadar Dasar Semalam (OPR) yang tidak berganjak pada kadar 3.00% bagi keseluruhan tahun. Kadar inflasi sederhana 1.6% pada tahun 2012 telah membolehkan dasar monetari yang akomodatif untuk diguna pakai.

PRESTASI DANA


PRESTASI PELABURAN

Walaupun berdepan dengan persekitaran luaran yang mencabar, jumlah dana KWAP berjumlah RM88.73 bilion pada 31 Disember 2012, dimana ianya 12.41% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya pada RM78.93 bilion. Penyumbang terbesar kepada pertumbuhan dana ini ialah pendapatan pelaburan sebanyak RM5.75 bilion, diikuti oleh caruman majikan sebanyak RM2.67 bilion dan sumbangan Kerajaan Persekutuan pula sebanyak RM1.50 bilion.

Sepanjang tempoh lima tahun, dana ini mencatatkan pertumbuhan purata 13.04% setahun, dengan pendapatan pelaburan terus memainkan peranannya sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan aset. Secara kumulatif, pendapatan daripada pelaburan merupakan penyumbang tertinggi sebanyak 52.09% manakala caruman majikan adalah penyumbang kedua terbesar pada kira-kira 31.37%. Sumbangan oleh Kerajaan Persekutuan merangkup baki sebanyak 16.54%. Adalah penting untuk KWAP mencapai pertumbuhan aset yang mampan bagi membolehkan KWAP untuk menguruskan liabilitinya dengan efektif pada masa hadapan.

PERTUMBUHAN DANA DARI 1991 – 2012


RM Bilion



PRESTASI DANA


PECAHAN SUMBER DANA

RM Bilion



ALOKASI DANA PELABURAN (PADA KOS): 2008-2012

RM Bilion




Setakat 31 Disember 2012, sejumlah RM57.07 bilion (64.13%) dana telah dilaburkan dalam Sekuriti Pendapatan Tetap, RM29.26 bilion (32.88%) dalam Ekuiti dan RM2.66 bilion (2.99%) dalam Pelaburan Alternatif. Di samping itu, RM7.96 bilion telah disalurkan kepada pengurus dana luaran bagi pelaburan domestik serta pasaran antarabangsa. Menjelang Disember 2012, 91.06% daripada dana diuruskan secara dalaman dan 8.94% diuruskan secara luaran. KWAP meneruskan tahun dengan meluaskan pelaburan antarabangsa yang meliputi kelas aset yang lebih luas yang menyaksikan kadar peningkatan kepada RM5.66 bilion menjelang Disember 2012 daripada RM3.07 bilion pada tahun sebelumnya.

PRESTASI DANA

PENDAPATAN PELABURAN KASAR: 2008-2012


RM Billion



Sehingga Disember 2012, KWAP mencatatkan pendapatan pelaburan kasar yang direalisasi berjumlah RM5.75 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM1.09 bilion (23.40%) berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak RM4.66 bilion. Penyumbang pendapatan tertinggi adalah ekuiti pada RM2.95 bilion (51.26%) daripada jumlah pendapatan. Pinjaman dan Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) menjana RM1.27 bilion (22.06%), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) RM0.97 bilion (16.80%), Pasaran Wang RM0.33 bilion (5.79%) dan pelaburan alternatif RM0.23 bilion (4.09%).

PULANGAN KASAR ATAS PELABURAN: 2008 - 2012

Peratus (%)



PRESTASI DANA

Secara keseluruhannya, pulangan kasar atas pelaburan yang dicapai pada Disember 2012 adalah 6.84% iaitu lebih tinggi daripada tahun sebelumnya pada 6.30%. Pulangan kasar atas pelaburan Ekuiti Persendirian mencatatkan pulangan tertinggi sebanyak 28.54% diikuti oleh Ekuiti Domestik sebanyak 10.83% dan Sekuriti Hutang Persendirian dan Pinjaman sebanyak 5.71%, Sekuriti Hutang Malaysia, Bon Quasi dan Pasaran Wang masing-masing menyumbang sebanyak 4.82% dan 2.64%. Di peringkat antarabangsa, Ekuiti Antarabangsa dan Pendapatan Tetap masing-masing mencatatkan pulangan kasar atas pelaburan sebanyak 13.46% dan 5.15%. Pelaburan Hartanah Antarabangsa mencatat pulangan kasar atas pelaburan sebanyak 3.06% sehingga Disember 2012.

Melalui pematuhan berdisiplin jangka panjang kepada Alokasi Aset Strategik (SAA) KWAP, terbukti bahawa ianya adalah sangat berdaya tahan dan dapat menambah nilai dalam jangka masa panjang. Dalam jangka masa 5 tahun, KWAP telah berjaya mengekalkan purata pulangan kasar atas pelaburan tidak kurang daripada 6.0% setahun.

PULANGAN BERSIH PELABURAN

PULANGAN BERSIH PELABURAN: 2008 - 2012



Pulangan bersih atas pelaburan yang dicapai bagi tahun 2012 adalah 6.79% berbanding tahun sebelumnya sebanyak 5.75%.

JUMLAH PULANGAN

Sehingga 31 Disember 2012, jumlah pulangan bagi Ekuiti Domestik ialah 15.11% yang mengatasi penanda aras sebanyak 5.51%. Jumlah pulangan bagi Pendapatan Tetap Dalaman Domestik (SKM, SHP, Pinjaman dan Pasaran Wang) adalah 4.62% pada 31 Disember 2012. Jumlah pulangan bagi Pendapatan Tetap Luaran Domestik pada 31 Disember 2012 pula adalah 6.17% yang telah mengatasi penanda aras yang ditetapkan pada kadar 0.65%.

Di peringkat antarabangsa, Ekuiti mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 10.68% mengatasi penanda aras sebanyak 1.18% pada 31 Disember 2012. Pendapatan Tetap Antarabangsa mencatat jumlah pulangan sebanyak 6.73% mengatasi prestasi penanda aras sebanyak 6.29%.

PRESTASI DANA

Jadual di bawah menunjukkan pulangan setiap kelas aset berbanding indeks penanda aras:

	Kadar Pulangan Berwajaran Masa (%)	Penanda Aras	Lebihan / (Kurangan) Prestasi (%)	Pulangan Atas Pelaburan (%)
Ekuiti				
Domestik	15.11	FBM 100	5.51	10.57
Antarabangsa	10.68	MCSI Semua Negara Dunia	1.18	13.46
Pendapatan Tetap				
Domestik				
SKM & Bon Quasi	4.82	Quantshop MGS (All) Yield	1.51	4.82
SHP	6.11	Quantshop Corp (Medium) Yield	1.99	6.11
Pinjaman	5.14	Quantshop MGS (All) Yield + 50mata asas	1.33	5.14
Pasaran Mata Wang	2.64	3-bulan KLIBOR	(0.56)	2.64
Pendapatan Tetap Luaran	6.17	Quantshop MGS (All) Index + 130mata asas	0.65	6.28
Antarabangsa	6.73	JP Morgan Global Aggregate Bond Index	6.29	5.15

PRESTASI PELABURAN

EKUITI

Walaupun pasaran ekuiti global didagang dalam keadaan hambar sepanjang tahun 2012 dan ketidaktentuan pilihan raya umum telah menjaskankan sentimen pelabur, ia tetap merupakan tahun rekod tertinggi bagi pasaran ekuiti Malaysia. FBM KLCI yang memulakan tahun 2012 pada 1,530.7 mata meningkat sebanyak 10.3% kepada paras tertinggi ditutup pada 1,688.95 mata pada 31 Disember 2012. Indeks bermula dengan kenaikan memberangsangkan sebanyak 4.3% di suku pertama sebelum pasaran kembali kukuh sepanjang tempoh April hingga Mei ketika kebimbangan krisis hutang zon euro berlarutan dan timbulnya kerisauan terhadap kelembapan ekonomi global, khususnya China, ekonomi kedua terbesar di dunia. Apabila krisis zon euro dapat diatasi dengan ekuiti Malaysia kembali kukuh dan berjaya mencatat paras penutupan akhir tahun yang tertinggi dalam sejarah. Secara keseluruhan, prestasi pasaran sebahagian besarnya didorong oleh kecairan tunai yang tinggi dengan kadar faedah masih kekal rendah dan langkah pelonggaran kuantitatif (QE) yang diteruskan oleh Bank Pusat dan Persekutuan Eropah (ECB).

Berlatar belakangkan pelbagai cabaran terhadap pasaran pada tahun 2012, ia adalah tahun dimana KWAP meraih pelbagai kejayaan mengatasi sasaran pelaburan dan operasi yang ditetapkan pada awal tahun. Inisiatif-inisiatif berikut telah dilaksanakan bagi memastikan segala dicapai:

- i. Prima Ekuiti (UK) Limited, anak syarikat milik penuh KWAP yang berpusat di London bagi menguruskan pelaburan ekuiti di UK;
- ii. Penubuhan unit pengurusan dana ekuiti antarabangsa untuk menguruskan portfolio Asia Pasifik ex Jepun;
- iii. Pengasingan unit penyelidikan ekuiti daripada Jabatan Ekuiti bagi menghasilkan analisa dan komen yang bebas;
- iv. Alokasi dana tambahan untuk portfolio dalaman yang mematuhi Syariah;
- v. Pengukuhkan infrastruktur sistem pelaburan yang berlandaskan Syariah dan pertambahan senarai stok- stok Syariah;
- vi. Pelantikan pengurus dana luaran bagi mandat ekuiti Islam domestik;
- vii. Penambahbaikan proses pelaburan ekuiti dalaman;
- viii. Kajian dan analisis berterusan mengenai isu-isu industri dan kesan pelaburan ekuiti dalaman KWAP.

PRESTASI PELABURAN

Sebahagian daripada proses penilaian dan tapisan pelaburan KWAP, lawatan dan mesyuarat kerap diadakan ke atas pelbagai syarikat tersenarai sepanjang tahun. Memandangkan pelaburan ekuiti KWAP dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di pasaran domestik dan antarabangsa semakin meningkat, operasi dan prestasi kewangan syarikat-syarikat yang tersenarai tersebut adalah penting untuk dipantau. Pada tahun 2012, KWAP telah menghadiri 79 Mesyuarat Agung Tahunan / Mesyuarat Agung Luarbiasa, 138 taklimat penganalisis, 147 lawatan syarikat dan 1 lawatan pengurusan kanan untuk syarikat - syarikat tersenarai di dalam dan luar negara.

Pada 31 Disember 2012, jumlah pendedahan KWAP melalui pelaburan Ekuiti adalah sebanyak 32.88% daripada jumlah saiz dana KWAP pada nilai kos. Alokasi tersebut terdiri daripada 30.75% dalam Ekuiti Domestik dan 2.12% dalam Ekuiti Antarabangsa. Dari segi nilai pasaran, jumlah pendedahan KWAP dalam ekuiti mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 21.13% kepada RM29.93 bilion pada 31 Disember 2012 dari RM24.71 bilion pada awal tahun. Ekuiti Domestik membentuk 93.19% daripada jumlah pendedahan KWAP dalam ekuiti pada nilai pasaran, manakala baki 6.81% telah dilaburkan dalam Ekuiti Antarabangsa. Dari segi pengasingan antara dana ekuiti yang diuruskan secara dalaman dan luaran, 85.58% daripada jumlah dana ekuiti diuruskan secara dalaman oleh pengurus portfolio ekuiti KWAP dan baki 14.42% disalurkan kepada pengurus dana luaran yang dilantik oleh KWAP.


Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, pelaburan ekuiti KWAP mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM2.95 bilion, iaitu pulangan atas pelaburan sebanyak 10.96%. Sebahagian besar daripada pendapatan iaitu 93.83%, disumbang oleh Ekuiti Domestik, manakala baki 6.17% adalah dari Ekuiti Antarabangsa. Dalam perkembangan berasingan, ekuiti dalaman membentuk 89.12% daripada jumlah pendapatan KWAP di mana baki 10.88% ekuiti disalurkan kepada pengurus dana luaran. Seperti tahun-tahun sebelumnya, pendapatan yang direalisasikan daripada ekuiti menyumbang lebih separuh daripada jumlah pendapatan KWAP bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, iaitu 51.26% yang mana ia lebih menekankan lagi kepentingan ekuiti sebagai aset kelas kepada KWAP secara keseluruhannya.

PENGURUSAN EKUITI DALAMAN

Domestik

Walaupun pelbagai cabaran dihadapi di pasaran, pendedahan KWAP kepada ekuiti domestik yang diurus secara dalaman telah meningkat kepada RM24.31 bilion, peningkatan sebanyak 15.30% dari RM21.09 bilion pada awal tahun. KWAP sentiasa telus dalam kaedah pelaburan dengan melaksanakan proses penilaian dan tapisan ke atas syarikat-syarikat yang secara dasarnya mempunyai rekod pengurusan yang kukuh, berisiko rendah, hasil dividen yang baik dan kecairan yang tinggi. Pendekatan sedemikian terbukti mampu untuk menghasilkan prestasi baik berikut portfolio domestik dalaman mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 14.80% seperti yang dinilai oleh Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR). Pulangan tersebut adalah baik berbanding pulangan FBM100 sebanyak 9.60%. Dari segi pulangan yang direalisasi, ekuiti dalaman domestik mencatatkan pulangan atas pelaburan sebanyak RM2.40 bilion atau 10.56%. Daripada keseluruhan pendapatan pelaburan ekuiti, RM1.59 bilion atau 66.26% diperolehi daripada penjualan saham manakala baki RM808.72 juta diperolehi daripada pendapatan dividen bersih cukai.

ALOKASI SEKTOR 2012




PRESTASI PELABURAN

Antarabangsa


Tahun 2012 adalah tahun bersejarah bagi KWAP, dimana portfolio ekuiti Asia Pasifik ex Jepun (APEX) diwujudkan. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada pertumbuhan jangka panjang KWAP untuk mempelbagaikan konteks pelaburan meliputi kawasan geografi yang lebih luas berikutan kejayaan sulung pelaburan ekuiti antarabangsa KWAP kami dalam AIA Group Limited (AIA), Hong Kong pada tahun 2011. Portfolio APEX diuruskan daripada pejabat KWAP di Kuala Lumpur bermula pada 2 Julai 2012 dengan saiz dana permulaan sebanyak USD100 juta.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, pelaburan ekuiti antarabangsa yang diuruskan daripada pejabat KWAP mencatatkan jumlah pendapatan RM165.13 juta dengan pulangan atas pelaburan sebanyak 20.79%. Prestasi yang baik ini kebanyakannya disumbang oleh keuntungan yang daripada pelupusan saham AIA. Daripada jumlah pendapatan pelaburan yang diperolehi, sebanyak RM153.24 juta atau 92.80% diperolehi daripada hasil penjualan saham manakala baki berjumlah RM11.89 juta telah diperolehi daripada pendapatan dividen.

ALOKASI NEGARA 2012



ALOKASI SEKTOR 2012



Sebagai satu unit yang baharu ditubuhkan, beberapa inisiatif telah diambil untuk meningkatkan keupayaan kami. Mesyuarat dengan syarikat-syarikat berpotensi dan sesi pemahaman sektor kerap diadakan.

Disebalik segala ketidaktentuan, indeks MSCI Asia ex Jepun telah menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2012 walaupun kebimbangan mengenai krisis hutang Eropah dan pemulihan ekonomi global yang tidak sekata masih berlarutan. Indeks MSCI Asia ex Jepun mencatatkan keuntungan sebanyak 15% pada tahun 2012.

Sebagai gergasi Asia, prestasi China jauh melangkaui jangkaan apabila indeksnya menokok 20% pada tahun 2012 disebabkan oleh minat belian pelabur terhadap saham domestik yang berdaya tahan dan polisi kewangan yang akomodatif. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran ekuiti Korea dan Taiwan agak lemah berikutan KDNK yang terjejas teruk disebabkan kemerosotan ekonomi Eropah dan AS. Indeks ASEAN secara khususnya adalah kukuh, hasil daripada peningkatan momentum pendapatan korporat yang memberangsangkan pada tahun 2012, dengan jangkaan momentum positif ini dapat dikekalkan dalam tahun 2013.

PENGURUSAN EKUITI LUARAN

KWAP memperuntukkan sebahagian daripada dana pelaburan ekuiti untuk pengurusan dana luar domestik dan antarabangsa yang terpilih. Untuk menambah nilai pelaburan ekuiti KWAP dan memanfaatkan pengalaman, kepakaran dan infrastruktur pelaburan beberapa pengurusan dana luaran domestik dan antarabangsa yang bereputasi, dana disalurkan dengan mandat yang berbeza iaitu konvensional, syariah, domestik dan antarabangsa (aktif dan pasif).

PRESTASI PELABURAN

Dalam Negeri

Pada 31 Disember 2012, saiz dana pada nilai kos yang diurus oleh pengurus dana luaran domestik berjumlah RM3.05 bilion, meningkat sebanyak 15.69% daripada RM2.64 bilion pada tahun 2011. Dari segi perkadarannya, jumlah portfolio ekuiti yang diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik ialah 3.43% daripada saiz dana pelaburan KWAP pada nilai kos. Daripada 8 pengurus dana luaran domestik, 3 pengurus dana luaran telah diamanahkan dengan mandat pelaburan ekuiti mematuhi Syariah manakala selebihnya mandat konvensional.

SENARAI PENGURUS DANA LUARAN DOMESTIK PADA 31 DISEMBESR 2012

Pengurus Dana Luaran Domestik	Saiz Dana (%)
CIMB-Principal Asset Management	35.10
Aberdeen Asset Management	19.68
Nomura Asset Management	13.06
Nomura Asset Management (B)	4.92
RHB Investment Management	6.56
Kenanga Invest Berhad	8.04
Kenanga Invest Berhad (B)	2.80
i-VCAP Management Sdn Bhd	3.28
CIMB Principal Islamic Asset Management	3.28
AmlIslamic Fund Management Sdn Bhd	3.28

Dalam usaha untuk memastikan prestasi dan pematuhan operasi pengurus dana luaran, KWAP telah mengadakan mesyuarat dengan pengurus dana luaran pada setiap suku tahun. Dalam proses itu, kami mengambil peluang untuk belajar menerusi pemerhatian dan seterusnya mencontohi amalan perniagaan yang terbaik yang diguna pakai oleh peserta industri lain yang berwibawa. Sepanjang tahun ini, 20 mesyuarat suku tahun telah dijalankan bersama setiap pengurus dana luaran yang kebiasaannya diadakan pada awal setiap suku tahun.

Salah satu daripada inisiatif berterusan KWAP iaitu memperbanyakkan dana merentasi mandat yang berbeza pada masa akan datang, *Request for Proposal* (RFP) telah dihantar kepada pengurus aset luaran domestik dan antarabangsa yang mempunyai rekod prestasi baik untuk dipilih sebagai Panel Pengurus Dana Luaran yang diluluskan.

Pada 31 Disember 2012, pengurus dana luaran ekuiti telah mencatat agregat pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM303.82 juta atau purata pulangan atas pelaburan sebanyak 10.69% (dikira berdasarkan modal yang disuntik). Agregat pendapatan yang direalisasi telah diperolehi daripada keuntungan modal sebanyak RM205.95 juta, pendapatan dividen sebanyak RM86.86 juta dan baki RM11.01 juta daripada pendapatan faedah dan keuntungan.

Antarabangsa

Pada tahun 2012, pelaburan KWAP dalam ekuiti antarabangsa luaran terbahagi kepada dua, iaitu pelaburan ekuiti di Asia Pasifik ex Jepun (APEX) melalui mandat pasif dan juga pelaburan dalam ekuiti UK, melalui mandat aktif.

Mandat pasif untuk APEX diuruskan oleh *State Street Global Advisor* (SSGA) dengan modal awal sebanyak USD100 juta, bersamaan RM310 juta. Indeks MSCI Asia ex Jepun menjadi penanda aras dana bagi pelaburan SSGA dalam ekuiti APEX dijangka meningkat memandangkan semakin banyak mandat diberikan kepada pengurusan baru, termasuk ekuiti APEX aktif dan ekuiti Islam global.

KWAP menganjurkan beberapa perbincangan dengan pengurus dana luaran antarabangsa, termasuk mengadakan mesyuarat dan membuat lawatan ke pejabat mereka di Asia dalam usaha untuk lebih memahami pelaburan dan operasi perniagaan. Mesyuarat dan penilaian setiap suku tahun juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai prestasi portfolio serta penilaian dan tinjauan pelaburan.

Pelaburan dalam ekuiti UK telah disalurkan kepada Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti), sebuah anak syarikat milik penuh KWAP. Laporan berikut adalah ringkasan operasi Prima Ekuiti sejak memulakan operasi pada April 2012.

Prima Ekuiti (UK) Limited

Prima Ekuiti (UK) Limited merupakan anak syarikat milik penuh KWAP yang telah dirasmikan pada 30 April 2012.

KWAP telah memberi mandat kepada Prima Ekuiti untuk melabur GBP200 juta dalam pasaran ekuiti UK yang menggunakan Indeks UK FTSE 100 sebagai penanda aras. Suntikan awal sebanyak GBP100 juta telah diberi pada 1 Mei 2012 manakala baki GBP100 juta akan dibayar apabila keadaan pasaran adalah sesuai bagi pelaburan tambahan. Dengan itu, Prima Ekuiti telah memulakan aktiviti pelaburannya pada 2 Mei 2012.


PRESTASI PELABURAN

Kajian Pasaran

Pada permulaan portfolio, pasaran ekuiti global termasuk UK telah terjejas berikutan ekonomi global yang lemah dan perkembangan politik di Eropah yang membimbangkan. Keputusan muktamad berkaitan pilihan raya Greece telah meningkatkan risiko kepada Greece untuk meninggalkan perikatan zon euro dan meningkatkan risiko yang sama kepada Portugal, Ireland, Itali dan Sepanyol. Kebanyakannya pelabur bimbang Krisis Kewangan Eropah boleh tercetus dengan pembekuan pasaran kredit. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti telah kembali meronjak berikutan kemenangan pihak pro-euro bagi mendapatkan mandat pusingan kedua pilihan raya Greece yang diadakan awal Jun. Keputusan muktamad pada sidang kemuncak EU juga berjaya mengekalkan sentimen positif dalam pasaran dalam separuh kedua tahun ini.

Satu lagi sentimen yang lebih melegakan masalah zon euro adalah keyakinan terhadap ekonomi AS, dan tanda-tanda komitmen daripada bank-bank pusat utama untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, telah menguasai separuh kedua 2012. Aset berisiko seperti ekuiti telah menunjukkan prestasi cemerlang walaupun terdapat beberapa rintangan berterusan dalam aktiviti global. Bank pusat telah memainkan peranan utama dalam hal ini dengan mengumumkan polisi kewangan yang lebih longgar dan mengurangkan beberapa risiko yang membimbangkan pelabur. Terdapat juga pengiktirafan yang lebih luas dari para pelabur mengenai cabaran terhadap pertumbuhan ekonomi dunia yang berterusan lemah di tengah-tengah krisis kewangan.


Alokasi Aset



Pada 31 Disember 2012, portfolio Prima Ekuiti telah meningkat sebanyak 4.67% ke GBP104.67 juta berbanding Indeks UK FTSE 100 yang mencatat kenaikan sebanyak 2.79% sejak portfolio ditubuhkan. Peningkatan ini adalah hasil daripada pendekatan disiplin berhati-hati dalam melaksanakan pelaburan yang dilaksanakan oleh pengurus portfolio.

Daripada jumlah GBP104.67 juta, 57% telah dilaburkan dalam ekuiti, 24% dalam deposit wang manakala selebihnya dalam bentuk wang tunai.

ALOKASI ASET EKUITI



■ Bahan Asas **■ Komunikasi** **■ Pengguna Kitaran**
■ Pengguna Tidak Dikitar **■ Tenaga** **■ Kewangan**
■ Utiliti

Pendapatan pelaburan kasar sebanyak GBP2.71 juta atau pulangan atas pelaburan tahunan sebanyak 4.06% berjaya dicapai oleh portfolio sehingga 31 Disember 2012.

Sebagai salah satu daripada pembangunan kapasiti, Prima Ekuiti telah melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan proses pelaburan mereka termasuk mewujudkan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan (IPG), saringan sistem hakmilik untuk pemilihan saham dan pangkalan data penyelidikan. Mesyuarat dengan penggiat industri dan penilaian setiap suku tahun juga dijalankan seiring dengan idea-idea pelaburan serta mengemaskini strategi portfolio dan prestasi. Sebaik sahaja proses dan keupayaan berjaya dilaksanakan, Prima Ekuiti berupaya untuk meneroka pelaburan peluang melangkaui pasaran ekuiti UK bagi pihak KWAP.

PRESTASI PELABURAN

PENDAPATAN TETAP

Apabila ekonomi global melalui beberapa rintangan besar, pasaran kewangan yang berubah-ubah menjadi suatu kebiasaan dan korelasi antara kelas aset utama meningkat tanpa diingini. Sebagai tindak balas kepada kegoyahan dan maklum balas pertumbuhan negatif dalam pasaran kewangan, bank-bank pusat utama berikrar untuk mengekalkan kadar faedah utama yang rendah untuk tempoh yang panjang dan menyuntik aliran tunai secara besar-besaran melalui dasar monetari tidak ortodoks berpanjangan, iaitu pada asasnya menjadi siling ke atas kedua-dua kadar faedah jangka pendek ke jangka panjang. Di peringkat serantau, beberapa bank pusat telah melonjakkan kadar untuk mengurangkan kadar kelembapan dalam permintaan luar negeri dan menyaksikan satu lagi pusingan kadar pemotongan. Walaupun Bank Negara Malaysia telah menahan dari memotong Kadar Polisi Semalam (OPR), pada umumnya hasil penurunan amat ketara pada tempoh jangka masa panjang kerana pelabur mengambil kesempatan daripada persekitaran kadar faedah rendah dan lebih terbuka kepada risiko tempoh untuk hasil tambahan meningkat. Dalam keadaan sama, penyebaran kredit diperketatkan lagi, meningkatkan cabaran pelaburan dan menawarkan perbezaan diantara spektrum risiko kredit. Di samping itu, dalam menghadapi serangan berkala penghindaran risiko dari luar, pasaran bon tempatan dengan agak mudah telah menunjukkan daya tahan dan keupayaan untuk menangani kejutan.


Jabatan Pendapatan Tetap akan memulakan pelaburan pendapatan tetap serantau secara langsung untuk mencari peluang pelaburan dan membina kapasiti untuk menyediakan fasa pertumbuhan seterusnya untuk mengembangkan portfolio pelaburan KWAP. Sementara itu, pelantikan baru untuk pengurus dana hutang luaran Asia untuk memanfaatkan kepakaran mereka dalam menguruskan dana bon Asia. Kajian akan terus dilakukan dan *due diligence* kepada cadangan untuk membuka operasi pendapatan tetap KWAP di luar negara. Untuk memudahkan pelaburan asing yang semakin meningkat, Bahagian Perbendaharaan akan melaksanakan Model Operasi Matawang Asing untuk pelaburan antarabangsa. Di tempat lain, produk pelaburan baru akan dicadangkan

untuk meningkatkan peluang pelaburan dan mengeksplorasi percanggahan dalam risiko pelaburan dan pulangan. Produk baru yang dicadangkan akan memberi tumpuan kepada Produk Pelaburan Dwi Matawang, Nota Kredit Berpatut dan Kemudahan Perjanjian Belian Balik untuk meningkatkan kecairan SKM dan Bon.

Berbeza dari persekitaran yang semakin mencabar, prestasi bagi pelbagai segmen aset adalah memberangsangkan. Keseluruhan pulangan atas pelaburan yang dicapai pada 31 Disember 2012 adalah 4.67%, jauh lebih tinggi daripada purata hasil SKM 10-tahun pada 3.50%. Selain itu, profil tempoh (risiko kadar faedah) bagi portfolio pendapatan tetap secara keseluruhan adalah lebih rendah daripada SKM 10-tahun yang biasa. Secara individu, pendapatan bon korporat pada 31 Disember 2012 meningkat sebanyak RM678.88 juta daripada RM559.59 juta pada tahun sebelumnya manakala pulangan atas pelaburan yang dapat dibanggakan ialah 6.11% dari 6.42% pada tahun sebelumnya, mengatasi Quantshop Corp (Medium) Yield dengan 199 mata asas. SKM dan Bon Quasi Kerajaan menyumbang RM966.20 juta, pendapatan yang lebih baik berbanding dengan RM903.99 juta yang dicatatkan dalam tahun sebelumnya. Walaupun pulangan atas pelaburan berkurang kepada 4.82% daripada 5.37% dalam tahun sebelumnya, namun pulangan atas pelaburan mele过asi Quantshop MGS (All) Yield dengan 151 mata asas. Prestasi pulangan atas pelaburan bagi pengurus dana luaran domestik ialah 6.28% dari 7.30% pada tahun sebelumnya, disebabkan keadaan hasil rendah yang lebih stabil dan kurang perniagaan yang besar. Pulangan atas pelaburan pengurus dana luaran antarabangsa meningkat kepada 3.28% daripada 3.20% di tengah-tengah prestasi kurang memberangsangkan dalam portfolio kerajaan G7. Pulangan atas pelaburan Pinjaman Korporat pula meningkat kepada 5.14% daripada 5.02% pada tahun 2011, disebabkan sebahagian pinjaman telah ditebus awal ketika tempoh keadaan pembentukan yang mudah dan memperluaskan lebih banyak pinjaman. Pendapatannya mencatat RM457.68 juta daripada RM383.29 juta pada tahun 2011. Pulangan atas pelaburan pasaran wang meningkat kepada 2.64% daripada 2.58% ketika pengambilan meningkat semasa interim dan baki penutup yang lebih rendah.

HASIL SKM BERBANDING KADAR POLISI SEMALAMAN

Mata Asas




PRESTASI PELABURAN

Sekuriti Hutang Persendirian (SHP)

Pada tahun 2012, kadar faedah domestik terus menjadi rendah berikutan masalah ekonomi berpanjangan di Amerika Syarikat dan Eropah. Persekitaran kadar faedah yang rendah ditambah pula dengan lebihan kecairan telah menolak hasil ke dalam ruang pasaran kredit apabila penyebaran antara kertas kerajaan dan kredit termampat. Terbitan SHP pada tahun 2012 melonjak tinggi sebanyak RM103.30 bilion, sebahagian besarnya disumbangkan oleh terbitan semula Sukuk PLUS Berhad sebanyak RM30.6 bilion pada Januari 2012. Sebagai perbandingan, jumlah SHP di pasaran utama pada tahun 2011 berjumlah RM66.45 bilion.

Pegangan portfolio SHP KWAP pada nilai kos pada tahun 2012 meningkat kepada RM14.21 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 77.3% berbanding dengan pegangan pada tahun 2011 sebanyak RM8.01 bilion. Kematangan dan penebusan awal pada tahun 2012 berjumlah RM608.00 juta berbanding dengan pembelian baharu berjumlah RM6.98 bilion. Sebahagian besar pembelian baru datang dari penerbitan semula Sukuk PLUS Berhad di mana KWAP telah melanggar RM1.91 bilion. Jumlah pegangan portfolio SHP 2008-2012 adalah seperti berikut:

PELABURAN PORTFOLIO SHP (PADA NILAI PASARAN)



Selaras dengan peningkatan dalam pembelian SHP pada tahun 2012, portfolio SHP (digabungkan dengan Pinjaman) KWAP meningkat kepada 28.93% berbanding 21.29% dalam 2011. Walau bagaimanapun penggunaan aset kedua-dua SHP dan pinjaman masih tidak mencecah had 33% yang dikenakan. Kekurangan ini antara lain disumbang oleh lebihan kecairan dalam pasaran yang menyebabkan peruntukan yang lebih kecil untuk penerbitan utama serta harga terbitan yang agak mahal (berhasil rendah).

Pendapatan yang direalisasi daripada portfolio SPH meningkat kepada RM678.88 juta daripada RM559.59 juta pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh persekitaran kadar faedah rendah berterusan, maka kertas kredit mendapat hasil yang lebih rendah, pulangan atas pelaburan daripada portfolio SHP menurun sedikit daripada 6.42% pada tahun 2011 kepada 6.11% pada tahun 2012. Pulangan atas pelaburan semasa mengatasi penanda aras Quantshop Corporat (Medium) Yield sebanyak 4.12% dengan 199 mata asas.


PRESTASI PELABURAN

PENDAPATAN SHP 2012



Mengenai pendedahan kredit, penilaian purata portfolio bagi SHP dikekalkan pada AA1 (tidak termasuk kertas tidak dinilai). Kertas tidak dinilai membentuk 17.68% pendedahan dalam portfolio SHP (bernilai nominal). Sementara itu, purata tempoh portfolio meningkat kepada 5.71 tahun, peningkatan daripada 4.44 tahun pada tahun 2011. Sebab utama peningkatan disebabkan oleh pelanjutan tempoh hasil meningkat. Penilaian pengagihan portfolio KWAP adalah seperti berikut:

PENGAGIHAN PENILAIAN SHP



Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (SKM / TPK)

Saiz SKM/TPK kasar berjumlah RM96.24 bilion bagi tahun 2012. Walaupun penerbitan kasar agak besar, SKM/TPK pasaran tetap kekal kerana disokong oleh kecairan domestik yang mencukupi. Pelabur asing dilihat membeli lebih banyak bon serantau termasuk SKM dengan jangkaan bahawa pertumbuhan ekonomi serantau akan kekal stabil dan supaya dapat meraih keuntungan daripada pelaburan yang berpotensi.

Senario perdagangan tahun 2012 tidak banyak berubah walaupun berdepan dengan keimbangan terhadap krisis hutang Eropah berterusan dan pertumbuhan ekonomi yang tidak sekata di seluruh dunia. Pelaksanaan QE3 di negara-negara G3 membawa gelombang baru kepada kecairan pasaran serantau termasuk Malaysia. Pasaran bon domestik kekal yakin dengan kadar hasil berada pada rekod yang rendah. Secara keseluruhan, keluk hasil mendatar walaupun terbitan lebih besar untuk tempoh pertengahan ke jangka panjang kerana pelabur yang mempunyai selera risiko yang lebih besar bagi tempoh dan kecairan tersebut. Pegangan asing dalam SKM kekal baik dan mencapai rekod RM129.70 bilion (pada akhir bulan Disember 2012) atau 43.70% daripada SKM tertunggak dalam suasana inflasi rendah. Kadar Polisi Semalam stabil pada 3.00% dan mata wang tempatan yang mengukuh.

Jumlah pelaburan KWAP dalam Sekuriti Kerajaan (SKM, TPK dan Bon Quasi Kerajaan) pada nilai kos sehingga 31 Disember 2012 berjumlah RM22.01 bilion berbanding dengan RM18.04 bilion pada akhir 2011. Pendapatan pelaburan kasar pada 31 Disember 2012 terus meningkat sebanyak 6.88% kepada RM966.20 juta berbanding tahun lepas pada RM903.99 juta walaupun portfolio Alokasi Aset Strategik (SAA) telah dikurangkan daripada 29% kepada 24% dalam tahun 2012. Portfolio ini juga mencatat pulangan atas pelaburan 4.82% pada 31 Disember 2012 berikutan tempoh 5.81 tahun berbanding dengan pulangan atas pelaburan pada 5.37% tahun lepas. Pulangan atas pelaburan semasa mengatasi penanda aras Quantshop MGS (All) Yield 3.30% dengan 151 mata asas.

PRESTASI PELABURAN

KELUK HASIL KERAJAAN MENDATAR

Mata Asas



PORTFOLIO PENDAPATAN SKM DAN BON QUASI KERAJAAN

RM Juta




PRESTASI PELABURAN

Pinjaman

Pada bulan Disember 2012, jumlah portfolio pinjaman meningkat sebanyak 36.52% kepada RM10.28 bilion pada tahun 2012 berbanding RM7.53 bilion pada tahun 2011. Peningkatan portfolio pinjaman disebabkan oleh pinjaman jangka panjang baharu yang dijamin oleh Kerajaan atau entiti berkaitan kerajaan berjumlah RM3.20 bilion.

PROFIL PINJAMAN MATANG PADA 31 DISEMBER 2012


RM Juta



Portfolio pinjaman mencatatkan RM457.67 juta pendapatan pelaburan, berbanding RM383.29 pada tahun 2011. Ini menunjukkan kadar pulangan atas pelaburan meningkat sebanyak 5.14%. Pulangan atas pelaburan ini melebihi penanda aras Quantshop MGS (All) Yield (ditambah 50 mata asas) sebanyak 133 mata asas. Portfolio pinjaman merangkumi sehingga 11.35% daripada Alokasi Aset Strategik KWAP.

PORTFOLIO PENDAPATAN PINJAMAN

RM Juta



PRESTASI PELABURAN

Pasaran Wang

Pada 31 Disember 2012, jumlah baki pelaburan KWAP dalam Pasaran Wang berjumlah RM7.80 bilion. Pada awal tahun ini, baki tertinggi dalam pelaburan pasaran wang adalah lebih tinggi iaitu RM17.48 bilion. Dalam pertimbangan operasi dan pengeluaran untuk kelas aset pelaburan lain, KWAP akan sentiasa mengekalkan pegangan tunai yang mencukupi.

Sebahagian besar pelaburan adalah di dalam deposit pasaran wang berterma, diikuti oleh *Negotiable Instrument of Deposit* (NID), *Floating Rate Negotiable Instrument of Deposit* (FRNID) dan Kertas Komersial (CP), dari segi konvensional dan berterma Islam. Tempoh adalah antara kadar semalam dan lima (5) tahun.

Pendapatan kasar yang dijana daripada pelaburan pasaran wang pada tahun 2012 ialah RM333.31 juta. Jumlah RM333.31 juta adalah lebih rendah berbanding RM455.66 juta pendapatan kasar yang dijana pada tahun 2011. Sejajar dengan pelan Alokasi Aset Strategik (SAA), jumlah pelaburan dalam pasaran wang akan sentiasa disasarkan kepada tahap optimum 2.00%.

PENGURUSAN DANA PENDAPATAN TETAP LUARAN

Pada 31 Disember 2012, jumlah dana yang disumber keluar pada kos kepada pengurus dana luaran pendapatan tetap berjumlah RM1.84 bilion telah menyumbang 2.07% dari keseluruhan saiz dana KWAP. Dari segi pendedahan geografi, 66.70% daripada aset yang diurus secara luaran telah dilaburkan dalam pasaran bon domestik dan baki 33.30% dilaburkan di peringkat global oleh pengurus dana luaran.

Domestik

Pada 31 Disember 2012, jumlah dana pada kos yang diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik berjumlah RM1.23 bilion, peningkatan sebanyak 39.77% daripada RM880.0 juta yang dicatatkan tahun lalu. Jumlah portfolio pendapatan tetap yang diuruskan oleh pengurus dana domestik menyumbang 2.16% daripada keseluruhan pelaburan pendapatan tetap.

Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik pada 31 Disember 2012

PENGURUS DANA LUARAN DOMESTIK	PELANCARAN DANA (TAHUN)
CIMB-Principal Asset Management Berhad	2006
Amlnvestment Management Sdn Bhd	2007
Hwang Investment Management Berhad*	2011
KAF Fund Management Sdn Bhd	2012

* Dahulunya dikenali sebagai HwangDBS Investment Management Berhad

Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan KWAP ialah mengadakan mesyuarat prestasi kerap dengan semua pengurus dana luaran dan pemantauan audit juga dijalankan di pejabat-pejabat mereka. 13 mesyuarat suku tahunan, 4 pematuhan audit dan 1 audit *due diligence* dijalankan sepanjang tahun bagi memerhati kepatuhan mereka terhadap kawalan dalaman yang berkaitan prosedur dan amalan terbaik berkenaan aktiviti perdagangan setiap hari dan operasi pejabat sokongan.

Salah satu daripada inisiatif berterusan unit ini adalah mempelbagaikan pulangan dan gaya pelaburan portfolio pengurus luaran, proses *Request for Proposal* (RFP) telah dijalankan pada tahun ini yang disertai oleh beberapa pengurus dana luaran bon domestik. Berdasarkan penilaian yang dijalankan, 1 pengurus dana luaran baharu telah diluluskan untuk menguruskan portfolio pendapatan tetap domestik.

Pada 31 Disember 2012, pengurus dana luaran pendapatan tetap domestik mencatatkan pendapatan agregat yang direalisasikan sebanyak RM66.22 juta mewakili pulangan atas pelaburan secara purata 6.28%.

Antarabangsa

Dari segi pelaburan antarabangsa, dana pendapatan tetap yang diuruskan secara luaran diberi pendedahan berjumlah USD200 juta (RM614.05 juta). Digabungkan dengan portfolio bon kerajaan dalaman, aset pendapatan tetap yang dilaburkan dalam pasaran antarabangsa secara keseluruhannya menyumbang 1.86% saiz dana KWAP pada nilai pasaran pada 31 Disember 2012. Had SAA bagi pendapatan tetap antarabangsa ditetapkan pada 2% untuk tahun 2012.

PRESTASI PELABURAN

Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa pada 31 Disember 2012

PENGURUS DANA LUARAN ANTARABANGSA	PELANCARAM DANA (TAHUN)
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2011
AmlIslamic Funds Management Sdn Bhd	2011
PIMCO Asia Pte Ltd	2012

Di tengah-tengah kebimbangan mengenai ketidaktentuan yang berpanjangan yang berlatar belakangkan krisis hutang berdaulat zon euro, KWAP telah memutuskan untuk menghentikan portfolio Bon Kerajaan G7 yang diuruskan oleh Perbendaharaan Bank Dunia pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, KWAP terus melanjutkan program-program latihan bagi membina kapasiti dan khidmat nasihat yang ditawarkan oleh *Reserves Advisory and Management Program* (RAMP) sebagai salah satu daripada bantuan teknikal dan perkhidmatan perundingan. Program-program yang telah dijalankan sepanjang tahun termasuk latihan dalaman dalam peruntukan aset sistem meja kerja, bantuan teknikal untuk dalaman bagi pengurusan portfolio bon antarabangsa dan penyertaan dalam bengkel RAMP terpilih di ibu pejabat Perbendaharaan Bank Dunia di Washington DC.

Dalam keadaan persekitaran hasil yang rendah, KWAP telah memberi mandat baru kepada *Emerging Market Debt* (EMD) portfolio kepada pengurus aset global dalam usaha untuk mendapatkan pulangan portfolio yang lebih tinggi. Proses pemilihan telah dinilai berdasarkan penyerahan RFP yang diterima daripada beberapa syarikat pendapatan tetap antarabangsa yang dinilai dan disyorkan oleh pakar perunding luar. Bersama dengan portfolio Sukuk Global yang sedia ada, strategi EMD adalah untuk mempelbagaikan profil risiko pelaburan pendapatan tetap di peringkat antarabangsa.

Sebahagian daripada proses pemantauan, KWAP menjalankan beberapa perbincangan berkenaan perkara-perkara yang berkaitan atau operasi, termasuk lawatan ke tapak premis pengurus dana luaran dalam memastikan kepatuhan mereka terhadap terma-terma kontrak serta pemahaman perniagaan mengenai amalan terbaik. Perbincangan kerap melalui persidangan maya telah dijalankan untuk mengulas pelaburan terkini dan mendapatkan pandangan dari perspektif mereka. Penilaian prestasi portfolio sentiasa diadakan pada setiap suku tahun untuk memastikan sasaran pendapatan mereka dipenuhi. Sepanjang tahun ini, 11 mesyuarat suku tahunan, 3 audit pematuhuan dan 1 audit *due diligence* telah dijalankan untuk memastikan mereka mematuhi prosedur kawalan dalaman.

Pada 31 Disember 2012, dana pengurusan pendapatan tetap luaran antarabangsa telah mencatat pendapatan agregat yang direalisasikan sebanyak USD6.80 juta (RM22.45 juta) bersamaan dengan purata pulangan atas pelaburan sebanyak 3.28%.

PELABURAN ALTERNATIF

Tinjauan Pasaran Ekuiti Persendirian

Dari Januari hingga Disember 2012, sebanyak 687 ekuiti persendirian yang baharu telah memperoleh dana di peringkat global, yang telah mengumpul sejumlah USD311.6 bilion, peningkatan sebanyak 13.9% berbanding 2011 di mana hanya USD262.4 bilion diterbitkan. Daripada kesemua jumlah global tersebut, 76 dana ekuiti persendirian baharu telah ditubuhkan di Asia Pasifik, meningkatkan jumlah kepada USD20.4 bilion¹. Walaupun jumlah yang dijana kurang dari jumlah tahun sebelumnya, namun, USD25.6 juta dijana dari rantau Asia-Pasifik kekal sebagai pasaran rantau yang paling menarik bagi pelaburan ekuiti persendirian di tengah-tengah ketidaktentuan ekonomi di kawasan-kawasan lain².

Minat terhadap pasaran Asia Pasifik disebabkan oleh pertumbuhan ekonominya yang memberangsangkan berbanding negara lain di dunia. Kemunculan pasaran Asia Pasifik ini telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.4% pada tahun 2012³. Asas pertumbuhan ekonomi ini disebabkan oleh kemunculan pasaran Asia Pasifik kelas pertengahan yang dijangka meningkat pada kadar jumlah penduduk daripada 19% pada tahun 2010 kepada 30% pada tahun 2015, atau pada 11% Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR). Agregat penduduk golongan kelas pertengahan di rantau ini juga dijangka meningkat daripada 570 juta pada 2010 ke 945 juta pada tahun 2015, sementara kadar penggunaan dijangka berkembang daripada USD2.9 trillion kepada USD5.1 trillion pada tempoh yang sama⁴. Pertumbuhan berterusan bagi populasi kelas pertengahan dalam pasaran Asia Pasifik dijangka merangsang permintaan untuk produk dan perkhidmatan yang lebih sofistikated.

Pembangunan ekonomi dan struktur demografi yang menggalakkan membawa kepada pulangan pelaburan yang lebih baik di rantau Asia Pasifik. Agregat prestasi dana ekuiti persendirian Asia Pasifik yang ditubuhkan dari 2003-2008 telah mengatasi dana ekuiti persendirian di Amerika Utara dan Eropah secara konsisten. Dana-dana di Asia Pasifik yang telah wujud pada tahun-tahun dahulu telah mendapat Kadar Pulangan Dalaman (IRR) bersih antara 8-25% berbanding dengan IRR bersih kurang daripada 15% untuk Amerika Utara dan Eropah⁵.

¹ Prequin: 2012 Private Equity Fund Raising

² Prequin Special Report: Asia Pacific Private Equity, September 2012

³ World Bank: EAP Update, December 2012

⁴ CLSA Asia-Pacific: Mr & Mrs Asia - Moving up J-Curve, 2010


⁵ Prequin Special Report: Asia Pacific Private Equity, September 2011

PRESTASI PELABURAN

Walaupun tinjauan makro Asia Pasifik tampak cerah, rantau ini tetap menjadi cabaran bagi pelaburan ekuiti persendirian. Ekuiti persendirian Asia Pasifik mengalami influks modal pada CAGR 32% dalam tempoh 5 tahun yang lepas (rujuk carta dibawah) dengan penggunaan modal yang sederhana. Ini mengunjurkan tahap kecairan pasaran yang tinggi dimana iaanya mendorong harga pembelian bagi pasaran persendirian yang lebih tinggi.

TUMPUAN MODAL YANG ADA MENGIKUT RANTAU

USD Bilion



Nota: "Lain-lain" termasuk negara-negara maju di luar rantau Amerika Utara dan Eropah Barat


Sumber: Preqin

PRESTASI PELABURAN

Rantau ini telah mengalami peningkatan singkat dalam tawaran ekuiti persendirian pada tahun 2007. Perjanjian-perjanjian ekuiti persendirian telah memuncak pada USD12.3 bilion tetapi sejak itu mula jatuh kembali kepada USD5.3 bilion pada 2011. Pada tahun 2011, tawaran ekuiti persendirian tidak berubah dan kekal di bawah kadar puncak krisis pra-kewangan. Urusan kiraan adalah tetap pada 37 pada tahun 2011. Jumlah penyahlaburan hanya berjumlah hanya USD4.2 bilion, 30% di bawah tahap tahun 2010. Bilangan penyahlaburan jatuh kepada hanya 25 pada tahun 2011, iaitu hampir satu perempat daripada tahun 2010⁶.

NILAI URUSNIAGA ASIA PASIFIK MENGIKUT NEGARA

USD Bilion



Note: Data sehingga Disember 2011; tawaran ekuiti persendirian pada tahun 2011 tidak termasuk perjanjian CVC / KFC, kerana ia belum lagi selesai;

* Pada tahun 2011 Malaysia berjumlah USD1.9 bilion. Pelaburan Aabar dalam RHB Capital Berhad

Sumber: AVCJ; Bain analisis

Daya tarikan keseluruhan rantau ini untuk pelaburan ekuiti persendirian juga telah menyebabkan kemunculan semula beberapa dana ekuiti global besar. Antaranya, Kohlberg Kravis Roberts (Dana KKR II), RRJ Capital Master Fund II, TPG Asia VI dan Carlyle Asia Partners IV menyasarkan komitmen dana berjumlah USD18.5 billion⁷ ke Asia. Penyertaan mereka di dalam dana global rantau ini menyebabkan peningkatan persaingan ketara yang seterusnya dijangka mendorong kesan kesesakan dalam pasaran ekuiti persendirian.

Tinjauan Pasaran Hartanah

Pelaburan harta tanah komersial langsung merekodkan kira-kira USD295 bilion bagi urus niaga pada tahun terkini, suku ketiga 2012, penurunan 7% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2011⁸. Penggiat utama dalam pasaran pada suku ketiga 2012 adalah Amerika Syarikat (USD37.3 bilion), UK (USD13.5 bilion) dan Australia (USD4.2 bilion) dengan jumlah urus niaga yang lebih tinggi masing-masing pada 4%, 6% dan 22%. Aktiviti pelaburan di Eropah bagi suku ketiga 2012 adalah USD33 bilion iaitu penurunan sebanyak 22% berbanding dengan suku ketiga 2011 berikutan krisis hutang berdaulat.

⁶ Asian Venture Capital Journal 2012, Bain Capital SEA PE Report 2012

⁷ Preqin Special Report: Asia-Pacific Private Equity, September 2012

⁸ Jones Lang La Salle Global perspective Market Q4 2012.

PRESTASI PELABURAN

Pejabat CBD Australia menyaksikan peningkatan dalam kadar kekosongan daripada 7.8% pada suku kedua 2012 kepada 8.3% pada suku ketiga 2012⁹. Pencapaian terbaik adalah Perth, yang giat dengan hasil komoditi dengan pertambahan penghuni sebanyak 987,051 kaki persegi ruang pejabat untuk tempoh suku ketiga 2012 dan merekodkan kadar kekosongan ruang pejabat pada 4%. Dituruti oleh Melbourne dengan kadar kekosongan pada 8.3% dan penurunan penghunian sebanyak 29,063 kaki persegi untuk tempoh suku ketiga 2012. Sydney mencatatkan kadar kekosongan sebanyak 8.6% pada suku ketiga tahun 2012 dengan pertambahan penghuni sebanyak 104,410 kaki persegi ruang pejabat. Pejabat komersial menyumbang 49% daripada aktiviti pelaburan pada suku ketiga tahun 2012 dengan hasil purata 7.46% untuk pejabat utama di CBD Australia.

Di kawasan sentral London, kadar purata kekosongan pejabat komersial menurun sedikit kepada 7.4% pada suku ketiga tahun 2012 daripada 7.8% pada suku kedua tahun 2012¹⁰ disebabkan oleh penurunan dalam penawaran ruang bukaan utama. Purata pulangan pejabat utama di pasaran kecil kawasan sentral London iaitu London City dan West End pada suku ketiga tahun 2012 adalah masing-masing pada 5.0% dan 4.0%, kedudukan yang tidak berubah sejak 2011. Pada bulan Oktober 2012, hasil purata bagi harta tanah logistik utama di UK adalah pada kadar 6.0%. London adalah bandar yang paling menarik untuk pelaburan merentasi sempadan global kerana kedudukannya sebagai pasaran yang mantap, telus dan berkecairan. Pada suku ketiga tahun 2012, pelabur antarabangsa menyumbang 68% daripada jumlah urus niaga harta tanah di UK (54% pada suku ketiga 2011).

Pada suku ketiga 2012, Tokyo menduduki tempat kelima selepas London, New York, Seoul dan Paris sebagai bandar-bandar yang paling aktif dari segi pelaburan merentasi sempadan harta tanah pada USD2.83 bilion. Disokong oleh persekitaran pembiayaan yang baik, J-Reits dan dana domestik adalah aktif di pasaran. Kadar purata pulangan bagi pejabat utama adalah pada 3.5%¹¹. Kadar kekosongan meningkat kepada 9.30% pada suku ketiga tahun 2012 daripada 10.3% pada suku kedua tahun 2012.

Bangunan pejabat di Kuala Lumpur mencatatkan kadar kekosongan purata kira-kira 16% pada suku keempat tahun 2012¹². Tawaran ruang pejabat pada suku keempat tahun 2012 meningkat sebanyak 1.5 juta kaki persegi apabila tiga bangunan pejabat baru telah siap dibina tahun 2012. Sewaan kekal pada purata RM6.25 kaki persegi antara suku pertama dan suku ketiga tahun 2012 dan menurun sebanyak 1.9% kepada RM6.13 kaki persegi pada suku keempat tahun 2012. Dengan jangkaan penawaran yang tinggi kira-kira 4.5 juta kaki persegi pada tahun 2013, sewaan dijangka akan berada

di bawah tekanan. Bagi tahun 2012, Kuala Lumpur mencatatkan jumlah pelaburan kira-kira RM1.5 bilion untuk bangunan pejabat.

Pelaburan Ekuiti Persendirian

Pada 31 Disember 2012, KWAP telah melabur dalam 14 dana ekuiti persendirian dan mengekalkan 2 pelaburan ekuiti persendirian secara langsung. Jumlah pelaburan bersih ekuiti persendirian KWAP berjumlah RM668.99 juta (0.74%) daripada jumlah saiz dana KWAP dan sepertimana yang diluluskan dalam SAA sebanyak 2.0%.

Pada 31 Disember 2012, KWAP melabur dalam 1 ekuiti persendirian yang baharu iaitu Lombard Asia IV, LP. Dana ini memberi tumpuan kepada pelaburan dalam pasaran Asia yang berpertumbuhan tinggi dan negara-negara membangun. Kebanyakan dana ekuiti persendirian yang dilabur KWAP masih di peringkat pelaburan atau tidak dilupuskan sepenuhnya sehingga kini. Dana laburan KWAP yang berprestasi terbaik ialah Lombard Asia III; yang telah menjana 2.3 kali ganda atau TVPI (Jumlah Nilai berbanding Modal Berbayar).

Pada 31 Disember 2012, KWAP mengekalkan 2 pelaburan secara langsung ekuiti persendirian di Malaysia.

Pada 31 Disember 2012, pelaburan ekuiti persendirian telah menjana pendapatan berjumlah RM189.98 juta dengan Pulangan Atas Pelaburan sebanyak 28.5%. Daripada jumlah pendapatan, 88.7% telah diperolehi daripada dividen yang diterima daripada syarikat-syarikat pelaburan langsung dan baki adalah dana ekuiti persendirian.

Pelaburan Hartanah

Pada 31 Disember 2012, jumlah pelaburan KWAP dalam harta tanah antarabangsa adalah RM1,988.88 juta atau 2.42% daripada jumlah saiz dana KWAP dan dalam lingkungan diluluskan oleh SAA untuk pelaburan harta tanah antarabangsa sebanyak 3.0%. Dana ini digunakan untuk pembelian 737 Bourke Street (bangunan pejabat) di Melbourne, 20 Bridge Street (Bangunan ASX) di Sydney dan 10 Gresham Street (bangunan pejabat) di London, United Kingdom yang diperoleh pada bulan Oktober 2012.

Sehingga Disember 2012, tiga harta tanah tersebut telah menjana pendapatan bersih RM75.65 juta. Hasil pulangan bersih bagi kedua-dua aset Australia tahun 2012 melebihi 6% manakala bagi aset UK adalah 5%.

⁹ Jones Lang La Salle Research November 2012

¹⁰ CBRE Research Central London Property Market Review Q3 2012

¹¹ CBRE Research Market View Tokyo Q3 2012

¹² DTZ Property Times Kuala Lumpur Q3 2012

PENGURUSAN CARUMAN

CARUMAN PENCEN

Salah satu fungsi KWAP adalah untuk mengurus caruman pencen yang dibayar ke KWAP oleh majikan di bawah Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12/2008 mengenai Dasar dan Prosedur Pelantikan secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap. Seperti yang diperuntukan oleh Akta, majikan yang merangkumi Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi diwajibkan membayar caruman pencen kepada KWAP bagi kakitangan yang mendapat status pencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain daripada caruman majikan, KWAP juga menerima bahagian kerajaan dari agensi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG).

Pada tahun 2012, KWAP menerima sebanyak RM4.17 bilion merangkumi caruman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.5 bilion, terimaan bahagian Kerajaan sebanyak RM1.84 bilion dan caruman majikan berjumlah RM0.83 bilion.

CARUMAN MAJIKAN

Kutipan caruman majikan pada tahun 2012 ialah RM826.29 juta.

Pecahan caruman majikan:

KATEGORI MAJIKAN	CARUMAN (RM Juta)
Badan Berkanun	665.77
Pihak Berkuasa Tempatan	153.09
Agensi	7.43

TERIMAAN BAHAGIAN KERAJAAN

Terimaan bahagian kerajaan dibayar kepada KWAP oleh KWSP, LTAT, JPA dan organisasi kerajaan lain pada tahun 2012 adalah sebanyak RM1.84 bilion.

AGENSI KERAJAAN	CARUMAN (RM Juta)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,433.77
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	366.60
Jabatan Perkhidmatan Awam & Lain-lain Agensi Kerajaan	45.39

STATISTIK MAJIKAN DAN AHLI-AHLI MENCARUM

Bilangan Majikan yang Mencarum

MAJIKAN	2012	2011	2010	2009	2008
Badan Berkanun	184	181	176	175	173
Pihak Berkuasa Tempatan	149	149	148	145	144
Agensi	280	271	244	218	176
Jumlah	613	601	568	538	493

Bilangan Ahli yang Mencarum

MAJIKAN	2012	2011	2010	2009	2008
Badan Berkanun	106,278	96,881	90,789	86,421	74,420
Pihak Berkuasa Tempatan	38,798	36,349	34,924	34,497	31,991
Agensi	779	825	671	654	533
Jumlah	145,855	134,055	126,384	121,572	106,944

PENGURUSAN CARUMAN

20 PENCARUM TERTINGGI

NO	MAJIKAN MENCARUM	RM (Juta)
1	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	96.17
2	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	50.55
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	41.87
4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	34.58
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	32.13
6	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	29.51
7	Universiti Malaya (UM)	28.33
8	Universiti Sains Malaysia (USM)	24.78
9	Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	22.34
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)	18.49
11	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	16.08
12	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	14.74
13	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	14.68
14	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	13.72
15	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	13.72
16	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	9.47
17	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	9.14
18	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	8.95
19	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	8.68
20	Universiti Malaysia Sarawak (UMS)	8.30

MAJIKAN BAHARU YANG BERDAFTAR DENGAN KWAP PADA TAHUN 2012

NO	MAJIKAN BAHARU	TARIKH DAFTAR
1	Sustainable Energy Development Authority	4 Januari 2012
2	Perbadanan Hang Tuah Jaya	19 Januari 2012
3	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia	8 Februari 2012
4	Institut Sukan Negara Malaysia	4 Jun 2012
5	Pengurusan Air Pahang Berhad	29 Jun 2012

KERJASAMA DENGAN AGENSI KERAJAAN

Sebagai salah satu inisiatif sepanjang tahun 2012, Jabatan Caruman telah mengadakan mesyuarat dengan agensi kerajaan berkaitan dengan caruman majikan untuk kakitangan pinjaman, pengecualian penalti oleh Kementerian Kewangan dan kelulusan pembayaran balik untuk individu.

KERJASAMA DENGAN AGENSI KERAJAAN PUSAT PADA TAHUN 2012

NO	TARIKH MESYUARAT	AGENSI KERAJAAN
1	23 Februari	Kementerian Kewangan (Bahagian Dasar Sarana, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan)
2	10 April	Universiti Kebangsaan Malaysia & JPA (Bahagian Pencen)
3	10 Mei	KWSP (Jabatan Caruman)
4	17 Julai	KWSP (Seksyen Persaraan & Pencen)

PENGURUSAN CARUMAN

PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

Menyedari keperluan untuk memastikan jumlah pematuhan caruman majikan adalah teratur lawatan pematuhan dan penguatkuasaan pertama kali diperkenalkan pada tahun 2007 dimana penekanan awal adalah untuk melawat majikan-majikan yang mempunyai isu-isu ketidakpatuhan Akta 239 dan Perkhidmatan Pekeling No 12/2008. Pada tahun 2012, Jabatan Caruman telah menjalankan lawatan pematuhan dan penguatkuasaan rutin ke atas majikan di negeri Kelantan, Terengganu, Perak dan Sabah. Objektif lawatan ini adalah untuk memastikan pematuhan sepenuhnya kepada Akta 239 dan Perkhidmatan Pekeling No 12/2008. Sesi taklimat dan perbincangan telah diadakan semasa lawatan ini bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan pengurusan caruman seperti pendaftaran ahli, pegawai peminjam, penalti dan bayaran balik. Sebanyak 40 majikan telah dilawati pada tahun 2012:

NEGERI	JUMLAH MAJIKAN YANG DILAWATI	TARIKH LAWATAN
Kelantan	16	4 – 22 Mac & 13 – 16 Mei
Terengganu	3	15 & 16 Mei
Perak	17	18 – 22 Jun & 2 – 6 Julai
Sabah	4	22 & 23 Oktober
Jumlah	40	

PROGRAM LATIHAN

KWAP juga telah mengendalikan Program Latihan Majikan untuk membimbing majikan mengenai penggunaan borang caruman, pengiraan penalti, isu bayaran balik dan lain-lain. Program ini telah dijalankan di atas permintaan majikan baharu. Majikan yang telah menghadiri program latihan ialah:

- i. Institut Sukan Negara - 26 April 2012
- ii. Majlis Perbandaran Kajang - 30 Ogos 2012
- iii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia - 13 September 2012
- iv. Majlis Daerah Ketereh - 19 Oktober 2012

BAYARAN BALIK

Terdapat 3 kategori bayaran balik termasuk pembayaran balik kepada majikan, KWSP, JPA dan individu. Pada tahun 2012, KWAP telah meluluskan 3,725 bayaran balik permohonan berjumlah RM9.39 juta.


TAHUN	2012	2011	2010	2009	2008
Jumlah Bayaran Balik (RM Juta)	9.39	13.20	11.26	10.57	14.91
Bilangan Permohonan	3,725	4,801	4,087	3,403	5,008

Seksyen **IV**

LAPORAN OPERASI PERNIAGAAN

057 Budaya Prestasi Tinggi

060 Laporan Pencapaian Operasi 2012




BUDAYA PRESTASI TINGGI

PEMILIHAN DAN PEREKRUTAN WARGA KERJA


KWAP bertekad untuk menjadi majikan pilihan di kalangan majikan dalam industri pelaburan. Kami sentiasa berusaha untuk merekrut modal insan terbaik yang bersesuaian dengan DNA unik kami. Kami percaya kami menyediakan persekitaran kerja yang menarik bagi mendorong warga kerja untuk memberikan yang terbaik dan menyumbang ke arah pertumbuhan dana pencen negara ini. KWAP mengalu-alukan warga kerja yang bukan sahaja mampu untuk menyumbang dalam bidang kepakaran mereka sendiri malah warga kerja yang boleh memberi penambahbaikan dari aspek lain seperti penglibatan dalam projek korporat, mengambil bahagian dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan menyertai projek-projek yang dirangka ke arah memajukan modal insan lain.

2012 menyaksikan KWAP merekrut bilangan modal insan tertinggi sejak ditubuhkan dengan jumlah seramai 175 orang sehingga 31 Disember 2012.


BILANGAN WARGA KERJA



PURATA TAHUN BERKHIDMAT




PURATA UMUR




PEREKRUTAN WARGA KERJA DAN PENGGANTIAN WARGA KERJA


Bilangan




TABURAN WARGA KERJA MENGIKUT UMUR



TABURAN WARGA KERJA MENGIKUT KELAYAKAN




TABURAN WARGA KERJA MENGIKUT BIDANG KEPAKARAN



BUDAYA PRESTASI TINGGI

TABURAN WARGA KERJA MENGIKUT JANTINA




PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bagi membolehkan warga kerja kami terus memajukan diri, KWAP menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan melalui program berdasarkan kompetensi dalaman dan luaran yang dianjurkan sepanjang tahun. Tahun ini, warga kerja yang terpilih juga diberi peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui e-pembelajaran dengan Bank Dunia.


Warga kerja baharu bermula dengan menghadirkan diri dalam Program Penyesuaian KWAP yang menyediakan warga kerja baharu dengan memahami misi dan visi KWAP serta gambaran kesemua operasi di dalam organisasi.

Dalam usaha untuk memberi peningkatan dalam pendedahan dan keupayaan kepimpinan yang dipercepatkan, warga kerja terpilih dan berwibawa yang memenuhi kriteria juga diberi peluang untuk bertukar kerja ke jabatan lain, ditugaskan ke program *attachment* tempatan dan luar negara di organisasi lain serta diletakkan di dalam Program Pembangunan Bakat *Fast Track*.


HARI LATIHAN MENGIKUT KATEGORI TENAGA KERJA




HARI LATIHAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



PERBELANJAAN LATIHAN MENGIKUT KATEGORI WARGA KERJA



PERBELANJAAN LATIHAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



BUDAYA PRESTASI TINGGI

PROGRAM NILAI KORPORAT

KWAP begitu menitik beratkan nilai-nilai korporatnya, iaitu: Berorientasikan Kecemerlangan, Profesionalisme, Integriti, Ketelusan, Semangat Kerja Berpasukan dan Pembelajaran Berterusan. Program nilai korporat KWAP dijalankan secara dalaman oleh warga kerja KWAP. Kami percaya bahawa ini adalah satu pendekatan yang positif ke arah memupuk nilai-nilai dalam organisasi dan membolehkan warga kerja untuk menerima pakai nilai-nilai tersebut dengan lebih baik. Selaras dengan nilai-nilai korporat KWAP, bengkel mini dan sesi perkongsian ilmu telah dijalankan sepanjang tahun. Kami juga melatih tenaga kerja kami untuk menjadi fasilitator dalam program-program yang boleh menambah nilai kepada organisasi.

PRESTASI DAN GANJARAN

Apabila merekrut modal insan yang terbaik, ia juga menjadi tanggungjawab kami untuk berusaha mengekalkan perkhidmatan mereka, memberi motivasi dan memberi ganjaran atas sumbangan mereka. Dalam memastikan KWAP sentiasa kekal berdaya saing, falsafah KWAP adalah untuk sentiasa membuat perbandingan dan rujukan kepada penanda aras pakej pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan-majikan lain di dalam pasaran. Falsafah ganjaran kami bagaimanapun masih berlandaskan kepada prestasi KWAP dan bonus yang dibayar berdasarkan prestasi konsisten dan sumbangan warga kerja yang memberikan nilai tambahan kepada organisasi.

LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
AKAUN DAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN	<p>1. Senarai Pembekal</p> <ul style="list-style-type: none"> • Objektif: Mbolehkan KWAP mengekalkan senarai pembekal pilihan sebagai rujukan untuk perolehan masa depan. • Hasil: Senarai pembekal disediakan untuk kegunaan dalam KWAP termasuk senarai proses penilaian pembekal. <p>2. Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Objektif: Menerima maklum balas daripada jabatan-jabatan pengguna KWAP berkenaan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Akaun dan Perkhidmatan Pengurusan, termasuk cadangan penambahbaikan. • Hasil: Keputusan keseluruhan adalah memuaskan. Maklum balas yang diterima daripada jabatan-jabatan pengguna telah dikaji semula dan tindakan telah diambil terhadap beberapa cadangan. <p>3. Inisiatif Penjimatan Kos</p> <ul style="list-style-type: none"> • Objektif: Mbolehkan KWAP mengkaji kaedah penjimatan kos pentadbiran operasi. • Hasil: Enam (6) inisiatif telah dikenalpasti dan dilaksanakan bagi merealisasikan penjimatan kos operasi KWAP. <p>4. Semakan Borang Pentadbiran dan Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Objektif: Mengkaji semula dan menyemak borang-borang yang sedia ada dalam penggunaan untuk menjadikannya lebih mesra pengguna. • Hasil: Tiga belas (13) borang dalam penggunaan telah direka semula / diformat semula. <p>5. Kajian Prosedur Operasi Standard (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Objektif: Mengkaji dan menyemak semula SOP dalam penggunaan di Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan. • Hasil: SOP yang berkaitan telah disemak semula untuk mencerminkan penambahbaikan kepada beberapa prosedur dan proses.
PADA MASA AKAN DATANG	
<p>Meningkatkan laporan pengurusan KWAP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan laporan pengurusan KWAP mengenai operasi melalui peningkatan kualiti keseluruhan laporan. <p>Inisiatif penjimatan kos</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula penjimatan kos lain di dalam jabatan. <p>Daftar Aset Tetap</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula dan meningkatkan Daftar Aset Tetap. <p>Buku Rekod dan Daftar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula dan menyemak buku-buku rekod dan daftar dalam penggunaan. <p>Dasar Kewangan dan Garis Panduan (FPG)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula dan menyemak FPG. <p>Dasar Perakaunan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula dan mengemas kini dasar perakaunan KWAP. 	

LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
CARUMAN	<p>1. Kutipan Kutipan caruman pence dan penerimaan bahagian kerajaan berjumlah RM4.18 bilion.</p> <p>2. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) Sistem automatik yang menyediakan pendaftaran atas talian bagi majikan dan ahli-ahli serta mengumakan butir-butir caruman.</p> <p>3. Penerbitan dan Pengeluaran Buku Panduan Majikan Panduan lengkap kepada majikan yang menggunakan pengurusan caruman telah diedarkan kepada semua majikan.</p> <p>4. Pelaksanaan Borang Caruman Baharu Termasuk borang pendaftaran, caruman, bayaran balik, tunggakan dan denda yang telah diedarkan kepada semua majikan.</p> <p>5. Mengendalikan Bengkel ICMS Seramai 572 peserta yang mewakili 286 majikan telah menghadiri bengkel dari 5 November hingga 6 Disember 2012.</p> <p>6. Lawatan Pematuhan dan Penguatkuasaan Lawatan telah dibuat kepada 40 majikan, sebagai salah satu daripada aktiviti pematuhan dan penguatkuasaan.</p> <p>7. Kerjasama dengan Agensi-agensi Kerajaan dalam Bidang Peminjaman, Bayaran Balik, Denda dan Penerimaan Bahagian Kerajaan: <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Jabatan Caruman) • Kementerian Kewangan (Bahagian Dasar Saran, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan) • Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) • Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Seksyen Persaraan dan Pencen) </p> <p>8. Program Latihan Majikan <ul style="list-style-type: none"> • Institut Sukan Negara • Suruhanjaya Koperasi Malaysia • Majlis Perbandaran Kajang • Majlis Daerah Ketereh </p>
PADA MASA AKAN DATANG	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Memudahkan pembayaran caruman pencen melalui e-Bayaran kepada semua majikan yang mencarum. 2. Menjalankan Bengkel ICMS untuk majikan di Sabah dan Sarawak. 3. SOP baru selaras dengan pelaksanaan ICMS. 4. Cadangan mengenai kemungkinan penyertaan baru kakitangan kerajaan untuk menyumbang kepada KWAP dan tidak lagi KWSP. 5. Mengeluarkan Penyata Caruman setengah tahun kepada majikan. 	

LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
KUSTODIAN	<p>1. Pematuhan, audit dan peraturan-peraturan</p> <ul style="list-style-type: none"> • 100% pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan. <p>2. Pelaksanaan pentadbiran dan kawalan pelaburan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berjaya menubuhkan akaun dalaman dan luaran KWAP dengan kustodian global di pelbagai pasaran antarabangsa. • Mengkaji semula dan mengemaskini Dasar Pelaburan & Garis Panduan bersama-sama dengan Arahuan Kuasa KWAP. • Menyiapkan SOP dengan jabatan-jabatan berkaitan. • Menangani pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan aset pengurusan dan perkhidmatan aset bersama kustodian luar. <p>3. Modal Insan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bekerjasama dengan kustodian luaran dan Jabatan Sumber Manusia dalam menganjurkan latihan dan penempatan pekerjaan untuk warga kerja KWAP dalam isu berkaitan pengurusan dan perkhidmatan aset. • Mengambil bahagian dalam program-program pembelajaran dan pembangunan dengan pihak luar seperti Bursa Malaysia, BNY Mellon dan Citibank. <p>4. Pemulihan bencana dan pelan kesinambungan perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan pelan kesinambungan perniagaan dan berjaya menjalankan pelbagai ujian untuk memastikan operasi kustodian berjalan dengan lancar sekiranya berlaku gangguan / bencana.
PADA MASA AKAN DATANG	
<ul style="list-style-type: none"> • Memberi tumpuan kepada membina keupayaan termasuk penambahbaikan yang berterusan ke atas proses kerja, kaedah-kaedah pemahaman pasaran dan peraturan dan amalan terbaik di pasaran dalam menyediakan perkhidmatan kustodian. • Memastikan semua operasi kustodian mematuhi 100% undang-undang dan peraturan yang berkaitan. 	

LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
TEKNOLOGI MAKLUMAT	<p>1. Jawatankuasa Pemandu IT (ITSC) Satu pencapaian penting dalam tadbir urus IT KWAP ialah kelulusan Lembaga KWAP ke atas Rangka Kerja Pengurusan IT dan penubuhan badan tadbir urus, ITSC, yang ahlinya terdiri dari pihak berkepentingan perniagaan dan IT. Bidang tumpuan tadbir urus adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyelarasan Strategik • Penyampaian Nilai • Pengurusan Risiko IT • Pengurusan Sumber • Pengurusan Prestasi <p>ITSC telah mengadakan 4 mesyuarat pada tahun 2012.</p> <p>2. Keselamatan dan Tadbir Urus Unit ini telah membantu memastikan perkara sulit dan rahsia, integriti dan ketersediaan data dan sistem melalui inisiatif-inisiatif berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ujian Penembusan Berjaya dilaksanakan pada tahun 2012 untuk mengesahkan bahawa rangkaian keselamatan KWAP dikawal dengan utuh dan berfungsi seperti yang sepatutnya. • Dua Peringkat Firewall Berjaya melaksanakan konfigurasi Dua Peringkat <i>Firewall</i> pada 2012. Hak akses sistem diasingkan dan akses yang diberikan mengikut keperluan untuk kedua-dua penggunaan luaran (internet) dan trafik dalaman (intranet). • Cloud Anti-Virus Untuk meningkatkan profil keselamatan titik penamat KWAP, teknologi Anti-Virus <i>Cloud</i> telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2012 untuk memastikan bahawa peranti mudah alih dikemaskini dengan tandatangan terbaru walaupun para pengguna mudah alih tidak disambung ke rangkaian pejabat. • Kawalan Akses Rangkaian (NAC) NAC adalah satu lagi kelengkapan keselamatan teknologi kawalan yang digunakan dalam 2012 untuk memastikan hanya pengguna yang dibenarkan dapat mengakses rangkaian sumber korporat.

LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
TEKNOLOGI MAKLUMAT (sambungan)	<p>3. Infrastruktur dan Operasi Unit ini menyokong dan memudahkan infrastruktur IT dan perkhidmatan Operasi menjayakan inisiatif berikut pada tahun 2012:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senibina Pejabat Jauh Telah berjaya mereka dan melaksanakan “senibina pejabat jauh” untuk menyokong Prima Ekuiti (UK) Limited. Menggunakan teknologi <i>Cloud</i> persendirian yang selamat dengan jalur lebar kos rendah tanpa menjelaskan kawalan keselamatan dan pengalaman pengguna. • Pelaksanaan Strategi Sandaran dan Pemulihan Bencana (DR) Baharu Mencapai peningkatan pelbagai serampang melalui pelaksanaan sandaran baru penyelesaian pemulihan bencana melalui pengurangan kerumitan operasi dan memanjangkan penggunaan untuk menampung kesemua sistem, mengurangkan risiko peralatan, aplikasi dan kegagalan manusia, meningkatkan produktiviti dan penggunaan sumber, meningkatkan Sandaran / prestasi sistem Pemulihan dan keupayaan DR. • Transformasi Strategi Kesinambungan Perniagaan (BC) & Pemulihan Bencana (DR) (dari Tapak Hangat ke Tapak Panas) Telah berjaya melaksanakan BC dan DR KWAP pertama yang dilakukan secara langsung pada bulan November 2012. Melaksanakan pemulihan sandaran baharu dan penyelesaian replikasi yang lebih selamat dengan rangkaian jalur lebar kos rendah. Kontrak dirundingkan semula dengan pembekal perkhidmatan DR (Tiada kos kontrak tambahan walaupun tahap perkhidmatan yang lebih tinggi dan penyediaan kemudahan khas). Perancangan terperinci, ujian dan kerjasama oleh semua peserta BC memastikan Latihan DR secara langsung berjaya dan lancar. KWAP mencapai tahap persediaan dan ketersediaan BC yang lebih tinggi disamping mengurangkan risiko dan menikmati faedah kos. • Infrastruktur Tanpa Wayar Untuk menangani salah satu penghubung yang paling lemah dalam rantaian “kawalan akses keselamatan”, teknologi Wi-Fi yang teguh dan bergred komersil telah ditubuhkan pada tahun 2012. Ia menyediakan hak akses berbeza untuk tetamu dan jenis pengguna yang berbeza. Dengan adanya kemudahan ini, KWAP mampu meningkatkan produktiviti dengan tidak memerlukan kemudahan bilik latihan tetap. Infrastruktur Wi-Fi merupakan sumber utama yang diperlukan oleh Jabatan Caruman untuk bengkel pencarum. • Penggantian Semula Komputer Meja dan Komputer Riba Proses Penggantian Semula komputer telah dijalankan secara berperingkat-peringkat (peruntukan mengikut keperluan). Kaedah ini memastikan warga kerja dilengkapi secukupnya dan produktiviti tidak terjejas dan pada masa yang sama mengelakkan penggantian besar yang mahal.

LAPORAN PENCAPOAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPOAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
TEKNOLOGI MAKLUMAT (sambungan)	<p>4. Sistem Sokongan Perniagaan Unit ini menyediakan Penganalisis Perniagaan, Pengurusan Projek dan Perkhidmatan Sokongan Pengguna kepada pengguna sistem di KWAP. Pada tahun 2012, unit ini melaksanakan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sistem Risiko, Prestasi & Strategi (RPS) Telah berjaya dalam menjalankan pelaksanaan sistem RPS fasa 1 pada bulan November 2012. RPS adalah inisiatif Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Jabatan Prestasi Perniagaan dan Jabatan Strategi Portfolio untuk melancarkan proses pembuatan keputusan yang lebih baik bagi peningkatan Aset Bawah Pengurusan. Pelaksanaan Secara Langsung Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) Telah berjaya dalam membantu Jabatan Caruman dalam melaksanakan ICMS pada akhir bulan Disember. Menaik Taraf Carta <i>Fusion</i> Carta <i>Fusion</i> di naik taraf di Dashboard Pengurusan Risiko, yang akan menyediakan visualisasi yang lebih baik dan pelbagai jenis carta dalam talian. Pengisytiharan eAsset dalam eP2P Membantu Jabatan Sumber Manusia dalam melaksanakan modul Pengisytiharan eAsset yang mengautomasikan proses lengkap perisytiharan Aset warga kerja. Melancarkan Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu (IFIMS) dalam Prima Ekuiti (UK) Limited Membantu dalam pelaksanaan IFIMS untuk Prima Ekuiti (UK) Limited. Ia termasuk integrasi data dengan sistem perakaunan SAGA. Peningkatan berterusan Sistem IFIMS telah diperlakukan secara berterusan untuk melancarkan produk baharu seperti Kepelbagai Deposit Matawang, Pelaburan ekuiti dalam APAC, Laporan Pematuhan Pengurangan Kerugian, Peningkatan Laporan Kepelbagai Matawang dan Tarikh Perdagangan Pendapatan Tetap.
PADA MASA AKAN DATANG	
<p>Dalam tahun 2013, ITD akan mengukuhkan amalan pengurusan IT, meneruskan usaha ke arah pensijilan ISMS berdasarkan piawaian ISO 27001. Meningkatkan ketersediaan sistem, sistem / peralatan akhir-hayat IT akan digantikan dan jika perlu, kapasiti sistem akan dinaik taraf bagi memenuhi inisiatif perniagaan baru.</p> <p>Dengan penumpuan kerja / gaya hidup peribadi teknologi IT, platform pengkomputeran mudah alih akan dibangunkan (infrastruktur serta SOP) bagi memastikan risiko yang wujud dapat dikurangkan. ITD akan mencari aplikasi / sistem perniagaan yang baharu bagi memastikan penyelarasan sistem keupayaan berfungsi dengan proses perniagaan dan hala tuju. Akhir sekali, untuk memastikan warga kerja IT berterusan mahir melalui latihan dan pengkretran.</p>	

LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
AUDIT DALAMAN	<p>1. Menubuhkan Jabatan Audit Dalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan Piagam Audit Dalaman yang mentakrifkan tujuan, kuasa dan tanggungjawab aktiviti audit dalaman yang telah diluluskan oleh Lembaga KWAP. • Menubuhkan Manual Audit Dalaman yang menggambarkan kod Etika Audit Dalaman, perancangan dan tanggungjawab, proses kerja dan pentadbiran. Manual telah disediakan selaras dengan Piawaian Antarabangsa IIA untuk Amalan Profesional Audit Dalaman. • Merekrut tenaga kerja utama audit dalaman, menyelia Audit Pelaburan, IT & Operasi. • Menjalankan Penilaian Risiko Audit menggunakan pendekatan berdasarkan risiko dalam menentukan Pelan Audit di masa depan. • Menjalankan akitiviti berterusan dalam penyediaan Program Kerja Audit dan Soal Selidik Kawalan Dalaman sebagai persediaan untuk menjalankan kajian audit. <p>2. Mesyuarat Berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyertai aktiviti Pemulihan Bencana (DR) yang dijalankan untuk memahami dan membiasakan dengan proses DR. • Melawat Bank Kustodian KWAP, BNY Mellon dan Citibank di Singapura untuk memahami proses dalam melaksanakan penilaian <i>due diligence</i> dengan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan dan Jabatan Kustodian. • Melawat Pengurus Dana Luaran (EFM), CIMB Principal Islamic Asset Management untuk memahami proses melaksanakan kajian <i>due diligence</i> dengan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan dan Jabatan Ekuiti.
	<p>PADA MASA AKAN DATANG</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk melengkapkan fungsi Tetuan KPMG, juruaudit dalaman yang dilantik dalam menjalankan penilaian audit untuk aktiviti utama operasi (tidak dalam lingkungan perkhidmatan mereka). • Untuk mengisi dan menggunakan <i>Audit Command Language</i> (ACL), Teknik Audit Bantuan Komputer (CAATs) sebuah sistem aplikasi untuk semakan audit iaitu analisis dan pencarian data. • Mengambil bahagian dalam inisiatif utama KWAP sebagai pemerhati bebas atau penasihat kawalan dalaman.

LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2012

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2012
PENYELESAIAN PELABURAN	<p>1. Kesediaan Jabatan untuk Pelaburan Antarabangsa KWAP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kecekapan dan pengetahuan tenaga kerja mengenai kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan pasaran antarabangsa serta program attachment dengan organisasi pengurusan aset di luar negara. • Mewujudkan SOP baharu untuk Prima Ekuiti (UK) Limited, Pelaburan Ekuiti Antarabangsa (Asia Pasifik kecuali Portfolio Jepun) dan Bon Antarabangsa. <p>2. Pelaksanaan berterusan Sistem Pemindahan Elektronik Masa Nyata (RENTAS) Baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berjaya melakukan ujian sepanjang tahun terhadap Mini-RENTAS secara langsung. • Penyambungan dan sistem ujian yang berjaya dikonfigurasi daripada RENTAS baharu di Pusat Pemulihan Bencana KWAP. <p>3. Pengukuhan Bahagian Penyelesaian Pra-Perdagangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyusunan terbaharu Pihak yang Dibenarkan untuk aktiviti berkaitan pelaburan. • Berjaya menggantikan Tiket Pelaburan Perniagaan ke Ringkasan Urus Niaga Pelaburan Harian ke arah persekitaran tanpa kertas.
PADA MASA AKAN DATANG	
<ul style="list-style-type: none"> • Meneruskan usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan keupayaan RENTAS bagi menyokong pembayaran merentasi sempadan dan penempatan dana pelbagai matawang dalam negeri, kemudahan penyelesaian sekuriti ke arah mengurangkan kos dan memastikan penyelesaian muktamad. • Menyokong pelaksanaan Laporan Standard Kewangan Antarabangsa (IFRS) dalam Sistem Pelaburan MFund. • Melengkapkan jabatan dengan tenaga kerja dan pengetahuan yang mencukupi di dalam bidang pelaburan antarabangsa dengan mengambil kira jumlah peningkatan aktiviti pelaburan, kerumitan instrumen dan kepelbagaiannya produk pelaburan oleh Unit Pelaburan seperti perluasan ekuiti antarabangsa - Asia Pasifik kecuali Jepun iaitu Australia, New Zealand, Korea Selatan, Taiwan dan India; perkembangan bon antarabangsa (Wilayah) iaitu Korea Selatan, Australia, Indonesia dan China, dan pengasingan antara Portfolio Kepatuhan Syariah dan bukan Syariah. • Selaras dengan inisiatif Jabatan Pendapatan Tetap, Jabatan Penyelesaian Pelaburan akan meningkatkan kesediaan Prima Ekuiti (UK) Limited - untuk pelaburan Pendapatan Tetap. 	

Seksyen V

TADBIR URUS KORPORAT

069 Pengurusan Risiko

081 Penyata Tadbir Urus

090 Penyata Kawalan Dalaman



PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH (ERM)


Pada 2012, KWAP merasmikan penggunaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruhan (ERM). Ini adalah pendekatan strategik menyeluruhan yang direka dalam usaha untuk mengenal pasti potensi kejadian atau ancaman yang boleh menjelaskan KWAP. Ia memudahkan pengurusan risiko kami dan menyediakan jaminan munasabah berhubung kemungkinan pencapaian objektif KWAP. Pendekatan ini sejajar dengan ISO 31000:2009 Standard Pengurusan Risiko dan didokumenkan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruhan (ERMF) dengan disokong oleh Polisi ERM.

KWAP juga telah membangunkan rangka kerja kecil pengurusan risiko untuk risiko utama seperti Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit. Rangka kerja kecil ini dibangunkan berdasarkan modular untuk memberi peruntukan pengasingan yang sama rata, terperinci dan jelas untuk risiko utama. KWAP mempunyai fleksibiliti untuk membangunkan rangka kerja kecil baharu untuk menangani risiko-risiko lain jika perlu.



PENGURUSAN RISIKO

Struktur Pengawasan ERM KWAP



Lembaga KWAP bertanggungjawab sepenuhnya untuk pengawasan dan pengurusan risiko KWAP. Melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Lembaga mengekalkan keseluruhan tanggungjawab untuk pengawasan risiko dalam KWAP.

Tanggungjawab RMC termasuk menyemak dan memastikan kesempurnaan dasar pengurusan risiko dan prosedur, mengkaji pendedahan risiko, dan memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem sedia ada untuk aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Ahli Lembaga juga disokong oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk menyediakan penilaian bebas mengenai kesempurnaan dan kewibawaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, dan pematuhan dengan dasar risiko dan keperluan peraturan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif berfungsi sebagai platform dimana semua perkara berkaitan risiko dibentangkan oleh unit-unit operasi dan pelaburan dan diperbincangkan dan diberi perhatian. Isu tersebut kemudian dikemukakan kepada RMC untuk makluman dan membuat keputusan jika perlu.

Fungsi pengurusan risiko bebas dan fungsi kawalan, iaitu Pengurusan Risiko dan Audit Dalaman bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan risiko rangka kerja dan dasar yang diluluskan dilaksanakan dan dipatuhi. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengendalikan proses pengurusan risiko dengan unit operasi termasuk pengenalpastian, penilaian, pengurangan dan pemantauan risiko.

Di barisan hadapan, unit operasi bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko dalam operasi mereka. Mereka bertanggungjawab dalam memastikan semua aktiviti harian dijalankan dalam rangka kerja yang mantap dan mematuhi dasar-dasar, prosedur dan had yang diluluskan.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Laporan Kejadian Risiko Operasi (ORE)

Risiko operasi adalah risiko kerugian akibat daripada kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem atau kejadian luaran. Pada tahun 2012, ORE dilaporkan tidak mempunyai kesan yang memberi impak teruk terhadap operasi KWAP kerana majoriti daripadanya telah diperbaiki tepat pada masanya. ORE dilaporkan kebanyakannya di bawah kategori kejadian risiko berikut:

1. Pelanggan, produk dan amalan perniagaan
2. Pengurusan pelaksanaan, penyampaian dan proses
3. Gangguan perniagaan dan kegagalan sistem

Dalam menangani laporan ORE, langkah-langkah proaktif telah diambil seperti menjalankan kajian terhadap proses utama termasuk kawalan baharu berserta peranan dan tanggungjawab yang jelas bagi pihak terlibat.

Kajian Proses Kitaran Hayat (LPR)

Kajian Proses Kitaran Hayat (LPR) telah diperkenalkan sebagai salah satu kaedah yang proaktif untuk menguruskan risiko operasi. Ia bertujuan untuk memastikan risiko operasi dalam proses utama adalah mencukupi dan diuruskan dengan berkesan. Penilaian tersebut melibatkan dokumen dan analisa proses aliran untuk mengenal pasti dan menganalisa sesuatu risiko, aktiviti kawalan dan bidang yang perlu diperbaiki. Skop untuk kajian meliputi proses merentasi jabatan-jabatan berkaitan contohnya pengurusan pinjaman, perolehan dan pengurusan caruman.

Lebih penting lagi, perbincangan juga telah dijalankan dengan jabatan yang berkaitan untuk mengenalpasti, merumus dan bersetuju dengan rancangan tindakan untuk mengurangkan risiko operasi.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)

Pada tahun 2012, KWAP meneruskan pelaksanaan rangka kerja BCM dan mengenal pasti kawasan-kawasan di mana penambahbaikan boleh dibuat untuk keupayaan dan kecekapan dalaman bagi menangani risiko gangguan operasi yang teruk.

Latihan Pemulihan Bencana masih menjadi keutamaan, dimana 2 latihan telah dijalankan di tapak alternatif yang dilengkapi dengan infrastruktur yang diperlukan untuk penyambungan semula fungsi perniagaan yang kritikal. Ia adalah satu pencapaian besar untuk KWAP apabila aktiviti Pemulihan Bencana secara langsung telah berjaya dijalankan pada tahun 2012. Latihan tersebut meliputi fungsi kritikal yang telah dikenalpasti akan dilaksanakan di Pusat Pemulihan Bencana KWAP dan apabila

selesai akan disimpan semula di pejabat utama di Menara Yayasan Tun Razak. Semasa latihan, warga kerja KWAP yang berkhidmat sebagai ahli Pasukan Kesinambungan Perniagaan telah digerakkan dan ditugaskan untuk melaksanakan pemulihan fungsi kritikal yang diperlukan dalam masa yang ditetapkan.

PENGURUSAN RISIKO STRATEGIK


Pengurusan Risiko Strategik adalah satu proses untuk mengenalpasti, menilai dan menguruskan risiko dan ketidaktentuan, yang terjejas dari kejadian dalaman dan luaran, yang boleh menghalang keupayaan organisasi untuk mencapai strategi dan objektif strategik dengan matlamat utama mewujudkan dan melindungi nilai pemegang saham dan pihak berkepentingan. Ia merupakan komponen utama dan asas yang perlu untuk Pengurusan Risiko Perniagaan.

KWAP sentiasa memastikan bahawa risiko strategik diuruskan berdasarkan seluruh perusahaan dan bukannya secara individu. Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat menjadi penyelaras utama, memantau dan menilai pelaksanaan berterusan terhadap matlamat dan objektif strategik dan matlamat KWAP. KWAP juga mengemukakan laporan tetap kepada Lembaga dan sentiasa mengkaji dan menilai kemajuan yang dicapai serta penilaian yang lebih luas dalam keadaan ekonomi makro dan mikro. Semakan secara berkala terhadap Alokasi Aset Strategik (SAA) selaras dengan penilaian semula kemahiran dalaman dan keupayaan kami adalah amat penting dalam memacu untuk mencapai matlamat strategik.

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Carta seterusnya menunjukkan kategori risiko utama di bawah risiko pasaran. Permandu risiko pasaran utama dalam KWAP terutamanya Risiko Kadar Faedah, Risiko Ekuiti dan Risiko Penyebaran Kredit. Risiko Matawang daripada pelaburan antarabangsa kini pada kadar 6.58% daripada jumlah pelaburan pada Disember 2012.


KOMPONEN RISIKO PASARAN UTAMA




PENGURUSAN RISIKO

Satu langkah utama Risiko Pasaran yang digunakan dalam KWAP adalah Risiko-pada- Nilai (VaR). KWAP kini mengukur VaR sebagai kemungkinan kerugian yang paling besar yang boleh berlaku pada kebarangkalian 5%, dalam tempoh 10 hari dagangan. Secara keseluruhan, VaR KWAP pada kadar purata 1.34% daripada nilai pasaran dana. Dalam erti kata lain, untuk tempoh 2 minggu, terdapat kebarangkalian 95% bahawa KWAP tidak akan rugi lebih daripada 1.34% dari nilai pasaran dana akibat risiko pasaran.

JUMLAH NILAI RISIKO PORTFOLIO




JUMLAH KETIDAKTENTUAN PORTFOLIO



KWAP juga mengukur ketidaktentuan portfolio, yang didefinisikan sebagai ramalan perubahan portfolio dalam tempoh 1-tahun, berdasarkan 1 Sisihan Piawai (atau kebarangkalian 68%). Secara purata, ketidaktentuan portfolio KWAP adalah $\pm 3.79\%$. Model meramalkan bahawa portfolio boleh meningkatkan atau mengurangkan nilai sebanyak 3.79% dalam masa 1 tahun. Peningkatan angka menggambarkan semakin tinggi ketidaktentuan portfolio, lebih tinggilah risiko. Peningkatan pemantauan dan pemahaman ketidaktentuan portfolio dengan menambahkan langkah-langkah pulangan risiko seperti Nisbah Sharpe yang ditunjukkan di bawah.

JUMLAH NISBAH PORTFOLIO SHARPE




Nisbah Sharpe KWAP adalah pada kadar 1.56% pada bulan Disember 2012. Secara keseluruhan, portfolio KWAP ini mampu untuk menambah nilai sebanyak 156 mata asas berbanding kadar tidak berisiko.

Pendedahan Risiko Ekuiti

Portfolio Ekuiti mewakili secara purata 33.03% daripada jumlah portfolio nilai pasaran. Aset-aset lain adalah Pendapatan Tetap pada 55.40%, Pasaran Wang 8.63% dan pelaburan alternatif pada 2.94%. Secara keseluruhannya, Ekuiti VaR KWAP secara puratanya ialah 3.65% daripada dana pada nilai pasaran portfolio ekuiti.


RISIKO PADA NILAI BULANAN



PENGURUSAN RISIKO


Tracking Error untuk Ekuiti telah merosot sejak permulaan tahun dan berada pada 2.51% pada bulan Disember 2012. Tracking Error (juga dipanggil risiko aktif) adalah ukuran sisaan daripada penanda aras dan indeks akan mempunyai tracking error hampir dengan sifar, manakala portfolio yang diuruskan secara biasanya akan mempunyai tracking error yang lebih tinggi.

TRACKING ERROR (3 TAHUN BERTERUSAN)




Korelasi penanda aras (FBM100) adalah agak tinggi bagi keseluruhan tahun pada purata 0.995 manakala secara puratanya Beta adalah pada 0.970. Ini menunjukkan bahawa apabila indeks meningkat sebanyak 1%, portfolio akan meningkat sebanyak 0.970%. Ini biasanya dilihat sebagai portfolio pertahanan selaras dengan strategi pelaburan KWAP yang berhemah.

BETA & KORELASI DWI MINGGUAN



Carta berikutnya menunjukkan pendekatan ekuiti KWAP berbanding indeks FBM100. Pada akhir tahun, 3 sektor *overweight* utama kami ialah Produk Perindustrian, Perladangan dan REIT, manakala 3 sektor *underweight* utama ialah Perdagangan / Perkhidmatan, Kewangan dan IPC.

FBM100 BERBANDING KWAP WEIGHTAGE (MENGIKUT SEKTOR) PADA 31 DISEMBER 2012




PENGURUSAN RISIKO

Pendedahan Pendapatan Tetap

Portfolio Pendapatan Tetap secara purata ialah 55.40% daripada jumlah nilai pasaran portfolio. Secara keseluruhan, VaR Pendapatan Tetap KWAP ialah pada purata 1.20% daripada nilai pasaran dana portfolio pendapatan tetap.

NILAI RISIKO BULANAN




Pendedahan Pendapatan Tetap KWAP adalah terutamanya dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Bon Quasi-Kerajaan, Sekuriti Hutang Persendirian (SHP), instrumen pendapatan tetap antarabangsa dan Pasaran Wang.

SKM dan - Bon Quasi Kerajaan

Sebagai sebuah dana persaraan, strategi pendapatan tetap kami mengambil kira risiko objektif berbanding dengan objektif pulangan, kecairan instrumen dan tempoh masa liabiliti. Oleh itu, SKM dan Bon Quasi Kerajaan kami berkematanan menjurus kepada 1-5 tahun kematangan.

Carta seterusnya menunjukkan KWAP *overweight* dalam semua baki tempoh kematangan kecuali <1 tahun, 5-7 tahun dan > = 10 tahun matang berbanding *MGS Quantshop MGS All Index*.


KWAP BERBANDING MGS ALL (MENGIKUT TEMPOH)



Sekuriti Hutang Persendirian (SHP)

Pada Disember 2012, profil kematangan bagi SHP memberi tumpuan kepada jangka masa sederhana panjang (3 hingga 7 tahun) seperti yang ditunjukkan dalam carta seterusnya. Sehingga Disember 2012, KWAP berada di purata *underweight* pada tempoh 1-3 tahun, 7-10 tahun, dan > = 10 tahun kategori baki kematangan berbanding *Quantshop Corp All Index*.


KWAP BERBANDING CORP ALL (MENGIKUT TEMPOH)



Sepanjang tahun, bagi SKM & TPK, purata tempoh berubah KWAP adalah 5.36 berbanding *MGS Quantshop (All) Index* pada 5.68. Kami percaya bahawa masih terdapat permintaan yang mencukupi bagi SKM & TPK di pasaran, dengan permintaan jauh melebihi bekalan. Aliran anjakan keselamatan akan memberikan sokongan kepada SKM & TPK.

Bagi PDS, KWAP mempunyai purata tempoh berubah 5.68 berbanding penanda aras 4.63. Ini mencerminkan strategi KWAP untuk melanjutkan tempoh semasa portfolio dan memberi tumpuan kepada kualiti kredit yang baik.


2012 DALAMAN BERBANDING PENANDA ARAS TEMPOH BERUBAH



PENGURUSAN RISIKO

Tracking Error berterusan 3 tahun portfolio Pendapatan Tetap Luaran susut kepada 1.30%, dengan sebab utamanya ialah penghentian data terpencil secara peringkat semasa Krisis Sub Prima sekitar tahun 2008 hingga 2009. Pada masa akan datang, ia menggambarkan *tracking error* yang lebih normal.

TRACKING ERROR (3 TAHUN BERTERUSAN)



Terbitan

Pada tahun 2012, 1.05% daripada jumlah dana adalah pelaburan dalam instrumen Rangkaian Deposit Terakru. Selain itu, USD 240 juta adalah dalam Pertukaran Mata Wang Bersilang yang digunakan untuk melindung nilai bon denominasi USD, iaitu secara keseluruhan sebanyak 1.86% jumlah dana.

Pelaburan Alternatif

Pada Disember 2012, Pelaburan Alternatif [Hartanah (Antarabangsa), Dana Ekuiti Persendirian (Domestik dan Antarabangsa), dan Ekuiti Persendirian (Domestik)] kekal sebagai bahagian yang agak kecil daripada jumlah dana iaitu sebanyak 2.94%.

Hartanah (Antarabangsa)

Pendedahan pelaburan kami dalam Mata Wang Asing adalah dalam AUD dan GBP. Hartanah dilaburkan terutamanya untuk hasil sewaan dan berjangka panjang, maka risikonya adalah berstruktur berbanding dengan urus niaga. Kami juga membuat peruntukan tukaran mata wang asing secara bulanan berdasarkan kos yang lebih rendah atau amalan nilai pasaran untuk memastikan ia ketara dan telus.


Dana Ekuiti Persendirian (Domestik dan Antarabangsa), dan Pelaburan Langsung (Domestik)

Pada Disember 2012, terdapat 14 dana ekuiti persendirian dilaburkan dalam mata wang USD dan AUD serta 2 pelaburan langsung dilaburkan dalam mata wang tempatan. KWAP memantau prestasi pelaburan dalam dana ekuiti persendirian berdasarkan dana dan dalam pelaburan individu itu sendiri.

Terdapat ulasan berkala dengan pengurus dana serta ulasan jumlah portfolio. Metrik prestasi bagi dana ekuiti persendirian termasuk Kadar Pulangan Dalaman (IRR), penilaian dan perkembangan pelaburan yang sedia ada.

Kebiasaannya dana ekuiti persendirian lebih cenderung kepada pengeluaran berperingkat dengan pembayaran balik modal dan keuntungan secara progresif. Portfolio yang lebih matang akan mempunyai campuran antara pelaburan yang dikeluarkan dan komitmen modal belum diguna (seperti dalam carta seterusnya). Pengurusan risiko dana ekuiti persendirian biasanya tertumpu dalam penilaian prapelantikan pengurus dana dan strategi pelaburan mereka, mengambil kira strategi ekuiti persendirian kami dan sasaran kematangan. Aktiviti selepas pelantikan jawatan tertumpu kepada operasi pengurusan risiko dan pemantauan dana itu sendiri.

PROFIL DANA EKUITI PERSENDIRIAN DAN PELABURAN LANGSUNG




PENGURUSAN RISIKO

Risiko Matawang


Jumlah dana portfolio terdiri daripada pelaburan sebanyak 6.58% (Ekuiti, Pendapatan Tetap, Ekuiti Persendirian dan Hartanah) dalam matawang asing, manakala selebihnya adalah di dalam matawang tempatan (MYR).

JUMLAH DANA DALAM PORTFOLIO



Komponen mata wang asing boleh dipecahkan kepada 6 jenis matawang utama dengan peratusan seperti di bawah.

KEDUDUKAN BERSIH DALAM MATAWANG MYR



PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO KREDIT


Risiko kredit adalah risiko kerugian akibat kemungkiran oleh *counterparty* KWAP, iaitu pengeluar bon, institusi pengambilan deposit, broker dan pengantara lain. KWAP, sebagai pemain aktif dalam pasaran pendapatan tetap tempatan dan pasaran wang dengan penglibatan di dalam kedua-dua pasaran utama dan peringkat kedua, memerlukan dasar risiko kredit yang kukuh untuk menguruskan risiko ini. Amalan terbaik industri dipupuk dalam pengemaskinian berterusan polisi risiko kredit. Tujuan pengurusan risiko kredit ialah untuk memastikan pendedahan risiko kredit berada di tahap yang boleh diterima pakai berhubung modal, dan untuk memastikan pulangan adalah sesuai dengan risiko. Dengan pengenalan Rangka Kerja Risiko Kredit dan Garis Panduan Risiko Kredit di KWAP, ia membantu untuk merasmikan fungsi risiko kredit di KWAP yang meliputi pengukuran pengurusan kredit risiko dan penilaian risiko kredit serta pemantauan.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT EFEKTIF

Risiko Portfolio					
Risiko Counterparty	Risiko Pengeluar	Risiko Tertumpu	Analisa Kredit	Penilaian Dalaman	Risiko Kredit
Garis panduan Had <i>Counterparty</i> Had pendedahan kepada <i>Counterparty</i> berdasarkan kelayakan kredit	Had pendedahan kepada satu syarikat tersenarai, kumpulan syarikat tersenarai (dalam bon dan ekuiti)	Penilaian Had Portfolio SHP Memberi had kepada setiap penilaian SHP	Analisa Kuantitatif dan analisa Kualitatif untuk menentukan kelayakan kredit	Model pemarkahan kredit untuk SHP, pinjaman dan <i>counterparty</i> tiada penarafan	Penilaian terhadap SHP dan pinjaman setiap tahun
Pendedahan Pelaburan Kumpulan Pendedahan merentasi semua kelas aset	Penilaian minima untuk Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) Pemerhatian Penilaian Negatif SHP				


KWAP secara aktif menyediakan kecairan kepada pasaran melalui penempatan deposit yang mendedahkan KWAP kepada risiko kredit *counterparty*. Pendedahan dalam deposit tetap, deposit instrumen boleh dirunding dan instrumen seumpamanya adalah bersih daripada keterbukaan sandaran kepada institusi pengeluaran, yang terutamanya dilesenkan atau institusi kewangan yang dikawal selia. Tambahan pula, KWAP sedang memperluaskan instrumennya termasuk pertukaran asing dan derivatif yang mendedahkan risiko kredit yang lebih kepada *counterparty*. Garis Panduan Had *counterparty* berfungsi untuk menguruskan risiko kredit secara pendekatan holistik. Garis panduan ini akan menangani had yang diperuntukkan kepada pendedahan pasaran wang, pertukaran asing dan derivatif berdasarkan kelayakan kredit institusi kewangan seperti yang ditunjukkan dalam penilaian kredit luaran atau penilaian kredit KWAP sendiri.

DARI JENIS INSTITUSI



PENGURUSAN RISIKO


**PORTFOLIO DALAMAN SHP MENGIKUT PENILAIAN (NILAI NOMINAL)
PADA 31 DISEMBER 2012**



Untuk bertindak proaktif dalam menguruskan risiko kredit SHP, KWAP telah melaksanakan pemantauan berterusan ke atas SHP pada Pemerhatian Penilaian Negatif. Pemerhatian Penilaian merupakan petunjuk yang dikeluarkan oleh agensi penarafan untuk memaklumkan pelabur mengenai kemungkinan perubahan dalam penarafan jangka panjang dan jangka pendek yang sedia ada yang diberikan oleh mereka. Pemerhatian penilaian memberi tumpuan kepada kejadian yang dikenal pasti dan aliran arah jangkamasa pendek (contohnya penggabungan, pengambilalihan, perubahan peraturan, perkembangan operasi) yang boleh mengubah kualiti kredit asas nilai terbitan. Pemerhatian penilaian “negatif” mencerminkan kemungkinan kedudukan diturunkan. Mekanisme ini berfungsi sebagai salah satu langkah awal dalam menangani potensi penurunan dan atau keingkaranaan bon. Ini akan meningkatkan keterlihatan dan menggalakkan pengurusan risiko yang lebih baik dalam portfolio SHP.

Selain daripada menguruskan risiko *counterparty* oleh kelas aset, KWAP juga melaksanakan pemantauan ke atas pendedahan kumpulan pelaburan merentasi semua aset kelas; pendapatan tetap, ekuiti, pinjaman dan ekuiti persendirian. Di sinilah kami memantau pendedahan KWAP dalam mana-mana kumpulan *counterparty* yang mengurus kemungkinan penularan atau risiko bersilang ingkar.

PENDEDAHAN PELABURAN KUMPULAN KWAP MERENTASI SEKTOR PADA 31 DISEMBER 2012



PENGURUSAN RISIKO

Selain daripada had yang diberikan, terdapat beberapa had risiko kredit yang telah dilaksanakan di KWAP dalam menguruskan pendedahan kredit KWAP seperti yang ditunjukkan di bawah.



PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam industri kewangan telah mendapat keutamaan dalam tahun-tahun kebelakangan ini disebabkan oleh sifat dan saiz kerugian kewangan dan kehilangan reputasi yang timbul daripada ketidakpatuhan. Pematuhan bertindak sebagai fungsi tersendiri yang mengenal pasti, menilai, menasihat, memerhati dan melapor risiko pematuhan, iaitu risiko sekatan perundungan dan peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi yang dialami oleh organisasi yang mengakibatkan kegagalan untuk mematuhi semua undang-undang berkaitan, peraturan, kod kelakuan dan piawaian atau amalan yang baik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk mengekalkan reputasi KWAP supaya kedudukan dan daya saing bukan sahaja dapat dikekalkan, tetapi juga dipertingkatkan lagi. Bagi mencapai objektif ini, misi asas KWAP adalah untuk menilai keberkesaan dan mengurus risiko pematuhan organisasi supaya dapat memenuhi keperluan semua pihak yang berkepentingan. Risiko Pematuhan dalam KWAP ditakrifkan sebagai risiko kemerosotan kepada model perniagaan organisasi, reputasi dan keadaan kewangan daripada kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan, dasar-dasar dalaman dan keperluan pihak berkepentingan. Rangka Kerja Pematuhan yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 menjadi asas kepada aspirasi ini; dimana fungsi pematuhan telah dibentuk. Dalam menguruskan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan telah menerima pakai Model Pertahanan Tiga Baris dalam menguruskan risiko pematuhan KWAP.

Model pertahanan tiga baris ini diguna pakai oleh KWAP untuk rangka kerja kawalan dalaman dalam konteks pengurusan risiko, tadbir urus korporat dan pengawasan risiko. Secara asas fungsinya, pengurusan atasan dan barisan hadapan membentuk barisan pertahanan pertama terhadap risiko pematuhan. Mereka bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan dilaksanakan dalam tempoh yang diluluskan oleh dasar. Selain daripada itu, pegawai perhubungan pematuhan telah dilantik di setiap jabatan untuk bertindak sebagai tempat rujukan sekiranya ada isu ketidakpatuhan dan memastikan bahawa jabatan mereka sentiasa dimaklumkan apabila adanya pelaksanaan dasar dan garis panduan baharu.

Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan merupakan barisan kedua pertahanan. Fungsi pematuhan mempunyai peranan yang penting dalam struktur kawalan mereka. Pasukan pematuhan mencari keseimbangan dengan teliti antara pemikiran berbeza dan pendekatan yang diperlukan oleh "penasihat boleh dipercayai" yang proaktif dan "pemandu bebas" yang lebih reaktif. Peranan penasihat yang dipercayai lebih tertumpu ke arah langkah-langkah pencegahan. Ini termasuk membantu perniagaan untuk menjaga keperluan pengawalseliaan, meneliti dan menilai potensi risiko pematuhan dan memastikan bahawa perniagaan dapat melaksanakan kewajipannya setiap hari.

Barisan pertahanan ketiga ialah audit dalaman yang menjalankan peninjauan bebas dan kerap untuk kawalan dalaman organisasi secara keseluruhan, dan risiko dan pematuhan kepada keperluan pengawalseliaan. Dalam erti kata lain, ia memastikan keberkesaan tiga barisan pertahanan.

Skop Pematuhan

a) Pematuhan Peraturan

Ini meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan luaran dimana KWAP terikat untuk mematuhi Akta Parlimen berkenaan, ketetapan Menteri Kewangan dan garis panduan yang berkaitan dengan badan-badan pengawalseliaan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Pemilikan pengawalseliaan tertakluk kepada unit operasi yang berkaitan sama ada di peringkat urus niaga atau operasi, di mana apa-apa pelanggaran yang berpotensi hendaklah dikenal pasti terlebih dahulu sebelum kejadian. Pendekatan proaktif yang telah diterima pakai sebagai pengawalseliaan ketidakpatuhan bukanlah satu pilihan.


b) Pematuhan Dalaman

Ini meliputi pematuhan kepada dasar-dasar dan garis panduan dalaman, sebagai contoh, Dasar dan Garis Panduan Pelaburan Had Kuasa Budi Bicara dan Prosedur Operasi Piawai (SOP). Pendekatan jabatan dalam memastikan pematuhan dalaman dikekalkan melalui kawalan had risiko dalam sistem pelaburan dan kawalan proses operasi yang diterima pakai dalam SOP.

PENGURUSAN RISIKO

Proses Pematuhan

Aktiviti Pematuhan adalah berkait rapat dengan perkembangan pematuhan pada peringkat global, keperluan undang-undang yang sedia ada serta polisi dan prosedur KWAP. Carta berikut menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam menguruskan risiko pematuhan.



Peralatan Pematuhan

a) Perakuan / Senarai Semak Pematuhan sendiri
Senarai Semak Pematuhan Sendiri berfungsi sebagai alat untuk mengukur tahap pematuhan dalam organisasi. Ia telah berjaya dilaksanakan kepada semua jabatan di KWAP sebagai pengakusaksian berkala. Bagi tahun ini, pengakusaksian itu telah dikeluarkan dengan asas lebih kukuh di mana pemeriksaan contoh telah dijalankan melalui pengakusaksian meliputi lapan jabatan. Senarai Semak Pematuhan Sendiri termasuk pematuhan peraturan dan dasar dan prosedur dalaman. Peralatan ini boleh juga berfungsi sebagai kesedaran pematuhan.

b) Analisis Jurang
Latihan berkala jabatan dalam mengenal pasti pematuhan keperluan dan pihak-pihak bertanggungjawab memastikan bahawa semua keperluan pematuhan dipenuhi. Ia membantu dalam menerapkan budaya pematuhan di KWAP.

c) Pematuhan Laporan
Kemuncak pematuhan ialah pengurusan KWAP, ianya memantau dan menyediakan arahan untuk pematuhan dalam KWAP. Laporan berkala pematuhan akan dibentangkan oleh Jabatan Risiko dan Pematuhan kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Panel Pelaburan. Ini membolehkan pengawasan yang berkesan terhadap aktiviti pematuhan KWAP dimana hala tuju pengurusan bagi pengurusan risiko yang sesuai dan tindakan mitigasi yang diberikan.

PENYATA TADBIR URUS

LEMBAGA

Lembaga KWAP mengakui kepentingan prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat dalam mengendalikan hal ehwal KWAP. Integriti, ketelusan dan profesionalisme merupakan komponen utama yang menyumbang kepada kemajuan organisasi berterusan dan kejayaan dalam mencapai rangka kerja tadbir urus yang optimum, memaksimumkan nilai pihak berkepentingan dan memastikan kelancaran perniagaan.

KWAP mengiktiraf kepentingan tanggungjawab yang dipikul oleh ahli-ahli Lembaga, ahli Panel Pelaburan dan Pihak Pengurusan untuk merangka dan mengenalpasti hala tuju dan operasi KWAP. KWAP dikemudi dan diurus oleh ahli-ahli Lembaga yang berpengalaman dan berkemahiran dengan pelbagai latar belakang dari Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia dan wakil pencarum yang penting bagi keseluruhan pencapaian strategik KWAP.

Walaupun KWAP tidak perlu mematuhi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Lembaga secara berterusan memastikan bahawa piawaian tertinggi tadbir urus korporat diamalkan untuk melindungi dan meningkatkan nilai pihak berkepentingan. Sepanjang tahun kewangan ini, Piagam Lembaga telah disemak semula selaras dengan komitmen KWAP ke arah merealisasikan amalan tadbir urus korporat terbaik.

Antara semakan yang dibuat adalah kesemua Ahli-ahli Lembaga / Panel Pelaburan dikehendaki untuk mendedahkan pegangan saham peribadi mereka atau mana-mana konflik kepentingan yang timbul dari kedudukan mereka sebagai ahli Lembaga / Pelaburan Panel anggota KWAP pada setiap tahun dan bukan lagi secara sukarela seperti yang dinyatakan di dalam Akta KWAP 2007. Kekerapan mesyuarat juga telah dinaikkan untuk memastikan bahawa Lembaga / Panel Pelaburan boleh bermesyuarat secara tetap untuk menjalankan tanggungjawab mereka.

Komposisi Lembaga

Lembaga dianggotai oleh ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) seorang Pengerusi yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli *ex-officio*;
- (v) tiga (3) orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) tiga (3) orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) seorang wakil pencarum yang menyumbang kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

Tugas utama Pengerusi adalah untuk memastikan keberkesanan dan perjalanan Lembaga. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan polisi serta keputusan oleh Lembaga dan Panel Pelaburan selaras dengan Akta. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh Pihak Pengurusan dalam menguruskan pentadbiran harian KWAP dan kawalan pentadbiran warga kerja.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga dibentangkan pada halaman 93 hingga 97 Laporan Tahunan ini.

PENYATA TADBIR URUS

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga

Lembaga ditubuhkan untuk mentadbir dan mengurus KWAP dengan kaedah yang akan meningkatkan kepentingan setiap pencarum dan pihak berkepentingan. Fungsi Lembaga adalah untuk merangka polis dan prosedur pentadbiran dan pengurusan untuk memastikan bahawa KWAP mencapai objektifnya dengan berjaya dan cemerlang.

Lembaga melaksana beberapa tugas khusus seperti mengawal selia perjalanan operasi, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko berkaitan dan juga mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang diperincikan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

AMALAN-AMALAN TADBIR URUS KORPORAT: TANGGUNGJAWAB UTAMA LEMBAGA

Lembaga menggalas enam tugas khusus bagi memudahkan pelaksanaan tanggungjawab Lembaga seperti berikut:

- Mengkaji dan melaksana pelan strategik organisasi;
- Mengawal selia pentadbiran perniagaan organisasi untuk menilai sama ada perniagaan diuruskan dengan baik;
- Mengenalpasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko tersebut;
- Pelan penggantian, termasuk melantik, melatih, menetapkan kadar imbuhan dan dimana sesuai, menukar pengurusan atasan;
- Membangun dan melaksana program hubungan pelabur atau polisi komunikasi pihak berkepentingan untuk organisasi;
- Mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman organisasi dan sistem pengurusan maklumat, termasuk sistem pematuhan yang diterima pakai oleh undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan.

Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga ditetapkan pada awal setiap tahun, manakala Mesyuarat Lembaga Khas akan diadakan sekiranya perlu untuk membincangkan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera.

Ahli-ahli Lembaga akan disediakan dengan agenda dan kertas mesyuarat yang mengandungi maklumat yang relevan kepada perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat untuk penelitian mereka.

Pada setiap mesyuarat, setiausaha mesyuarat akan memastikan bahawa kuorum lengkap akan hadir pada permulaan setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa supaya dapat membentuk mesyuarat yang sah.

Sepanjang tahun kewangan 2012, sebelas (11) mesyuarat Lembaga telah diadakan.

PENYATA TADBIR URUS

Ringkasan kehadiran Ahli Lembaga adalah seperti berikut:

NO	NAMA	KEDATANGAN
1.	Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah (Pengerusi) (* dilantik pada 24 Ogos 2012)	*7/11
2.	Tan Sri Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Abdullah (Pengerusi) (* bersara pada 23 Ogos 2012)	*7/7
3.	Datuk Idrus bin Harun	11/11
4.	Dato' Yeow Chin Kiong	11/11
5.	Dato' Mat Noor bin Nawi (* dilantik pada 1 Disember 2012)	*0/1
6.	Dato' Siow Kim Lun	10/11
7.	Dato' Muhammad bin Ibrahim	7/11
8.	Dato' Seri Ahmad Johan bin Mohammad Raslan (bersara pada 30 Jun 2012)	*3/6
9.	Encik Cheah Teik Seng	8/11
10.	Dato' Azmi bin Abdullah (* dilantik pada 8 Ogos 2012)	4/4
11.	Dato' Haji Omar bin Haji Osman	9/11
12.	Dato' Azian Mohd Noh	11/11

NO	BIDANG TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN AKAUNTABILITI SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA	TUGAS/ AKTIVITI LEMBAGA BAGI TAHUN 2012
1	Mewujudkan prosedur berkenaan dengan hal-hal kewangan dan perakaunan, termasuk penyimpanan, penutupan dan pengauditan akaun KWAP dan membangunkan prosedur perakaunan dan kewangan tersendiri;	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Penerimaan Penilaian Kesediaan Piawaian Laporan Kewangan (MFRS) Malaysia untuk KWAP. • Meluluskan Prosedur Kewangan yang telah dikajisemula. • Meluluskan Bajet Perbelanjaan KWAP untuk Tahun Kewangan 2013.
2	Menetapkan tanggungjawab warga kerja KWAP termasuk perkara-perkara berkenaan saraan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti warga kerjanya;	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Semakan Struktur Gaji dan Kajian Faedah warga kerja KWAP.
3	Menubuhkan pihak berkuasa tatatertib yang sesuai untuk kelakuan dan disiplin warga kerja KWAP;	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada prosedur baharu telah diluluskan pada tahun 2012. KWAP kini menggunakan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan kelakuan dan disiplin warga kerja.
4	Menubuhkan jawatankuasa dan prosedur untuk jawatankuasa tersebut;	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Jawatankuasa Pemandu IT melalui penggunaan Rangka Kerja Pengurusan IT.

PENYATA TADBIR URUS

NO BIDANG TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN AKAUNTABILITI SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA	TUGAS/ AKTIVITI LEMBAGA BAGI TAHUN 2012
<p>5 Mengawal selia prosedur dalaman termasuk tatacara prosedur berkaitan operasi;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Rancangan Perniagaan KWAP dan Kad Skor Korporat untuk 2013. • Meluluskan Sasaran Pendapatan dan Strategi Pelaburan KWAP bagi 2013. • Meluluskan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan yang telah dikaji semula. • Meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan. • Meluluskan Rangka Kerja Pengurusan IT. • Meluluskan Had Kuasa Budi Bicara yang dikaji semula. • Meluluskan Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko. • Meluluskan Had Peminjam Tunggal dan Had Portfolio Pinjaman. • Meluluskan Penghapusan Had <i>tracking error</i> rendah bagi Sekuriti Hutang Persendirian luaran domestik. • Meluluskan Had Baharu untuk Tempoh Berubah bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Quasi Kerajaan; dan Portfolio Sekuriti Hutang Persendirian dalaman domestik. • Meluluskan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan untuk Ketidakpatuhan Pasif . • Meluluskan Semakan Piagam Lembaga.
<p>6 Menetapkan cara dimana apa-apa dokumen, cek dan instrumen perlu ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak KWAP;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada prosedur baharu telah diluluskan pada tahun 2012.
<p>7. Menyediakan peruntukan bagi semua perkara berkenaan untuk ditetapkan atau perlu atau wajar untuk memberi kesan kepada dan untuk digunakan bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan Pengurus Dana Pendapatan Tetap Antarabangsa dan Domestik Pengurus Dana Luaran Ekuiti, Panel Broker saham serta Pelantikan Firma Perakaunan, Ejen Cukai, Juruaudit dan Penilai Pelaburan Hartanah KWAP di Australia dan UK.

PENYATA TADBIR URUS

PANEL PELABURAN

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) juga memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan untuk menentukan hala tuju strategik untuk perkara berhubung pelaburan.

Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan:-

- (i) seorang Pengerusi yang merupakan Pengerusi Lembaga;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang merupakan setiausaha;
- (v) tiga (3) orang lain daripada sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan.

Profil ringkas setiap ahli Panel Pelaburan dibentangkan pada halaman 98 hingga 100 dalam Laporan Tahunan ini.

Tugas Utama dan Tanggungjawab Panel Pelaburan

Panel Pelaburan secara amnya bertanggungjawab untuk meluluskan antara lain hala tuju strategik KWAP bagi semua perkara berkaitan dengan pelaburan KWAP, dasar pelaburan dan garis panduan, alokasi aset dan cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktivitinya kepada Lembaga dan hendaklah bertindak mengikut dasar am yang boleh dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Sepanjang tahun kewangan 2012, dua belas (12) Mesyuarat Panel Pelaburan dan empat (4) Mesyuarat Khas Panel Pelaburan telah diadakan. Ringkasan kehadiran Pelaburan Ahli Panel dinyatakan di bawah:

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan:

NO	NAMA	KEDATANGAN
1.	Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah (Pengerusi) (* dilantik pada 24 Ogos 2012)	*4/4
2.	Tan Sri Dr. Wan Abd Aziz bin Wan Abdullah (Pengerusi) (* bersara pada 23 Ogos 2012)	*11/12
3.	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim	14/16
4.	Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar	7/16
5.	Datuk Nozirah binti Bahari	14/16
6.	Encik Cheah Tek Kuang	11/16
7.	Cik Che Zakiah binti Che Din	11/16
8.	Dato' Azian Mohd Noh (Setiausaha)	16/16

PENYATA TADBIR URUS

Ringkasan Aktiviti Panel Pelaburan:

Dalam keadaan di mana terdapat keputusan serta-merta diperlukan, dan Setiausaha tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh dicapai melalui pekeliling kepada semua ahli Panel Pelaburan. Keputusan melalui pekeliling akan dilaporkan semasa mesyuarat panel seterusnya untuk pengesahan.

Bagi tahun 2012, Panel Pelaburan mempertimbang dan membincangkan 100 cadangan dimana 95 cadangan telah diluluskan termasuk kelulusan melalui pekeliling.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Bagi membantu Lembaga dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Imbuhan dan Jawatankuasa Lembaga Perolehan. Semua Jawatankuasa Lembaga mempunyai terma rujukan bertulis yang dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa ia adalah relevan dan terkini.

Aktiviti terperinci Jawatankuasa Lembaga sepanjang tahun adalah seperti di bawah.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan perlaksanaan sistem kawalan dalaman di KWAP.

Keahlian

Pada masa ini, Jawatankuasa Audit terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga (3) ahli-ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga Pengarah:

- (i) Encik Cheah Teik Seng - Pengerusi
- (ii) Datuk Idrus bin Harun
- (iii) Dato' Siow Kim Lun
- (iv) Dato' Azmi bin Abdullah

Dato' Azmi bin Abdullah adalah seorang ahli Malaysian Institute of Accountant Malaysia (MIA).

Lima (5) mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan sepanjang tahun 2012.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit:

- (i) Untuk mencadangkan dan mengkaji peraturan-peraturan kewangan, peraturan perakaunan, dasar dan amalan;
- (ii) Untuk mengkaji dan membincangkan asas dan bidang audit dalaman dan luaran dan memastikan pendekatan selaras antara juruaudit dalaman dan luaran;
- (iii) Untuk mengkaji pernyata kewangan KWAP dengan pengurusan dan juruaudit sebelum ia diluluskan oleh Lembaga;
- (iv) Untuk membincangkan masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan audit akhir dan sebarang perkara yang juruaudit ingin bincangkan (bila diperlukan semasa ketidaaan pihak pengurusan);
- (v) Untuk mengkaji pemerhatian audit oleh juruaudit luaran dan tindakan susulan pengurusan;
- (vi) Untuk mempertimbangkan penemuan utama siasatan dalaman dan tindak balas pengurusan;
- (vii) Untuk mengarahkan sebarang siasatan khas dijalankan oleh juruaudit dalaman dan mengkaji penemuan juruaudit dalaman;
- (viii) Untuk mempertimbangkan sebarang urusniaga pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam KWAP;
- (ix) Untuk menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan pematuhan dengan dasar risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan peraturan;
- (x) Untuk mengkaji perubahan Prosedur Kewangan;
- (xi) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Juruaudit luar KWAP adalah Ketua Audit Negara Malaysia sebagaimana yang ditentukan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Audit:

NO	NAMA	KEDATANGAN
1.	Encik Cheah Teik Seng – Pengerusi	5/5
2.	Datuk Idrus bin Harun	5/5
3.	Dato' Siow Kim Lun	5/5
4.	Dato' Azmi bin Abdullah (* dilantik pada 20 September 2012)	*0/1
5.	Dato' Seri Ahmad Johan bin Mohammad Raslan (* bersara pada 30 Jun 2012)	*2/3

PENYATA TADBIR URUS

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit:

Antara isu-isu utama / cadangan yang dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit adalah:

- (i) Penyata Kewangan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011.
- (ii) Cadangan pelan Audit Dalaman bagi Tahun Kewangan 2013 oleh Tetuan KPMG untuk KWAP.
- (iii) Cadangan Piagam Audit Dalaman KWAP.
- (iv) Cadangan Manual Audit Dalaman KWAP dan Kajian Audit Dalaman beberapa jabatan di KWAP.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan pengurusan risiko.

Keahlian

Pada masa ini, Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga dan seorang (1) ahli Panel Pelaburan, iaitu seorang Pengerusi dan empat (4) ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga seperti berikut:

- (i) Dato' Muhammad bin Ibrahim - Pengerusi
- (ii) Dato' Siow Kim Lun
- (iii) Dato' Mohammed Azlan bin Hashim
- (iv) Encik Cheah Teik Seng
- (v) Dato' Azian Mohd Noh

Empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun 2012.

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

NO	NAMA	KEDATANGAN
1.	Dato' Muhammad bin Ibrahim - Pengerusi	4/4
2.	Dato' Siow Kim Lun	3/4
3.	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim	3/4
4.	Encik Cheah Teik Seng	4/4
5.	Dato' Azian Mohd Noh	4/4

PENYATA TADBIR URUS

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

Antara isu utama yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

- Cadangan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Cadangan Polisi Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Cadangan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran
- Cadangan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit
- Cadangan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi
- Cadangan Garis Panduan Pengurusan Risiko Pasaran
- Cadangan Garis Panduan Pengurusan Risiko Kredit
- Cadangan Perubahan Proses Pematuhan dalam Rangka Kerja Pematuhan
- Profil Risiko Korporat
- Laporan Prestasi Dana dan Risiko Pasaran Dana
- Polisi Had *Counterparty*
- Cadangan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik
- Pendedahan Pelaburan Kumpulan
- Laporan Pematuhan
- Laporan Kejadian Risiko Operasi
- Laporan Pelaksanaan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

JAWATANKUASA IMBUHAN

Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi dengan tanggungjawab utamanya untuk mengadakan dasar rangka kerja yang berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan pengurusan dan warga kerja KWAP serta mencadangkan kepada Lembaga imbuhan berkaitan prestasi pekerja berkenaan.

Keahlian

Pada masa ini, Jawatankuasa Imbuhan terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga dan dua (2) orang ahli Panel Pelaburan, iaitu seorang Pengerusi dan lima (5) ahli-ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Datuk Idrus Harun - Pengerusi
- (ii) Dato' Siow Kim Lun
- (iii) Dato' Mohammed Azlan bin Hashim
- (iv) Dato' Haji Omar bin Haji Osman
- (v) Encik Cheah Tek Kuang
- (vi) Dato' Azian Mohd Noh

Dua (2) mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan dan satu (1) Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan Khas telah diadakan sepanjang tahun 2012.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Imbuhan

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Imbuhan:

- (i) Untuk mencadangkan keperluan minimum kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kemahiran utama kakitangan yang lain;
- (ii) Untuk mencadangkan dan mengkaji terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan kakitangan;
- (iii) Untuk mencadangkan dan mengkaji kod kelakuan dan tatatertib kakitangan;
- (iv) Untuk mencadangkan mekanisme bagi penilaian formal atas keberkesanan kakitangan;
- (v) Untuk mencadangkan kenaikan pangkat / gred pegawai dan kakitangan;
- (vi) Untuk mencadangkan rangka kerja dasar yang relevan dalam menentukan imbuhan (kewangan dan bukan kewangan) pegawai dan kakitangan;
- (vii) Untuk mencadangkan struktur / prinsip perkhidmatan perjanjian bagi pegawai dan kakitangan termasuk faedah persaraan / penamatian perkhimatian;
- (viii) Untuk membuat penilaian tahunan dan mencadangkan polisi imbuhan keseluruhan kakitangan pengurusan utama untuk memastikan bahawa ganjaran setimpal dengan sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keuntungan KWAP;
- (ix) Untuk membuat penilaian tahunan prestasi pengurusan dan mencadangkan kepada Lembaga pelarasannya khusus dalam imbuhan dan / ganjaran pembayaran atau jika ada, mencerminkan sumbangan mereka bagi tahun itu; dan
- (x) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan

NO	NAMA	KEDATANGAN
1.	Datuk Idrus bin Harun - Pengerusi	3/3
2.	Dato' Siew Kim Lun	3/3
3.	Dato' Mohammed Azlan bin Hashim	3/3
4.	Dato' Haji Omar bin Haji Osman	2/3
5.	Encik Cheah Tek Kuang (* dilantik pada 3 Disember 2012)	*1/1
6	Dato' Seri Ahmad Johan bin Mohammad Raslan (* bersara pada 30 Jun 2012)	*0/1
7.	Dato' Azian Mohd Noh	3/3

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Imbuhan:

Antara cadangan yang dibincangkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Imbuhan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

- (i) Pembayaran Bonus 2011 dan Kenaikan Gaji Tahunan 2012;
- (ii) Semakan Struktur Gaji dan Penilaian Manfaat untuk warga kerja KWAP.

LEMBAGA PEROLEHAN

Lembaga Perolehan telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi berkaitan dengan penilaian cadangan perolehan.

Keahlian

Pada masa ini, Lembaga Perolehan terdiri daripada empat (4) orang ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga (3) ahli-ahli lain yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah - Pengerusi
- (ii) Datuk Idrus bin Harun
- (iii) Dato' Yeow Chin Kiong
- (iv) Dato' Azian Mohd Noh

Tiada mesyuarat Tender Lembaga bagi tahun 2012.

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan

Berikut adalah antara tugas dan tanggungjawab Lembaga Perolehan:

- (i) Untuk menilai pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (jika perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;

- (ii) Untuk memastikan bahawa proses perolehan mematuhi semua polisi dan prosedur perolehan;
- (iii) Untuk mengkaji keupayaan teknikal dan kewangan petender. Semasa penilaian tender, cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu diikuti oleh cadangan kewangan;
- (iv) Untuk mempertimbangkan dan mencadangkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP, mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk dan barang dan / atau perkhidmatan, penghantaran atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;
- (v) Untuk memutuskan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, jika Lembaga Perolehan mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyaki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender;
- (vi) Untuk mempertimbangkan dan menerima tender yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa oleh sekurang-kurangnya majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan;
- (vii) Untuk mempertimbangkan dan menerima sebarang sebutharga yang diperakui oleh Jawatankuasa Sebutharga yang melebihi had sebutharga;
- (viii) Untuk mempertimbangkan isu-isu perolehan lain sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga.

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun, dan pada tempoh tamatnya, mereka layak untuk dilantik semula. Imbuhan Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2012, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan menerima imbuhan masing-masing sebanyak RM343,934.00 dan RM353,800.00.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga secara keseluruhannya bertanggungjawab untuk mengkaji dan mengekalkan sistem amalan pengurusan kawalan dalaman sewajarnya dan amalan pengurusan risiko untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik. Kedua-dua elemen direka untuk mengurus dan mengurangkan risiko dalam tahap risiko bertoleransi yang diterima disamping mematuhi dasar, objektif dan mandat berkanun KWAP.

Lembaga turut mengiktiraf kewujudan proses berterusan untuk menilai keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman melalui pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko yang dihadapi oleh KWAP. Memandangkan batasan yang wujud dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem ini direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan dalam pencapaian matlamat dan objektif KWAP, dan oleh itu hanya menyediakan jaminan yang munasabah tetapi tidak mutlak terhadap salah nyata ketara salah urus atau kerugian.

Sistem kawalan dalaman dinilai dan dikemaskini dari masa ke semasa, selaras dengan perubahan dinamik dalam persekitaran perniagaan atau profil risiko yang dihadapi oleh KWAP. Lembaga telah mengakui bahawa Pihak Pengurusan bertanggungjawab melaksanakan polisi Lembaga, prosedur dan proses risiko dan kawalan.

Proses Kawalan Dalam Utama

Proses Kawalan Dalam Utama yang diwujudkan untuk mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman adalah seperti berikut:

- **Jawatankuasa Audit**

Ia adalah sebuah jawatankuasa di peringkat Lembaga yang ditugaskan untuk memastikan penggubalan, kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, menyediakan pengawasan penyata kewangan KWAP serta pelaksanaan tanggungjawab pengurusan.

Semua penemuan penting yang dibangkitkan oleh juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan pihak ketiga yang dilantik dalam kajian khas dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit untuk kajian dan perbincangan. Jawatankuasa Audit sentiasa mengkaji dan memastikan pelaksanaan Pelan tindakan pengurusan untuk menangani penemuan yang dibangkitkan.

- **Jawatankuasa Risiko**

Lembaga Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi pengurusan risiko serta penggubalan dan pelaksanaan strategi pengurusan risiko dan dasar. Dasar-dasar dan garis panduan ini menjadi asas bagi aktiviti-aktiviti pengurusan risiko di dalam KWAP. Antara tanggungjawab utama adalah untuk menilai dan meluluskan cadangan mengenai dasar risiko pengurusan dan prosedur dan menentukan keinginan risiko, toleransi dan parameter kepada Lembaga untuk diterima pakai.

Pada peringkat Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perniagaan ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam membincangkan strategi pengurusan risiko, dasar dan garis panduan sebelum kelulusan. Antara fungsinya adalah untuk mengkaji dan menilai pendedahan risiko KWAP dan membuat keputusan yang bersesuaian dalam kawalan pengurangan risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga bertanggungjawab untuk memastikan ketersediaan infrastruktur, sumber dan sistem bagi pengurusan risiko yang berkesan.

- **Jawatankuasa Eksekutif**

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan penilaian serta komunikasi yang berkesan ke seluruh KWAP mengenai operasi utama dan keputusan pihak pengurusan.

- **Rangka Kerja Pengurusan Teknologi Maklumat**

Rangka Kerja Pengurusan Teknologi Maklumat (IT) baharu, yang diluluskan oleh Lembaga telah ditubuhkan untuk memberikan pihak berkepentingan jaminan bahawa perniagaan KWAP dapat memanfaatkan IT untuk menyampaikan faedah optimum, kawalan dilaksanakan ke atas maklumat dan sumber IT, risiko berkaitan IT dan pengurusan Pematuhan.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Rangka kerja ini merangkumi antara lain, tanggungjawab operasi IT utama berikut:

1. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu IT (ITSC) yang bertanggungjawab untuk memastikan tahap kecekapan yang tinggi dan berkesan dalam proses membuat keputusan tadbir urus IT seperti dalam Penajaran Strategik, Nilai Penghantaran, Pengurusan Sumber, Pengurusan Risiko dan Pengurusan Prestasi. Dalam tahun kewangan 2012, empat (4) Mesyuarat ITSC telah diadakan;
2. Rangka Kerja Pengurusan Risiko IT KWAP yang menyediakan Pengurusan untuk menilai, mengurus atau mengurangkan dan memantau risiko IT, menyediakan satu mekanisme untuk menampung pengumpulan isu risiko IT dan kaedah resolusi serta mentakrifkan struktur pelaporan untuk memastikan komunikasi maklumat yang berkenaan kepada pihak berkepentingan, pihak pengurusan dan warga kerja yang terlibat dalam aktiviti pengurusan risiko IT;
3. Rangka Kerja Pengurusan Projek & Pembekal IT telah menyediakan rangka kerja bagi Pengurusan untuk memulakan, merancang, melaksanakan, mengawal dan penutupan projek IT serta mekanisme untuk memantau dan mengurus pembekal IT KWAP.

- **Polisi dan Prosedur Dalaman**

Polisi, prosedur dan proses yang direkodkan dalam manual operasi dan garis panduan disemak secara berkala. Dokumen ini diguna untuk menentukan kepatuhan terhadap sistem kawalan dalaman.

- **Sumber Manusia**

Garis panduan yang baik bagi perekrutan dan penamatan warga kerja, mengelakkan konflik kepentingan, pengisytiharan harta dan liabiliti, penilaian prestasi setengah tahunan dan tahunan serta program latihan dirangka bagi menjamin kecekapan, keupayaan dan prestasi warga kerja untuk melaksanakan tanggungjawab secara profesional.

- **Penilaian Prestasi**

Pelan perniagaan tahunan dan bajet tahunan KWAP disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga untuk semakan dan kelulusan. Di samping itu, prestasi sebenar KWAP dibandingkan dengan pelan perniagaan dan bajet yang diluluskan oleh Lembaga pada setiap bulan di mana perbezaan yang ketara, jika ada, akan dijelaskan oleh Pihak Pengurusan kepada Lembaga.

- **Audit Dalaman**

Tetuan KPMG telah dilantik oleh Lembaga untuk menjalankan fungsi audit dalaman KWAP bagi tahun kewangan 2012 berikutnya cadangan oleh pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Audit. Sebagai juruaudit dalaman yang dilantik, Tetuan KPMG melapor terus kepada Jawatankuasa Audit selaras dengan Pelan Audit Dalaman yang diluluskan dan terma dan syarat perlantikan audit. Pendekatan audit adalah bebas untuk menilai sistem kawalan dalaman ke atas bidang yang terpilih, kecukupan dan integriti seperti sistem kawalan dalaman berkaitan objektif yang disampaikan, dan untuk membuat cadangan yang sesuai mengenainya. Bagi tahun kewangan 2012, Tetuan KPMG telah memenuhi Pelan Audit Dalaman dengan melengkapkan semua enam projek audit iaitu Teknologi Maklumat (IT), Jabatan Caruman, Jabatan Akaun dan Perkhidmatan Pengurusan, dan Jabatan-jabatan Pelaburan iaitu Ekuuiti, Pendapatan Tetap dan Pelaburan Alternatif.

Hasil daripada lawatan kerja dan audit yang dijalankan telah dimasukkan ke dalam laporan audit yang memaparkan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman dan risiko penting serta tindak balas dan tindakan pemulihan pihak Pengurusan berhubung dengan isu-isu audit, penemuan dan perhatian.

Walaupun Tetuan KPMG adalah juruaudit dalaman yang dilantik, pada Mei 2012 KWAP telah merealisasi salah satu inisiatif utama dalam program transformasinya, iaitu untuk menubuhkan Jabatan Audit Dalaman sendiri. Pada separuh kedua tahun kewangan 2012, Jabatan Audit Dalaman yang baharu ditubuhkan telah menghabiskan tempoh tersebut untuk mewujudkan dan menilai antara lain, perkara-perkara berikut:

- a) Menakrif dan memformalkan Piagam Audit Dalaman KWAP, yang telah dinilai dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit;
- b) Menubuhkan dan memformalkan Manual Audit Dalaman, Metodologi Penilaian Risiko Audit dan Audit Pendapat / Penggredan rangka kerja yang telah dinilai dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit;
- c) Menjalankan pendekatan audit berdasarkan risiko dengan mengenal pasti, menilai dan mengutamakan risiko dalam mengeluarkan Rancangan Audit Dalaman;
- d) Sentiasa melibatkan dan memahami perniagaan / fungsi sokongan unit untuk membolehkan Juruaudit Dalaman melaksanakan audit yang lebih berkesan;
- e) Penggubalan Program Kerja Audit, Soal Selidik Kawalan Dalaman dan pengumpulan maklumat organisasi yang terlibat dalam audit.

Seksyen VI

KEPIMPINAN KAMI

093 Lembaga: Ahli dan Profil

098 Panel Pelaburan: Ahli dan Profil

101 Jawatankuasa Lembaga: Ahli dan Profil

103 Carta Organisasi

104 Jawatankuasa Eksekutif: Ahli dan Profil

104 Jawatankuasa Pelaburan dan

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh: Ahli dan Profil

105 Kakitangan Utama



LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

DATO' SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Pengerusi

(* Dilantik berkuatkuasa 24 Ogos 2012)



Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga dan Panel Pelaburan pada 24 Ogos 2012. Sebelum ini, Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga KWAP sejak 1 Januari 2012.

Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan menjalankan tugas sebagai Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Malaysian Airline System, Petroliam Nasional Berhad, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Perbadanan Pembangunan Multimedia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Negara, Lembaga Tabung Haji, Yayasan Inovasi Malaysia, GovCo Holdings Berhad dan Capital Market Development Fund. Beliau juga merupakan Pengerusi Kumpulan Kerja Pemantapan Dan Pemantauan Projek Perumahan Terbengkalai.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dari Universiti Malaya, Sarjana Sains daripada University of Pennsylvania, Amerika Syarikat, PhD dalam Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.

LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

DATUK IDRUS BIN HARUN

Wakil Kerajaan Persekutuan



Datuk Idrus Bin Harun telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau adalah Peguamcara Negara Malaysia. Beliau kini berkhidmat sebagai ahli Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan sebagai Pengarah Amanah Raya Capital.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) dengan Kepujian dari Universiti Malaya.

DATO' YEOW CHIN KIONG

Wakil Kerajaan Persekutuan



Dato' Yeow Chin Kiong telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 September 2010.

Beliau adalah Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau memegang pelbagai jawatan semenjak menyertai JPA pada tahun 1979 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sejarah dari Universiti Malaya pada tahun 1978.

DATO' MUHAMMAD BIN IBRAHIM

Wakil Bank Negara Malaysia



Dato' Muhammad bin Ibrahim dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau kini merupakan Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau juga merupakan ahli majlis di Institut Jurubank Malaysia dan ahli Jawatankuasa Dasar Kewangan BNM. Beliau adalah seorang pemegang amanah Majlis Kerusi Tun Ismail Ali dan pengarah bebas Petroliam Nasional Berhad.

Beliau juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Irving Fisher mengenai perangkaan bank pusat, yang beroperasi di bawah Bank for International Settlement.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan dari Universiti Malaya dan Sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Harvard University, Amerika Syarikat. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.

LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

DATO' MAT NOOR BIN NAWI

*Wakil Kementerian Kewangan
(Dilantik berkuatkuasa 1 Disember 2012)*



Dato' Mat Noor bin Nawi telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Disember 2012.

Beliau kini adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan (MOF). Beliau adalah Pengerusi Danainfra Nasional Berhad dan ahli Lembaga Pengarah Pengurusan Aset dan Air Berhad, Pelaburan Hartanah Berhad dan Telekom Malaysia Berhad. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan selama lebih 30 tahun.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1981 sebagai Pakar Ekonomi Pertanian di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebelum menyertai Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 1983. Beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah EPU sebelum menyertai MOF.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sumber Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Sains dalam Dasar Ekonomi dari University of Illinois, Urbana-Champaign, Amerika Syarikat.

DATO' SIEW KIM LUN

Wakil Sektor Swasta



Dato' Siew Kim Lun dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Citibank Berhad, UMW Holdings Berhad, WZ Steel Berhad, Eita Resources Berhad, Hong Leong Assurance Berhad dan Mainstreet Adviser Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan ahli Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of Leuven, Belgium dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.

DATO' AZMI BIN ABDULLAH

*Wakil Sektor Swasta
(Dilantik berkuatkuasa 8 Ogos 2012)*



Dato' Azmi bin Abdullah telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 8 Ogos 2012.

Beliau kini merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat Malaysia Berhad. Beliau juga adalah Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ahli Majlis Hospital UKM, Malaysia.

Beliau turut menganggotai lembaga APFT Berhad, Amanah Raya Berhad, Transnational Insurance Brokers Sdn Bhd dan ECS Solution Sdn Bhd.

Dato' Azmi juga adalah ahli Panel Kajian Semula Cukai Kementerian Kewangan dan ahli Jawatankuasa Pelaburan Amanah Raya Berhad. Sebelum menyertai Bank Muamalat, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif Pegawai Pertama SME Bank dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera Commerce Bank Berhad, dimana beliau berkhidmat selama lebih daripada 26 tahun di pelbagai jabatan.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

ENCIK CHEAH TEIK SENG

Wakil Sektor Swasta



Encik Cheah Teik Seng telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Malayan Banking Berhad dan juga kini merupakan pengarah di dalam syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengurus Mayban Ventures Sdn Bhd, Mayban-JAIC Capital Management Sdn Bhd, Mayban Ventures Capital Company Sdn Bhd, Mayban Agro Fund Sdn Bhd, Mayban-JAIC Management Ltd serta Pengarah Maybank Investment Bank Berhad dan Kim Eng Holdings Ltd.

Beliau juga merupakan Pengarah dan rakan kongsi Aktis Capital Singapore Pte Ltd dan menganggotai lembaga pelbagai syarikat swasta ekuiti di Hong Kong, China dan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dua dana lindung nilai.

DATO' HAJI OMAR BIN HAJI OSMAN

Wakil Pencarum



Dato' Haji Omar Bin Haji Osman dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau kini adalah Presiden CUEPACS, Penasihat Kehormat Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia dan Pengerusi Gabungan Presiden / Setiausaha Kehormat Kesatuan Universiti-Universiti Malaysia.

Beliau juga merupakan wakil CUEPACS di dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan Ahli Majlis Kebangsaan bagi Keselamatan dan Kesihatan, Majlis Transformasi Perkhidmatan Awam dan PEMADAM Malaysia.

DATO' AZIAN MOHD NOH

*Ketua Pegawai Eksekutif
Ex-Officio*



Dato' Azian Mohd Noh telah dilantik semula sebagai anggota ex-officio Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau merupakan Pengerusi Lembaga untuk i-VCAP Management Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan pengarah dalam Valuecap Sdn. Bhd. dan Malakoff Corporation Berhad.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dengan penghususan dalam jurusan Perakaunan dari Universiti Malaya dan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.

LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

*Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan,
Pengerusi
(* Bersara berkuatkuasa 23 Ogos 2012)*



Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah bersara sebagai Pengerusi Lembaga dan Panel Pelaburan KWAP berikutan persaraan beliau daripada perkhidmatan kerajaan berkuatkuasa 23 Ogos 2012.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya, Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari University of Sussex, UK dan Doktor Falsafah (Ekonomi Perniagaan) dari University of Leeds, UK. Beliau telah menamatkan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.

DATO' SERI AHMAD JOHAN BIN MOHAMMAD RASLAN

*Wakil Sektor Swasta
(* Bersara berkuatkuasa 30 Jun 2012)*



Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers Malaysia dan bekas Naib Presiden Malaysian Institute of Certified Public Accountants dan Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia.

Beliau juga adalah Fellow Institute of Chartered Accountants di England & Wales. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi dan Perakaunan dari University of Hull, UK.

PANEL PELABURAN: AHLI DAN PROFIL

DATO' SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan,
Pengerusi
(* Dilantik berkuatkuasa 24 Ogos 2012)



Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga dan Panel Pelaburan pada 24 Ogos 2012.

DATUK NOZIRAH BINTI BAHARI

Wakil Kementerian Kewangan



Datuk Nozirah binti Bahari telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010.

Beliau adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kewangan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dalam Pengajian Bandar dari Universiti Sains Malaysia dan telah menghadiri beberapa kursus pengurusan kanan seperti Program Pembangunan Kepimpinan Global yang dianjurkan oleh International Centre of Leadership in Finance (ICLIF) dan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.

DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR

Wakil Sektor Swasta



Dato' Sri Abdul Wahid Omar telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010.

Beliau kini merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank. Beliau kini berkhidmat sebagai Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia, Naib Pengerusi Institut Bank-Bank Malaysia, dan ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji.

Beliau adalah Fellow Persatuan Akauntan Berkanun, UK dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

PANEL PELABURAN: AHLI DAN PROFIL

DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM

Wakil Sektor Swasta



Dato' Mohammed Azlan bin Hashim dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2010.

Beliau merupakan Pengerusi D & O Green Technologies Berhad, SILK Holdings Berhad dan pengarah IHH Healthcare dan Scomi Group Berhad. Beliau turut merupakan ahli Lembaga Pengarah dalam pelbagai organisasi kerajaan dan pertubuhan berkaitan bukan kerajaan termasuk Khazanah Nasional Berhad dan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Panel Pelaburan KWSP.

Dato' Azlan memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Monash University, Australia dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah (Australia). Beliau adalah seorang Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia, Ahli Malaysian Institute of Accountants, Fellow Institut Pengarah Malaysia, Fellow Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators dan Ahli Kehormat Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

ENCIK CHEAH TEK KUANG

Wakil Sektor Swasta



Encik Cheah Tek Kuang dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010.

Beliau kini merupakan Timbalan Pengerusi AmBank (M) Berhad dan Amlnvestment Bank Berhad. Jawatan pengarah lain yang dipegang beliau termasuk di Bursa Malaysia Berhad, Cagamas Holdings Berhad, Berjaya Sports Toto Berhad dan IOI Corporation Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Berjaya Sports Toto Berhad dan Pengerusi Silih Ganti Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya.

CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN

Wakil Bank Negara Malaysia



Cik Che Zakiah Binti Che Din telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010.

Beliau kini merupakan Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Bank Negara Malaysia. Sebelum ini, beliau adalah Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Peraturan Institusi Kewangan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

PANEL PELABURAN: AHLI DAN PROFIL

DATO' AZIAN MOHD NOH

Ketua Pegawai Eksekutif
Setiausaha Panel Pelaburan



Dato' Azian Mohd Noh telah dilantik semula sebagai setiausaha kepada Panel Pelaburan pada 1 Mac 2010.

TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ

BIN WAN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan,
Pengerusi
(* Bersara berkuatkuasa 23 Ogos 2012)



Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah bersara sebagai Pengurusi Lembaga KWAP dan Panel Pelaburan berikutan persaraan beliau daripada perkhidmatan kerajaan berkuatkuasa 23 Ogos 2012.

JAWATANKUASA LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

JAWATANKUASA AUDIT



Dari kiri ke kanan:

Encik Cheah Teik Seng (Pengerusi), Datuk Idrus bin Harun, Dato' Siew Kim Lun, Dato' Azmi bin Abdullah

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO



Dari kiri ke kanan:

Dato' Muhammad bin Ibrahim (Pengerusi) , Dato' Siew Kim Lun, Dato' Mohammed Azlan bin Hashim, Encik Cheah Teik Seng, Dato' Azian Mohd Noh

JAWATANKUASA LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

JAWATANKUASA IMBUHAN



Dari kiri ke kanan:

Datuk Idrus bin Harun (Pengerusi), Dato' Siew Kim Lun, Dato' Mohammed Azlan bin Hashim, Dato' Haji Omar bin Haji Osman, Encik Cheah Tek Kuang, Dato' Seri Ahmad Johan bin Mohammad Raslan, Dato' Azian Mohd Noh


JAWATANKUASA PEROLEHAN



Dari kiri ke kanan:

Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah (Pengerusi), Datuk Idrus bin Harun, Dato' Yeow Chin Kiong, Dato' Azian Mohd Noh

CARTA ORGANISASI



JAWATANKUASA EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

PENGURUSAN KANAN



Dari kiri ke kanan

- | | | |
|--|---|---|
| 1. Mohd. Zaki Bin Hamdan
Ketua Pegawai Operasi | 5. Dato' Azian Mohd Noh
Ketua Pegawai Eksekutif | 9. Ambalagam R. Marappan
Pengarah Jabatan Akaun dan
Pengurusan Perkhidmatan |
| 2. Nik Amlizan Binti Mohamed
Pengarah Jabatan Ekuiti | 6. Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin
Pengarah Jabatan Strategi Portfolio | 10. Md. Saffi Bin Nadzir
Pengarah Jabatan Caruman |
| 3. Ahmad Norhisham Bin Hassan
Pengarah Jabatan Pendapatan Tetap | 7. Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin
Pengarah Jabatan Pengurusan Risiko dan
Pematuhan | 11. Tai Kim Fong
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat |
| 4. Zalman Bin Ismail
Pengarah Jabatan Pelaburan Alternatif | 8. Tursina Binti Yaacob
Pengarah Jabatan Penyelidikan | 12. Aznam Bin Shahuddin
Pengarah Jabatan Perancangan dan
Pembangunan Korporat |

JAWATANKUASA PELABURAN DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH: AHLI DAN PROFIL

JAWATANKUASA PELABURAN

1. Dato' Azian Mohd Noh
2. Mohd. Zaki Bin Hamdan
3. Nik Amlizan Binti Mohamed
4. Ahmad Norhisham Bin Hassan
5. Zalman Bin Ismail
6. Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin
7. Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

1. Dato' Azian Mohd Noh
2. Mohd. Zaki Bin Hamdan
3. Nik Amlizan Binti Mohamed
4. Ahmad Norhisham Bin Hassan
5. Tursina Binti Yaacob
6. Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin
7. Aznam Bin Shahuddin
8. Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin
9. Md. Saffi Bin Nadzir
10. Tai Kim Fong

KAKITANGAN UTAMA

Nama Penuh:
Ahmad Norhisham Bin Hassan

Jawatan:
Pengarah

Jabatan:
Jabatan Pendapatan Tetap

Tanggungjawab:
Bertanggungjawab membangunkan strategi pelaburan dan objektif
Jabatan Pendapatan Tetap.

Pengalaman Bekerja:
Beliau mempunyai lebih daripada dua puluh tahun pengalaman dalam
pendapatan tetap. Sebelum menyertai KWAP, beliau berpengalaman
dalam perbendaharaan di bank tempatan dan KWSP. Jawatan terakhir
beliau adalah Pengurus Pasaran Modal Hutang di Hong Leong Islamic
Bank Berhad.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

Latar Belakang Pendidikan:
Sarjana (Kewangan), Western Michigan University, Amerika Syarikat.

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pentadbiran Perniagaan
(Kewangan), Western Michigan University, Amerika Syarikat.

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:
Lembaga Pengarah untuk Jambatan Kedua Sdn. Bhd.

Ahli bersekutu Persatuan Pasaran Kewangan (ACI - Malaysia)

Ahli bersekutu HBSACM (Alumni Harvard Business School Club Malaysia)

Nama Penuh:
Ambalagam R. Marappan

Jawatan:
Pengarah

Jabatan:
Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan

Tanggungjawab:
Bertanggungjawab memastikan perancangan yang berkesan,
pelaksanaan dan pemantauan aktiviti KWAP dari segi pentadbiran,
kewangan dan perakaunan dan menyediakan laporan tepat pada masa
untuk pihak berkuasa berkaitan

Pengalaman Bekerja:
Beliau mempunyai tiga puluh tahun pengalaman sebagai akauntan.
Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat dalam beberapa
bahagian dan cawangan di Jabatan Akauntan Negara sekitar
semenanjung Malaysia.

Latar Belakang Pendidikan:
Sarjana (Kewangan dan Pengajian Antarabangsa), Universiti Malaya.

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan, Universiti Malaya.

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:
Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

Ahli bersekutu HBSACM (Alumni Harvard Business School Club Malaysia)

KAKITANGAN UTAMA

Nama Penuh:

Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin

Jawatan:

Pengarah

Jabatan:

Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan

Tanggungjawab:

Bertanggungjawab dalam Pengurusan Risiko merangkumi Risiko Pelaburan, Risiko Operasi, Kesinambungan Perniagaan dan Pematuhan.

Pengalaman Bekerja:

Beliau mempunyai lebih dua puluh tahun pengalaman dalam pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau mengamalkan pengurusan risiko dalam pelaburan beberapa bank komersial tempatan dan asing. Sebelum mendalami pengurusan risiko pada awal kerjayanya, beliau menimba pengalaman berharga sebagai peniaga mata wang proprietari semasa Krisis Kewangan Asia.

Beliau juga mewakili KWAP sebagai penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

Latar Belakang Pendidikan:

Sarjana Pengurusan, University of Wales, Cardiff, UK

Ijazah LL.B (Kepujian), University of Liverpool, UK

Pengurus Risiko Kewangan (FRM), Persatuan Profesional Risiko Global

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:

Tiada

Nama Penuh:

Md Saffi Bin Nadzir (K.M.N)

Jawatan:

Pengarah

Jabatan:

Jabatan Caruman

Tanggungjawab:

Bertanggungjawab meningkatkan saiz dana dengan memaksimumkan penerimaan caruman dan menguatkuasakan pematuhan kepada Akta Pencen yang berkaitan.

Pengalaman Bekerja:

Beliau mempunyai lebih dua puluh lima tahun pengalaman sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat dalam beberapa jabatan kerajaan dan Badan Berkanun.

Latar Belakang Pendidikan:

Sarjana, Universiti Utara Malaysia

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan, Universiti Teknologi MARA

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:

Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia

KAKITANGAN UTAMA

Nama Penuh:
Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin

Jawatan:
Pengarah

Jabatan:
Jabatan Strategi Portfolio

Tanggungjawab:
Bertanggungjawab membentuk, mengkaji dan menyelia Alokasi Aset Strategik KWAP dan membantu Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Pelaburan dalam menyelidik, membangun dan mencadangkan tahap strategi dana pelaburan yang berkait rapat untuk mengoptimumkan pulangan KWAP dan pengimbangan risiko mengambil kira faktor-faktor kuantitatif, kualitatif dan makro-ekonomi.

Pengalaman Bekerja:
Mempunyai lebih enam belas tahun pengalaman dalam pasaran modal termasuk peranan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau bekerja dengan Suruhanjaya Sekuriti berikut tugas awal dengan beberapa institusi, swasta dan berkaitan kerajaan, termasuk konglomerat multinasional serta bank pelaburan tempatan.

Sebelum menjawat jawatan sekarang, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi KWAP.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

Latar Belakang Pendidikan:
Menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan Ke-4 ASEAN yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.

Sarjana Kewangan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Kewangan / Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:
Tiada

Nama Penuh:
Nik Amlizan Binti Mohamed

Jawatan:
Pengarah

Jabatan:
Jabatan Ekuiti

Tanggungjawab:
Bertanggungjawab merangka strategi untuk memaksimumkan pulangan bagi pelaburan ekuiti dalam parameter risiko yang diberi dan menerajui penubuhan subsidiari KWAP - Prima Ekuiti (UK) Limited di London.

Pengalaman Bekerja:
Mempunyai sembilan belas tahun pengalaman dalam pasaran ekuiti. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di bank-bank tempatan dan jawatan terakhir beliau adalah Ketua Jabatan Ekuiti di RHB Asset Management Sdn. Bhd.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

Latar Belakang Pendidikan:
Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi, Claremont McKenna College, Amerika Syarikat.

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:
Ahli Lembaga Pengarah Valuecap Sdn. Bhd.

Ahli Jawatankuasa Pelaburan iVCAP Management Sdn. Bhd.

Ahli Lembaga Prima Ekuiti (UK) Limited

KAKITANGAN UTAMA

Nama Penuh:
Tai Kim Fong

Jawatan:
Pengarah

Jabatan:
Teknologi Maklumat

Tanggungjawab:
Bertanggungjawab merangka strategi kepimpinan dan pengurusan Teknologi Maklumat (IT) KWAP berfungsi untuk menyokong keperluan perniagaan.

Pengalaman Bekerja:
Beliau mempunyai dua puluh lima tahun pengalaman IT dalam Industri Kewangan. Pengalaman beliau termasuk pelan strategik IT, infrastruktur dan pembangunan Pemulihan Bencana. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Ketua Kumpulan IT di MIDF Berhad.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan.

Latar Belakang Pendidikan:
Pakar Bertauliah Kesinambungan Perniagaan (BCM Institute).

Associate Malaysian Alliance of Corporate Directors (MACD).

COBIT Foundation.

Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Komputer & Ekonomi) Iowa State University, Amerika Syarikat.

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:
Tiada

Nama Penuh:
Tursina Binti Yaacob

Jawatan:
Pengarah

Jabatan:
Jabatan Penyelidikan

Tanggungjawab:
Bertanggungjawab mengetuai penganalisis ekuiti dalam penilaian syarikat dan sektor untuk mengenal pasti peluang pelaburan serta menyokong keputusan alokasi aset dan pembinaan portfolio.

Pengalaman Bekerja:
Mempunyai lebih daripada lima belas tahun pengalaman sebagai Penganalisa Penyelidikan bahagian jualan meliputi pelbagai sektor di landskap global serta Malaysia. Sektor pengkhususan termasuk minyak & gas, utiliti, telekomunikasi, produk pengguna, automotif, komoditi dan industri kewangan Islam.

Menjadi penceramah dan ahli panel di persidangan tempatan dan antarabangsa, seminar dan forum mengenai topik-topik yang berkaitan dengan ekonomi global dan pelbagai aspek industri Islam.

Latar Belakang Pendidikan:
Menghabiskan Program Profesional Kewangan Islam Bertauliah di INCEIF.

Sarjana (Pengurusan Strategik), Universiti Teknologi Malaysia.

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Kewangan, Coventry University, UK.

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:
Tiada

Nama Penuh:
Zalman Bin Ismail

Jawatan:
Pengarah

Jabatan:
Jabatan Pelaburan Alternatif

Tanggungjawab:
Bertanggungjawab memaksimumkan pulangan jangka panjang melalui pelaburan dalam ekuiti persendirian dan harta tanah tempatan dan luar negara.

Pengalaman Bekerja:
Mempunyai lapan belas tahun pengalaman dalam penarafan kredit, pembangunan penyelidikan ekuiti dan perniagaan harta tanah, kesihatan dan industri komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan untuk Sime Darby Property Berhad. Beliau juga adalah Ketua Pengurusan Nilai dan Ketua Perhubungan Pelabur bagi Kumpulan Sime Darby.

Latar Belakang Pendidikan:
Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Kewangan (Kepujian: Magna Cum Laude), Eastern Michigan University, Amerika Syarikat.

Keahlian Jawatankuasa / Pelantikan:
Tiada

KAKITANGAN UTAMA

NO	NAMA	PENCAPAIAN AKADEMIK	JAWATAN
1	A.Fadil Bin Abdul Majid	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Aktauan Bertauliah, Malaysian Institute of Accountant (MIA)	Naib Presiden, Jabatan Pendapatan Tetap
2	Abdul Razak Bin Jabar	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Sistem Maklumat), Charles Sturt University, Australia	Naib Presiden, Jabatan Teknologi Maklumat
3	Afizah Binti Mustafa	Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Utara Malaysia Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia Aktauan Bertauliah, Malaysian Institute of Accountant (MIA)	Naib Presiden, Jabatan Pendapatan Tetap
4	Amirah Binti Muhamad Nor	Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan), Universiti Malaya Diploma Lanjutan Perakaunan, Institut Teknologi MARA Aktauan Bertauliah, Malaysian Institute of Accountant (MIA)	Naib Presiden / Ketua Jabatan Penjelasan Pelaburan
5	Ahmad Zahir Bin Mohd Tabri	Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan – Sains Pengurusan, University of Illinois, Urbana-Champaign, Amerika Syarikat	Naib Presiden / Pengurus Portfolio Kanan, Jabatan Pendapatan Tetap
6	Azizan Bin Abdul Rahman	Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi & Kewangan), University of Hartford, Amerika Syarikat	Naib Presiden / Ketua Jabatan Prestasi Perniagaan
7	Azlida Mazni Binti Arshad	LL.B (Kepujian) Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia	Naib Presiden / Penasihat Undang-Undang, Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan

KAKITANGAN UTAMA

NO	NAMA	PENCAPAIAN AKADEMIK	JAWATAN
8	Eeh Chong Ban	Ijazah Sarjana Muda Kewangan, La Trobe University, Australia Penganalisa Kewangan Bertauliah, CFA Institute, Amerika Syarikat Pengurus Risiko Kewangan, Global Risk Association of Risk Professionals, USA	Naib Presiden / Pengurus Portfolio Kanan, Jabatan Pendapatan Tetap
9	Ismail Bin Zakaria	Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan), University of New South Wales, Australia	Naib Presiden, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat
10	Kamariah Binti Ghazali	Sarjana Sains (Perakaunan), Oklahoma City University, Amerika Syarikat Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia Aktauan Bertauliah, Malaysian Institute of Accountant (MIA)	Naib Presiden, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat
11	Mazrina Binti Mohd Mokhtar	Sijil Amalan Undang-Undang(CLPA) LL.B (Kepujian), University of East London, UK Diploma dalam Terjemahan Am, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM)	Naib Presiden, Jabatan Caruman
12	Melissa Teo Gaik Khim	Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of Western Australia, Australia	Naib Presiden, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat
13	Mohamad Shafik Bin Badaruddin	Sarjana (Kewangan), Universiti Putra Malaysia Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Syariah & Ekonomi, Universiti Malaya	Naib Presiden, Jabatan Ekuiti

KAKITANGAN UTAMA

NO	NAMA	PENCAPAIAN AKADEMIK	JAWATAN
14	Mohd. Afzanizam Bin Abd Rashid	<p>Calon PhD (Ekonomi), Universiti Kebangsaan Malaysia</p> <p>Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Gunaan & Pelaburan), Universiti Kebangsaan Malaysia</p> <p>Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Kewangan, Universiti Teknologi MARA</p>	Naib Presiden, Jabatan Strategi Portfolio
15	Mohd. Isa Bin Ibrahim	<p>Sarjana (Kewangan Gunaan & Pelaburan), Universiti Kebangsaan Malaysia</p> <p>Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Kewangan, Universiti Teknologi MARA</p>	Naib Presiden, Jabatan Ekuiti
16	Md Hayrani Bin Mireso	<p>Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia</p> <p>Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia</p> <p>Akauntan Bertauliah, Malaysian Institute of Accountant (MIA)</p>	Naib Presiden / Pengurus Portfolio Kanan, Jabatan Pendapatan Tetap
17	Muhamad Hafiz Bin Abas	<p>Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia</p> <p>Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan (Kewangan & Ekonomi), New York University, Amerika Syarikat</p>	Naib Presiden, Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan
18	Mushida Binti Muhammad	Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan), California State University, Amerika Syarikat	Pegawai Utama, Prima Ekuiti (UK) Limited

NO	NAMA	PENCAPAIAN AKADEMIK	JAWATAN
19	Muzafar Ibrahim Bin Abdul Muttalip	Ijazah Sarjana Perakaunan (Kepujian), MARA Institute of Technology Sijil <i>Company Secretarial Practice</i> Akauntan Bertauliah, Malaysian Institute of Accountant (MIA)	Naib Presiden, Jabatan Ekuiti
20	Najihah Binti Mohamad Norwi	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan & Kewangan), Monash University, Australia CPA, Australia	Naib Presiden, Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan
21	Ng Soh Khin	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia Ahli Diperakui PMP	Naib Presiden, Jabatan Teknologi Maklumat
22	Norani Binti Mustapha	Sarjana Hartanah, Universiti Malaya Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Hartanah, Northumbria University at Newcastle, UK	Naib Presiden, Jabatan Pelaburan Alternatif
23	Nozaimi Bin Mohd Nasir	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Perakaunan, University of Exeter, UK	Naib Presiden, Jabatan Ekuiti
24	Saifulbahri Bin Hassan	Sarjana Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, University of Missouri- Kansas City, Amerika Syarikat Pensijilan dalam Pelaburan Ekuiti Persendirian, Institute of Asian Private Equity Investment, Hong Kong	Naib Presiden, Jabatan Pelaburan Alternatif

NO	NAMA	PENCAPAIAN AKADEMIK	JAWATAN
25	Shariz Bin Puteh	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perakaunan dan Kewangan, University of Essex, UK Auditor Perkhidmatan Kewangan Bertauliah, The Institute of Internal Auditors	Naib Presiden / Ketua Jabatan Audit Dalaman
26	Siti Ilmiah Binti Ramli	LL.B (Kepujian), University of London, UK Sijil Amalan Undang-Undang (CLP)	Naib Presiden, Jabatan Sumber Manusia
27	Tan Mee Choo	Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan, Universiti Malaya	Naib Presiden, Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan

Seksyen VII

BERKONGSI NILAI BERSAMA

115 Tanggungjawab Sosial Korporat

119 Coretan Impian



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

KWAP percaya bahawa semua perniagaan tidak selalunya mencari keuntungan semata-mata, tetapi tanggungjawab untuk kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

KWAP telah membawa maksud Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ke tahap yang lebih bermakna di mana ianya bukan sekadar menyerahkan wang kepada badan amal tempatan. CSR adalah tentang melakukan perkara yang betul; menjalankan amalan perniagaan yang beretika dan telus, dan memikul tanggungjawab atas tindakan, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, pembangunan masyarakat dan pemuliharaan alam sekitar. Kesimpulannya, KWAP juga mengambil kira aspirasi sosial negara dan objektif sosio-ekonomi.

KWAP percaya bahawa memupuk dunia yang lebih baik adalah satu usaha kolektif. Oleh itu, inisiatif CSR yang telah dijalankan mengambil kira slogan CSR kami iaitu ‘Perkongsian Nilai Kami’, yang memberi pendekatan yang menyeluruh untuk setiap satu program CSR dan memastikan bahawa aktiviti yang direka memberi penekanan kepada empat kumpulan utama iaitu - Tempat Kerja, Pasaran, Komuniti dan Alam Sekitar.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB TERHADAP PASARAN

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PEJABAT KWAP

Pada tahun 2012, KWAP telah berbesar hati menerima kunjungan sambil belajar luar negara dari Institut Pentadbiran Awam Negara Republik Indonesia (*National Institute of Public Administration - NIPA*) dan Majlis Negara bagi Tabung Keselamatan Sosial Republik Rakyat China (*National Council for Social Security Fund of the People Republic of China - NCSSF*). Delegasi dengan seramai enam orang ahli dari NIPA diketuai oleh Timbalan Pengerusi Penilaian Prestasi Institusi Kerajaan dan Peralatan, Puan Sri Hadiati WK manakala perwakilan NCSSF telah diketuai oleh Naib Pengerusi, Encik Yu Gesheng. Ia adalah peluang untuk kedua-dua organisasi berkongsi pengetahuan mereka dan bertukar-tukar pandangan serta idea terutamanya dalam bidang pengurusan dana pence.

SUMBANGAN ARTIKEL

Penulisan artikel oleh warga kerja KWAP diteruskan sepanjang 2012. *The Edge Financial Daily* telah memaparkan artikel oleh Taufiq Iskandar Jamingan tentang *Missing Growth Factor, Mind Your Gap* oleh Mohd Afzanizam Abd Rashid dan *Strong Demand for Shariah Compliant Derivatives* oleh Khok Lee Kuan.

Afzanizam juga turut menyumbang enam artikel dalam akhbar Berita Harian dengan tajuk - *Pemulihan Ekonomi AS Memberangsangkan, Unjurun BNM Perlu Dipandang Serius, Ekonomi Dunia Dijangka Perlahan, Pelabur Bimbang Greece Keluar EMU, Kenaikan IHP Jejas kuasa Beli dan Bajet 2013 Jana Pertumbuhan Mapan*.

KWAP komited untuk menyumbang lebih banyak artikel dan berkongsi pandangan mereka dengan orang ramai.

PROGRAM SIRI SYARAHAN JEMPUTAN DENGAN UNIVERSITI MALAYA

Kerjasama KWAP dengan Universiti Malaya diteruskan sepanjang 2012. Pada bulan Mei, Pengarah Jabatan Strategi Portfolio, Nazaiful Affendi Zainal Abidin dan Pengarah Jabatan Pendapatan Tetap, Ahmad Norhisham Hassan telah dijemput untuk menjadi penceramah jemputan untuk pelajar prasisiswazah dan pasca ijazah Fakulti Perniagaan dan Perakaunan. Para penceramah telah berkongsi maklumat dan mengadakan sesi interaktif tentang topik-topik yang telah dipilih dengan teliti bersama pensyarah mereka dan ianya diambil dari sukanan pelajaran semester mereka. KWAP berharap dapat menjalankan lebih banyak program dengan para pelajar dan berkongsi pengetahuan dan kepakaran mereka pada masa hadapan.



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



TANGGUNGJAWAB KEPADA TEMPAT KERJA

CABARAN FIT & FAB 2012

Cabarani Fit & Fab musim kedua telah dianjurkan pada bulan April untuk menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan warga kerjanya. Program selama tiga bulan ini telah dilancarkan pada bulan April dan menerima 17 penyertaan dari mereka yang mempunyai BMI lebih daripada 25. Satu program berstruktur telah disediakan untuk membantu peserta tentang jenis pemakanan dan senaman yang sesuai bagi membantu menghilangkan berat badan. Peraturan ketat juga dikenakan untuk membuat program ini lebih kompetitif. Semua pemenang dan finalis menerima ganjaran atas pencapaian mereka, tetapi apa yang lebih penting adalah mereka kini 'berwajah' baru dan telah memilih untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

AKTIVITI MENJANA DANA

Bagi Program KWAP CSR Donation Drive tahun 2012, pasukan CSR telah menganjurkan Jualan Amal dan sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa dengan menjual kek cawan dan *macaroons* kepada warga kerjanya. Hasil daripada jualan akan digunakan untuk membayai program-program CSR yang lain dan terutamanya untuk membantu mereka yang lebih memerlukan dan kurang bernasib baik.

PROGRAM IN-HOUSE UNTUK WARGA KERJA

Pada bulan Julai dan sepanjang bulan puasa, beberapa program yang menyeronokkan telah diatur untuk warga kerja wanita pada waktu makan tengahari. Kelas solekan asas yang dikendalikan oleh jurusolek profesional merekodkan kehadiran yang amat menggalakkan. Penjagaan kulit asas dan teknik solekan telah dikongsi, termasuk pemakaian yang sesuai, gaya rambut, dan penjagaan kuku dan penggunaan aksesori yang tepat untuk dipadankan bagi meghadiri majlis-majlis yang berbeza.

Kelas sulaman manik adalah satu lagi aktiviti *in-house* yang dianjurkan bagi mereka yang suka membuat kenyataan fesyen mereka sendiri dengan memakai gelang tangan manik yang dibuat sendiri. Kelas telah dikendalikan oleh warga kerja kami dan peserta telah diajar bagaimana untuk membuat gelang dari awal. Yuran yang dipungut dan barang yang dijual semasa kelas disalurkan kepada dana CSR.

PERTANDINGAN PEMBACAAN DANA YANG BERKAT

Ia telah menjadi tradisi tahunan di KWAP mengendalikan pertandingan menghargai dan menghayati keindahan sajak 'Dana Yang Berkat'. Seorang wakil dari setiap jabatan bersaing untuk menyampaikan sajak dengan cara mereka yang paling kreatif dan dramatik. Peserta diadili berdasarkan bacaan, kefasihan sebutan, dan kreativiti persembahan mereka.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



TANGGUNGJAWAB KEPADA KOMUNITI

LAWATAN KE RUMAH WARGATUA

Antara fokus utama CSR KWAP adalah program pendekatan komuniti. KWAP membuatkan sambutan Hari Raya lebih bermakna kepada penghuni Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu pada bulan Syawal yang lalu. Lawatan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif telah meluangkan masa lebih dua jam menghiburkan penghuni rumah tersebut. Kegembiraan jelas terukir di wajah mereka kerana dapat menyambut Hari Raya dengan sebahagian warga kerja KWAP. Bagi menambah keriangan ini, pelbagai juadah tradisional yang sesuai dengan diet mereka telah dihidangkan untuk jamuan semua.

Lawatan yang kedua juga telah dibuat pada bulan Disember bagi memberi peluang kepada lebih ramai warga kerja KWAP untuk meraikan warga tua di Rumah Ehsan ini. Keperluan asas dan bekalan penjagaan kesihatan telah diserahkan ke rumah ini yang menempatkan 110 penduduk dari pelbagai lapisan masyarakat semasa lawatan ini. Sejak penubuhannya pada tahun 1998, Rumah Ehsan menyediakan penjagaan teratur dan perlindungan bagi warga tua untuk memastikan rawatan yang betul dan membantu mereka dalam mendapatkan kualiti hidup yang lebih baik.


PROGRAM AMAL PENGUMPULAN BUKU

KWAP menyokong penuh usaha memperkayakan komuniti melalui program amal pengumpulan buku. Objektif program ini adalah untuk membantu usaha literasi di kalangan kanak-kanak terutamanya di kawasan luar bandar. Ia juga akan menggalakkan tabiat membaca yang baik diusia awal dan untuk menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan buku-buku cerita untuk dipilih sekolah-sekolah dalam menyokong pelajar dengan keperluan pendidikan mereka. Program yang dijalankan secara berterusan ini turut menggalakkan warga kerja untuk menderma buku-buku baru atau terpakai yang akan disalurkan kepada sekolah-sekolah terpilih dan memerlukan bahan-bahan bacaan.

TANGGUNGJAWAB KEPADA PERSEKITARAN

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

KWAP sentiasa menyokong kempen Hijau sejak dari dahulu lagi. Warga kerja digalakkan untuk mengamalkan pemuliharaan tenaga dan kecekapan dari segi pengurangan penggunaan kertas, mengitar semula kertas, mematikan lampu pada waktu makan tengahari dan memastikan semua sistem mekanikal dan elektrik berjalan dengan cekap pada setiap masa.



CORETAN IMPIAN



Nama : **Leow Eng Heng**
 Jabatan : **Penyelidikan**
 Pendidikan : **ACCA, Tamat CFA Tahap 3**

1. Apakah skop pekerjaan anda?

Mengenalpasti syarikat asas kukuh yang tidak dinilai dengan tepat oleh pasaran untuk nilai terkandung jangka panjang yang lebih mendalam. Mengatur strategi penyelidikan pelaburan bersama-sama dengan pengurus portfolio untuk mengoptimumkan pulangan portfolio.

2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?

Menjalankan penyelidikan ekuiti asas terhadap industri dan syarikat-syarikat dengan segera meringkaskan dan mengkaji data maklumat mereka. Maklumat ini kemudiannya dikumpulkan untuk menjana pelaburan bebas dan objektif. Di samping itu, kesan pembangunan korporat, penggabungan dan pengambilalihan dianalisa dengan teliti oleh KWAP bagi mengambil kesempatan daripada sebarang peluang pelaburan.

3. Apa yang paling anda gemari berkenaan pekerjaan anda?

Pencarian berterusan untuk idea-idea baharu saham di Asia Pasifik dan dengan sering mengadakan interaksi intelektual dengan rakan-rakan saya telah memberi saya kegembiraan dan kepuasan dalam menjalankan tugas. Saya bersyukur kerana mempunyai rakan sekerja yang sangat memahami dan saling membantu dalam menjalankan tugas sehari-hari saya.

4. Apa yang membuatkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?

Setelah menamatkan CFA dan menghabiskan masa 5 tahun dalam industri perbankan, saya mempunyai hasrat untuk menyertai sebuah syarikat pengurusan aset yang dinamik, serba boleh dan tangkas. KWAP adalah salah satu dana pencegah yang terbesar di Malaysia yang menawarkan saya peluang besar untuk kerjaya yang cemerlang didalam pengurusan pelaburan.

5. Apakah antara pengalaman terbaik yang anda pelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?

KWAP telah memberi kesedaran kepada saya tentang semangat kerja berpasukan, dimana ikatan yang kukuh dikalangan modal insan dan kekuatannya akan menghasilkan prestasi diluar jangkaan kita sendiri. Peribahasa Cina ada mengatakan "Apabila dua minda disatukan, kekuatannya boleh memotong emas".

6. Apakah buku perniagaan pilihan anda di tahun 2012 dan mengapa?

"What Got You Here, Won't Get You There" oleh Marshall Goldsmith adalah buku panduan kepimpinan yang menggambarkan bagaimana orang yang berjaya menjadi lebih berjaya dengan menyerlahkan yang terbaik dari diri semua orang dan terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan di setiap peringkat dalam organisasi.

7. Apakah aktiviti kegemaran anda sewaktu tidak bekerja?

Saya banyak menghabiskan masa mengambil bahagian dalam aktiviti pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan dalam menggalakkan keamanan dan aktiviti kebudayaan. Ianya banyak memberi ketenangan kepada saya dan turut memberi peluang kepada saya untuk menyumbang kepada masyarakat.

CORETAN IMPIAN



Nama : **Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin**
 Jabatan : **Pengurusan Risiko & Pematuhan**
 Pendidikan : **Risiko Pengurus Kewangan (FRM)**
- Persatuan Profesional Risiko Global
Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari
University of Wales Cardiff
LLB (Kepujian) dari University of Liverpool

1. Apakah skop pekerjaan anda?

Saya menerajui satu pasukan profesional penuh berdedikasi yang bertungkus lumus memastikan KWAP sejajar dengan penyata misinya iaitu "pengurusan risiko yang mantap". Skopnya yang luas menyentuh setiap aspek organisasi, terutama apabila menilai dan merancang pengurangan profil risiko korporat kami.

2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?

Tugas saya adalah berbentuk strategik dan operasi. Sebagai satu pasukan, kami telah menyediakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh yang menjadi asas bagaimana kita menguruskan risiko di KWAP. Rangka kerja ini adalah bermodul dan fleksibel mengikut keperluan KWAP hari ini dan pada masa hadapan. Untuk melengkapannya kita turut mempunyai dasar, garis panduan dan pelbagai *toolkit* yang digunakan untuk taksiran, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah. Secara operasinya, selain melaporkan dan menilai risiko, kami memainkan peranan yang besar dalam memastikan jurang risiko diberi perhatian dan diselesaikan.

3. Apa yang paling anda gemari berkaitan pekerjaan anda?

Bekerja dengan pelbagai peringkat tenaga kerja, sama ada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah, Ketua Bahagian, eksekutif dan kakitangan sokongan. Saya dapatkan interaksi, pengajaran, bimbingan, kepimpinan melalui teladan adalah sangat memuaskan. Keupayaan untuk melatih dan membuat perbezaan dalam persekitaran kerja mereka bermakna saya menyumbang kembali kepada KWAP dan masyarakat secara amnya.

4. Apa yang menyebabkan anda memilih KWAP untuk kerjaya anda?

KWAP adalah sebuah organisasi yang masih baru dengan semangat yang masih baru dan penuh keterujaan. Kami tidak pernah bersenang-senang di atas kejayaan lalu kerana kita sentiasa mahu melakukan yang lebih baik lagi, selaras dengan minda organisasi berprestasi tinggi (HPO) kami. Peluang untuk aktif dalam proses pembangunan ini adalah satu faktor utama dalam aspirasi kerjaya saya dengan KWAP.

5. Apakah antara pengalaman terbaik yang dipelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?

Satu pengalaman utama saya di KWAP adalah pengajaran yang saya belajar dalam minggu pertama saya bekerja di sini. Ianya bukan sekadar tugas, kita telah diamanahkan untuk berkhidmat bagi menjaga kepentingan pihak berkepentingan kami, iaitu pesara dan seterusnya kepada negara. Ianya suatu ketenangan apabila anda memikirkan semua pesara dan penjawat awam menaruh harapan kepada anda untuk melindungi persaraan mereka di masa hadapan.

6. Apakah buku perniagaan pilihan anda di tahun 2012 dan mengapa?

Saya percaya pengajaran boleh dipelajari daripada mana-mana sumber sekalipun. Baru-baru ini saya membaca semula untuk kali ketiga, "Neverwhere" oleh Neil Gaiman. Walaupun bukan sebuah buku perniagaan, ia telah memberi saya satu pengajaran penting iaitu dengan berfikir di luar kotak, imaginasi dan daya kreatif anda dapat membuat perkara biasa setiap hari yang membosankan, klise dan menjadikan ia menjadi sesuatu yang hebat, ajaib dan tidak dapat dilupakan.

7. Apakah aktiviti kegemaran anda saat tidak bekerja?

Saya suka muzik. Ketika kecil, saya tidak mempunyai peluang untuk mempelajari apa-apa alat muzik, jadi pada usia saya sekarang, saya sedang belajar *ukulele* dan gendang di masa masa lapang saya. Boleh juga dikatakan bahawa saya berpegang teguh kepada nilai-nilai korporat KWAP iaitu "untuk terus belajar, belajar semula dan belajar meninggalkan".



Nama : **Norani Mustapha**
 Jabatan : **Jabatan Pelaburan Alternatif**
 Pendidikan : **Sarjana Hartanah dari Universiti Malaya
 dan Sarjana Muda (Kepujian) dalam
 Pengurusan Hartanah dari Universiti Northumbria
 di Newcastle Upon Tyne, United Kingdom**

1. Apakah skop pekerjaan anda?

Saya menerajui pasukan Pelaburan Hartanah di bawah Pelaburan Alternatif KWAP.

2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?

Pelaburan KWAP dalam harta bermula kira-kira tiga tahun lalu dengan objektif untuk membina portfolio harta yang memenuhi ganjaran risiko KWAP dalam kedua-dua pasaran domestik dan antarabangsa. Oleh itu, tugas ini memerlukan perancangan strategik dalam menetapkan kriteria pelaburan, masa pelaburan dan menentukan pasaran sasaran pengambilalihan. Pelaksanaan pelan termasuk mendapatkan peluang pelaburan, menganalisa potensi untuk pelaburan, pelaksanaan pelaburan dan seterusnya menguruskan aset sehingga pelupusan. Saya perlu sentiasa mengemaskini pengetahuan saya tentang pelbagai pasaran kami serta pasaran sasaran baharu. Dengan pelaburan sedia ada dan berpotensi pada peringkat aktiviti dan senario yang berbeza, kerja saya memerlukan fokus dan pemikiran analitikal bagi pelaksanaan yang terbaik.

3. Apa yang paling anda gemari berkaitan pekerjaan?

Pelaburan dalam harta bermuat banyak rundingan. Terma dan struktur pengambilalihan, penyewaan dan pengurusan pajakan selepas pengambilalihan dan terma pelupusan. Proses ini memperkayakan perspektif saya dalam menguruskan tugas-tugas saya.

4. Apa yang menyebabkan anda memilih KWAP untuk kerjaya anda?

Ia merupakan satu peluang untuk memulakan Pelaburan Hartanah untuk KWAP. Saya tidak sabar untuk memberikan seluruh jiwa saya yang digabungkan dengan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang hartanah selama bertahun lamanya untuk memastikan KWAP akan mempunyai portfolio hartanahnya sendiri.

5. Apakah antara pengalaman terbaik yang dipelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?

Sebagai organisasi berorientasikan hasil, KWAP akan menyokong warga kerja dalam pembinaan keupayaan. Potensi tidak ada batasannya jika anda bersedia untuk mendorong diri anda, bersabar dan bekerja keras.

6. Apakah buku perniagaan pilihan anda di tahun 2012 dan mengapa?

"This time is different" oleh M. Carmen Reinhart dan Kenneth S. Rogoff. Ia adalah bahan bacaan yang menarik tentang bagaimana penulis-penulis yang juga pakar ekonomi terkemuka tidak bersetuju dengan bagaimana kebanyakan pakar memperkatakan *'this time is different'* (kali ini adalah berbeza) pada setiap krisis kewangan. Pakar mendakwa situasi baru mempunyai hanya sedikit persamaan dengan bencana yang lalu. Saya bukannya seorang ahli ekonomi, oleh itu buku ini memberi saya wawasan tentang krisis kewangan yang ditakrifkan oleh inflasi, kejatuhan mata wang, krisis perbankan dan krisis hutang dalam dan luar negeri. Ia bukanlah sebuah buku baru tetapi mula diterbitkan pada tahun 2009 dan saya hanya membacanya tahun ini.

7. Apakah aktiviti kegemaran anda saat tidak bekerja?

Saya suka membaca untuk berehat. Saya juga menggemari aktiviti berjalan kaki atau berjogging di taman dengan anak-anak saya bagi mengamalkan gaya hidup sihat.

Seksyen **VIII**

KALENDAR KORPORAT

123 Kalendar Korporat 2012

KALENDAR KORPORAT 2012

Januari

11 Januari 2012



Mandat Ketua Pegawai Eksekutif

12 Januari 2012



Ceramah Siri Kepimpinan oleh YBhg. Tan Sri Liew Kee Sin

17 Januari 2012

CSR - Tayangan Filem

19 Januari 2012

Siri *Golden Hour* ke-45
Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan

25 Januari 2012

Mesyuarat Lembaga & Mesyuarat Jawatankuasa Audit

30 Januari 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

Februari

10 Februari 2012



Sambutan Tahun Baharu Cina

15 Februari 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

24 Februari 2012

Siri *Golden Hour* ke-46

28 Februari 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan, Jawatankuasa Audit dan Lembaga

Mac

2 Mac 2012



2 Mac 2012



Majlis Makan Malam Tahunan KWAP

5 Mac 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

8 Mac 2012

CSR - Hari Wanita Sedunia

20 Mac 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

22 Mac 2012

Mesyuarat Lembaga

23 Mac 2012

Siri *Golden Hour* ke-47

27 Mac 2012



Ceramah Siri Kepimpinan oleh YBhg. Dato' AK Nathan

30 Mac 2012

CSR - Hari Earth Hour

KALENDAR KORPORAT 2012

April

9 April 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

12 April 2012



CSR - Pelancaran Program Fit & Fab

13 April 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

17 April 2012



Persidangan ASEAN IDC Security

23 April 2012

Mesyuarat Lembaga

25 April 2012

Mesyuarat Khas Panel Pelaburan

26 April 2012



Lawatan NIPA ke KWAP

27 April 2012



Peraduan Bacaan Sajak Dana Yang Berkat

30 April 2012



Majlis Pembukaan Prima Ekuiti (UK) Limited

Mei

9 Mei 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

10 Mei 2012



Ceramah Integriti oleh
YBhg. Dato' Dr. Mohd. Tap Salleh

11 Mei 2012

Siri Golden Hour Ke-48
CSR - Sambutan Hari Ibu

16-17 Mei 2012

CSR - Ceramah di UM

18 Mei 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan
Mesyuarat Lembaga

23-25 Mei 2012

Latihan Pemulihan Bencana

KALENDAR KORPORAT 2012

Jun

5 Jun 2012

CSR – Hari Alam Sekitar

8 Jun 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

12 Jun 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

15 Jun 2012

CSR - Sambutan Hari Bapa

16 - 17 Jun 2012

Program Membina Pasukan

18 Jun 2012

Lawatan Pengurusan ke Mah Sing

21 Jun 2012

Mesyuarat Lembaga

22 Jun 2012Siri *Golden Hour* ke-49**26 Jun 2012**

Sesi Minum Pagi bersama KPE

30 Jun 2012 - 1 Julai 2012

Program Membina Pasukan, The Saujana, Kuala Lumpur

Julai

5 Julai 2012

Pengumuman Kewangan 2012 oleh Menteri Kewangan II

6 Julai 2012

Sesi Video Pengurusan

10 Julai 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

19 Julai 2012CSR - Kelas Dandanan Siri *Golden Hour* ke-50**20 Julai 2012**CSR - Acara Penutup Program *Fit & Fab*

KALENDAR KORPORAT 2012

Julai

24 Julai 2012



CSR - Kelas Jahitan Manik

26 Julai 2012

Mesyuarat Lembaga

27 Julai 2012



CSR - Jualan Borong

29 Julai 2012

Mesyuarat Lembaga

31 Julai 2012

CSR - Kelas Jahitan Manik

Ogos

1 Ogos 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

10 Ogos 2012

CSR - Pelancaran Program *Book Charity*

29 Ogos 2012



Majlis Sambutan Hari Raya

September

10 September 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

11 September 2012



20 September 2012

Mesyuarat Lembaga

21 September 2012

Siri *Golden Hour* ke-51

25 September 2012

Ceramah Kesihatan

Oktober

4 Oktober 2012



Ceramah Siri Kepimpinan oleh
Encik Norman Abdul Halim

8 Oktober 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan

11 Oktober 2012

Mesyuarat Lembaga



Upacara Makan Malam Perpisahan untuk
Pengerusi KWAP

17 Oktober 2012

Ceramah Pelaburan dan Kewangan Islam

24 Oktober 2012

Siri *Golden Hour* ke-52

30 Oktober 2012

Lawatan Pengurusan ke DRB-Hicom

KALENDAR KORPORAT 2012

November

23 - 26 November 2012

Latihan Pemulihan Bencana

26 November 2012

Mesyuarat Panel Pelaburan
Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan

28 November 2012

Mesyuarat Lembaga

29 November 2012



Ceramah Siri Kepimpinan oleh
YBhg. Dato' Sri Abdul Wahid Omar

Disember

5 Disember 2012

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

10 Disember 2012



Lawatan oleh NCSSF

14 Disember 2012



Sesi Pertukaran Hadiah

16 Disember 2012



Hari Menonton Wayang "The Hobbit"

18 Disember 2012



CSR - Lawatan kedua ke Rumah Orang Tua,
Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Selangor
kedua

Siri Golden Hour ke-52

Seksyen **IX**

PENYATA KEWANGAN

- 129** Laporan Ahli Lembaga
- 132** Pensijilan Ketua Audit Negara
- 133** Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga
- 134** Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2012
- 135** Lembaran Imbangan
- 136** Penyata Pendapatan
- 137** Penyata Perubahan Rizab
- 139** Penyata Aliran Tunai
- 141** Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

LAPORAN AHLI LEMBAGA

Dengan ini, Lembaga membentangkan laporan mereka bersertakan penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan. Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan kehendak seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP diperolehi dari peruntukan Kerajaan Persekutuan serta caruman pencek yang terdiri daripada caruman Badan Berkanun, Pihak Berkuasa dan Agensi Tempatan, penerimaan bahagian Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan lain-lain serta pendapatan pelaburan. Dana dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpaduan kepada Peruntukan Aset Strategik dan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Dana diuruskan bagi mencapai pulangan optimum ke atas pelaburan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencek Kerajaan.

RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN

	2012	
	RM Bilion	RM Bilion
	Kumpulan	KWAP
Pendapatan Bersih	5.91	5.69
Jumlah Kumpulan Dana	91.12	88.73

LEMBAGA

Nama Lembaga KWAP yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 ialah:

- Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah (Pengerusi Ogos – Sekarang)
- Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah (Pengerusi Januari – Ogos 2012)
- Datuk Idrus Bin Harun
- Dato' Muhammad Bin Ibrahim
- Dato' Siow Kim Lun
- Dato' Haji Omar Bin Haji Osman
- Dato' Azian Mohd Noh (ex-officio)
- Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan (bersara Jun 2012)
- Encik Cheah Teik Seng
- Dato' Yeow Chin Kiong
- Dato' Azmi Bin Abdullah (dilantik Ogos 2012)
- Dato' Mat Noor Bin Nawi (dilantik Disember 2012)

MANFAAT LEMBAGA

Sepanjang tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah KWAP yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada ganjaran Pengarah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh KWAP dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

LAPORAN AHLI LEMBAGA

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Selain daripada pindahan lebihan bersih ke dalam Rizab termasuk Rizab Tukaran Matawang Asing dan Rizab Penilaian Semula, tiada pindahan lain yang dibuat ke dalam atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyediaan Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan KWAP muktamad, Lembaga telah mengambil langkah untuk memastikan tindakan telah diambil berkenaan dengan penghapusan kira hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu. Pada tarikh laporan ini, Lembaga telah berpuas hati bahawa tiada hutang untuk dihapus kira atau hutang ragu yang memerlukan peruntukan yang ketara.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, Lembaga tiada pengetahuan mengenai sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada KWAP mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, Lembaga tiada pengetahuan mengenai sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan KWAP yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat Lembaga, hasil operasi KWAP bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau kejadian penting dan luar biasa. Sepanjang tempoh di antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi KWAP bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau kejadian penting dan luar biasa. Pada tarikh laporan ini, tiada berlaku sebarang caj ke atas aset KWAP yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana individu.

LIABILITI LUAR JANGKA

Sepanjang tahun kewangan, tiada kejadian berlaku yang memerlukan KWAP untuk membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan (MASB) 20 – Provision, Contingent Liabilities and Contingent Assets.

PENDEDAHAN TERHADAP KERUGIAN DARIPADA PASARAN DAN TUKARAN MATAWANG ASING

Sepanjang tahun kewangan, KWAP terdedah kepada ketidaktentuan pasaran yang disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia dan kesan daripada krisis hutang Euro Zone. Jesteru itu, KWAP telah meningkatkan peruntukan rosot nilai pelaburan terutama bagi pelaburan dalam saham tersiar harga yang dipegang oleh KWAP.


LAPORAN AHLI LEMBAGA**TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN**

Dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyata kewangan, Lembaga telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan berkenaan dengan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka untuk memastikan penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS) yang berkenaan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan KWAP pada 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

JURUAUDIT

Menurul Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), penyata kewangan KWAP telah diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga mengikut resolusi Lembaga.



Dato' Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah
Pengerusi Lembaga



Encik Cheah Teik Seng
Pengerusi Jawatankuasa Audit

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

A handwritten signature in black ink.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
7 MAC 2013



PENYATA PENGERUSI

DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Kami, **Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah** dan **Cheah Teik Seng** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadanan), Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpanduan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS), iaitu Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Nama : **Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah**
 Gelaran : Pengerusi Lembaga
 Tarik : 28 February 2013
 Tempat : Putrajaya

Bagi pihak Lembaga,

Nama : **Cheah Teik Seng**
 Gelaran : Ahli Lembaga
 Tarik : 28 February 2013
 Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN 2012 KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Saya, **Dato' Azian Binti Mohd Noh**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan di halaman 136 hingga 163 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkunun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan
pada 28 Februari 2013



Di hadapan saya,



Level 16, Menara Tokio Marine Life,
189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	Kumpulan 2012 (RM'000)	2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Aset Bukan Semasa					
Hartanah Dan Peralatan	4	1,948,728	1,005,923	7,554	9,149
Pelaburan	5	78,018,936	60,245,451	78,018,936	60,245,451
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	1,368,896	770,967
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	7	2,421,852	2,354,367	16,670	16,670
		82,389,516	63,605,741	79,412,056	61,042,237
Aset Semasa					
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	8	-	-	628,923	251,176
Penghutang Perniagaan	9	908,267	878,684	911,982	891,470
Penghutang Pelbagai	10	146,618	142,912	147,245	142,867
Deposit Dan Prabayar	11	24,383	32,260	22,611	31,875
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	12	7,987,914	17,022,440	7,916,539	16,970,903
		9,067,182	18,076,296	9,627,300	18,288,291
Liabiliti Semasa					
Pembiayaan Perniagaan	13	288,614	391,833	285,326	384,053
Pembiayaan Pelbagai	14	22,314	1,811	1,787	455
Perbelanjaan Terakru	15	30,134	26,159	24,007	19,789
		341,062	419,803	311,120	404,297
Aset Semasa Bersih					
		8,726,120	17,656,493	9,316,180	17,883,994
		91,115,636	81,262,234	88,728,236	78,926,231
Dibiayai Oleh:					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	16	21,101,944	19,601,944	21,101,944	19,601,944
Caruman Pencen	17	35,110,224	32,438,170	35,110,224	32,438,170
Pendapatan Tertunda	18	360	1,094	360	1,094
Rizab		34,900,743	29,221,026	32,515,708	26,885,023
		91,113,271	81,262,234	88,728,236	78,926,231
Liabiliti Bukan Semasa					
Insentif Pajakan		2,365	-	-	-
		91,115,636	81,262,234	88,728,236	78,926,231

Nota di mukasurat 141 hingga 163 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	Kumpulan 2012 (RM'000)	2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Pendapatan Pelaburan Kasar Elaun Rosot Nilai Pelaburan Dicatat Semula / (Elaun Rosot Nilai)	19	5,659,322 2,209	4,634,062 (321,091)	5,752,664 2,209	4,663,551 (321,091)
Pendapatan Pelaburan Bersih		5,661,531	4,312,971	5,754,873	4,342,460
Pendapatan Bukan Pelaburan		3,101	1,611	1,427	887
		5,664,632	4,314,582	5,756,300	4,343,347
Perbelanjaan Operasi	20	(138,199)	(65,777)	(62,821)	(43,772)
Pendapatan Operasi		5,526,433	4,248,805	5,693,479	4,299,575
Bahagian Keuntungan Selepas Cukai Dalam Syarikat Bersekutu Yang Diperakaunkan Secara Ekuiti	7	385,311	565,296	-	-
Pendapatan Bersih		5,911,744	4,814,101	5,693,479	4,299,575

Nota di mukasurat 141 hingga 163 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN RIZAB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBES 2012

	Lebihan Terkumpul (RM'000)	Rizab Tukaran Matawang Asing (RM'000)	Rizab Penilaian Semula (RM'000)	Kumpulan Kepentingan Minoriti (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2011	23,948,398	(6,020)	829,939	-	24,772,317
Pelarasan Tahun Sebelum	(7,215)	-	-	-	(7,215)
Baki Dibawa Ke Hadapan Dinyatakan Semula	23,941,183	(6,020)	829,939	-	24,765,102
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	4,814,101	-	-	-	4,814,101
Agihan Tahun Semasa	(648)	-	-	-	(648)
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	(452,086)	-	(452,086)
Keuntungan Atas Tukaran Matawang Asing	-	92,878	-	-	92,878
Rizab Atas Penyatuan Syarikat Bersekutu	-	-	-	1,679	1,679
Baki Pada 31 Disember 2011	28,754,636	86,858	377,853	1,679	29,221,026
Baki Pada 1 Januari 2012	28,754,636	86,858	377,853	1,679	29,221,026
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	5,911,744	-	-	-	5,911,744
Agihan Tahun Semasa	(1,390)	-	-	-	(1,390)
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	(171,048)	-	(171,048)
Kerugian Atas Tukaran Matawang Asing	-	(64,517)	-	-	(64,517)
Rizab Atas Penyatuan Syarikat Bersekutu	-	-	-	4,928	4,928
Baki Pada 31 Disember 2012	34,664,990	22,341	206,805	6,607	34,900,743

PENYATA PERUBAHAN RIZAB (SAMBUNGAN)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	KWAP		
	Lebihan Terkumpul (RM'000)	Rizab Tukaran Matawang Asing (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2011	22,498,545	(6,018)	22,492,527
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	4,299,575	-	4,299,575
Keuntungan Atas Tukaran Matawang Asing	-	92,921	92,921
Baki Pada 31 Disember 2011	26,798,120	86,903	26,885,023
Baki Pada 1 Januari 2012	26,798,120	86,903	26,885,023
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	5,693,479	-	5,693,479
Kerugian Atas Tukaran Matawang Asing	-	(62,794)	(62,794)
Baki Pada 31 Disember 2012	32,491,599	24,109	32,515,708

Nota di mukasurat 141 hingga 163 merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Nota	Kumpulan		KWAP	
	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Terimaan Tunai Dari Pelanggan Dan Pekerja	1,406	2,893	732	1,796
Bayaran Tunai Kepada Pembekal Dan Pekerja	(128,148)	(33,136)	(47,663)	(32,001)
Wang Tunai (Diguna) Untuk Aktiviti Operasi	(126,742)	(30,243)	(46,931)	(30,205)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
Pendapatan Diterima				
Jualan Saham	19,555,654	13,083,611	19,551,037	13,083,611
Dividen Pasaran Saham	856,969	754,484	856,969	754,484
Tuntutan Cukai Atas Dividen	62,362	1,726	62,362	1,726
Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti	388,092	228,867	388,092	228,867
Pendapatan Pengurus Dana Bon	70,698	32,746	70,698	32,746
Bayaran Balik Pinjaman	1,068,648	2,692,657	1,068,648	2,692,657
Jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia	25,974,740	31,164,229	25,974,740	31,164,229
Faedah Pinjaman	425,624	378,255	425,624	378,255
Jualan Sekuriti Hutang Persendirian	1,170,252	3,785,952	1,170,252	3,785,952
Faedah Sekuriti Hutang Persendirian	621,121	571,152	621,121	571,152
Faedah Simpanan Tetap	257,552	311,076	257,552	311,076
Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek	145,263	150,057	145,263	150,057
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	990,629	900,178	990,629	900,178
Faedah Akaun Semasa Pasaran Wang	579	431	579	431
Faedah Akaun Semasa Bank	1,754	18	23	18
Pulangan Modal Dana Ekuiti Persendirian	8,862	25,596	8,862	25,596
Pendapatan Dana Ekuiti Persendirian	19,948	12,408	19,948	12,408
Sewa Hartanah	111,457	48,799	-	-
Jualan Saham Syarikat Subsidiari	-	-	386,976	251,207
Agihan Daripada Syarikat Subsidiari	-	-	781	-
Dividen Daripada Syarikat Bersekutu	150,028	50,009	150,028	50,009
Faedah Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	58,775	-

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Nota	Kumpulan		KWAP	
	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Pengeluaran				
Saham Tersiar Harga	(21,536,950)	(18,199,300)	(21,532,821)	(18,199,300)
Pengurus Dana	(624,072)	(1,820,452)	(624,072)	(1,820,452)
Yuran Pengurus Dana	(19,850)	(9,369)	(19,850)	(9,369)
Yuran Kustodian	-	(1,191)	-	(1,191)
Pinjaman	(3,819,796)	(2,474,215)	(3,819,796)	(2,474,215)
Sekuriti Kerajaan Malaysia	(30,739,662)	(33,107,642)	(30,739,662)	(33,107,642)
Bon	(7,048,691)	(2,861,608)	(7,048,691)	(2,861,608)
Pendahuluan Sekuriti Kerajaan Malaysia	(253,585)	(241,599)	(253,585)	(241,599)
Dana Ekuuiti Persendirian	(13,869)	(133,196)	(13,869)	(133,196)
Pembelian Aset Tetap	(932,793)	(654,368)	(780)	(2,634)
Perbelanjaan Berkaitan Hartanah	(4,321)	(5,812)	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	-	-	(981,975)	(623,026)
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	(386,976)	(251,207)
Pendahuluan Bon Antarabangsa	(6,346)	-	(6,346)	-
Wang Tunai Bersih (Diguna) Untuk Aktiviti Pelaburan	(13,119,703)	(5,316,501)	(13,219,464)	(5,330,780)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Terimaan Peruntukan Wang Terkanun	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Terimaan Caruman Pencen	2,681,447	2,531,532	2,681,447	2,531,532
Bayaran Balik Caruman Pencen	(9,393)	(13,205)	(9,393)	(13,205)
Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	4,172,054	4,018,327	4,172,054	4,018,327
(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai				
Kesan Perubahan Dalam Matawang Asing	39,865	11,308	39,977	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	17,022,440	18,339,549	16,970,903	18,313,561
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	7,987,914	17,022,440	7,916,539	16,970,903

12

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT UMUM

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan kehendak seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP diperolehi dari peruntukan Kerajaan Persekutuan serta caruman pence yang terdiri daripada caruman Badan Berkanun, Pihak Berkua dan Agensi Tempatan, penerimaan bahagian Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan lain-lain serta pendapatan pelaburan. Dana dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik dan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Dana diuruskan bagi mencapai pulangan optimum ke atas pelaburan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pence Kerajaan.

KWAP adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP adalah Aras 4, 5, 6 & 8, Menara Yayasan Tun Razak, 200 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

Penyata Kewangan KWAP bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diluluskan oleh Lembaga pada 28 Februari 2013.

2. OBJKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

KWAP terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai serta risiko matawang. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan untuk memberi pulangan optimum kepada KWAP.

2.1 Risiko Pasaran

Punca utama risiko pasaran bagi aktiviti pelaburan KWAP adalah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko keuntungan kredit. Pengukur utama risiko pasaran yang digunakan oleh KWAP adalah Risiko-pada-Nilai (VaR). VaR adalah kemungkinan kerugian paling besar yang boleh berlaku pada kadar kebarangkalian 5% dalam tempoh 10 hari dagangan.

2.2 Risiko Kredit

KWAP memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan membuat pemantauan berterusan terhadap kedudukan kewangan dan prestasi kredit pihak berkaitan.

2.3 Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

KWAP mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi pada bila-bila masa dan menyediakan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen bagi perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

2.4 Risiko Matawang

Pendedahan terhadap risiko kadar pertukaran matawang asing semakin meningkat disebabkan oleh peningkatan pelaburan antarabangsa KWAP. Langkah pengawalan utama telah dilaksanakan untuk memastikan pengurusan risiko matawang yang berkesan dan di dalam tahap toleransi KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah sejajar dengan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) mengikut Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS) yang diluluskan bagi entiti entiti persendirian di Malaysia.

Penyata kewangan merangkumi aktiviti-aktiviti berkenaan dengan pentadbiran Dana KWAP di dalam dan luar negeri.

Persembahan penyata kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua angka dibundarkan kepada ribuan Ringgit Malaysia terhampir, selain dinyatakan sebaliknya.

3.2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN

3.2.1 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari ialah entiti di mana KWAP mempunyai kuasa kawalan atas dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi faedah daripada aktiviti-aktivitinya, secara dasarnya melalui pegangan melebihi 50 peratus hak mengundi. Pelaburan dalam KWAP Managed Investment Trust (Australia), Prima Ekuiti (UK) Limited dan Prima Harta (Jersey) Unit Trust adalah dikategorikan sebagai pelaburan dalam syarikat subsidiari selaras dengan definisi ini.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan dalam penyata kewangan menurut kaedah kos sejarah dengan MASB 11. Kos luaran yang menyumbang secara terus ke atas pengambilalihan syarikat subsidiari dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan. Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh kawalan diambilalih oleh KWAP dan diasangkan dari tarikh kawalan luput.

Pelaburan saham tidak tersiar harga di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh diperoleh yang mengambil kira kerugian terjejas dalam tahun yang berkaitan, jika ada. Polisi berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran rugi terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.4.

Penyata Kewangan digabungkan adalah termasuk Penyata Kewangan KWAP dan syarikat subsidiari. Segala urusniaga dan baki yang material di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan dilupuskan dan Penyata Kewangan gabungan hanya menggambarkan urusniaga luaran kumpulan.

3.2.2 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana KWAP mempunyai pengaruh ketara, tetapi bukan kawalan, secara dasarnya, serta mempunyai pegangan ekuiti jangka panjang dan hak mengundi di antara 20 peratus hingga 50 peratus. Pengaruh ketara ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan kewangan dan polisi operasi dalam syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut. Pelaburan dalam ValueCap Sdn. Bhd. adalah dikategorikan sebagai pelaburan dalam syarikat bersekutu selaras dengan definisi ini.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam Penyata Kewangan menurut kaedah ekuiti sejarah dengan MASB 12.

Pelaburan saham tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh diperoleh yang mengambil kira rugi terjejas dalam tahun yang berkaitan, jika ada. Polisi berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran rugi terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.4.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2012

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 HARTANAH DAN PERALATAN

3.3.1 Pengiktirafan Dan Nilaian

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susutnilai dan penjejasan nilai aset terkumpul, sekiranya ada.

Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset tersebut dan lain-lain kos yang terlibat secara langsung dalam membawa aset kepada keadaan sedia guna bagi tujuan kegunaan aset tersebut dan kos-kos meroboh, memindah dan mengembalikan keadaan asal tempat di mana aset itu berada.

3.3.2 Kerugian Penjejasan

Polisi untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi seperti dinyatakan di Nota 3.4.

3.3.3 Kos Selepasnya

Kos untuk menggantikan sebahagian daripada item hartanah atau peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa item tersebut jika ianya berkebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan diterima oleh KWAP dan kosnya boleh dinilai dengan yakin. Nilai dibawa bahagian yang diganti tersebut akan dikeluarkan. Kos penyenggaraan harian hartaanah dan peralatan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sebaik ianya ditanggung.

3.3.4 Susutnilai

Kerja dalam kemajuan dan lukisan tidak disusutnilaikan. Susutnilai dinyatakan menurut kaedah garis lurus kecuali pelaburan dalam aset hartanah yang dikategorikan sebagai kumpulan nilai rendah di mana susutnilai dinyatakan berdasarkan kepada kaedah baki berkurangan. Susutnilai dikira untuk mengurangkan kos aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut.

Kadar susutnilai hartanah dan peralatan adalah seperti berikut:

(a) Pelaburan Hartanah	2.50% setahun
(b) Pelaburan Hartanah – Kumpulan Nilai Rendah	18.75% pada tahun pertama dan 37.50% setahun berikutnya
(c) Ubahsuai Pejabat	16.67% setahun
(d) Perabot	15.00% setahun
(e) Peralatan Pejabat	15.00% setahun
(f) Komputer	20.00% setahun
(g) Perisian Komputer	20.00% setahun
(h) Kenderaan	20.00% setahun

Nilai baki bersih, usia penggunaan dan kaedah susutnilai aset disemak semula dan diselaraskan pada setiap tarikh Lembaran Imbalan untuk memastikan keseragaman, kaedah dan tempoh susutnilai dengan anggaran sebelumnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

3.3.5 Pelupusan

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atas pelupusan dengan nilai dibawa aset adalah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

3.4 PENJEJASAN ASET

Aset yang tidak mempunyai usia guna adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi. Jika jelas terdapat tanda-tanda penjejasan aset, nilai aset boleh direalisasi dianggarkan untuk menentukan amaan kerugian penjejasan.

Kerugian terjejas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna. Jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaan yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan rugi terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambilkira ke akaun Lebihan Penilaian Semula di Lembaran Imbangan.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

3.5 PELABURAN

Pelaburan utama KWAP terdiri daripada pelaburan dalam Saham Tersiar Harga, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sekuriti Hutang Persendirian, Pinjaman dan Dana Ekuiti Persendirian.

3.5.1 Saham Tersiar Harga

Butir terperinci perakaunan dan pengiktirafan Saham Tersiar Harga adalah seperti berikut:

(a) Pendedahan Nilai Pelaburan Saham Tersiar Harga Di Penyata Kewangan

Pelaburan Saham Tersiar Harga hendaklah didehdahkan di Penyata Kewangan pada nilai kos atau nilai pasaran, mana yang terendah, pada akhir tahun kewangan. Nilai kos ditentukan berdasarkan harga belian bersih saham. Manakala nilai pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada tarikh Lembaran Imbangan.

(b) Penentuan Elaun Rosot Nilai

Pengiraan elaun rosot nilai belum direalisasi dikira berdasarkan portfolio secara individu dan diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan sebanyak 100% atas kos atau harga pasaran, mana yang terendah, pada tarikh berakhir sesuatu tempoh kewangan berdasarkan IAS 25. Nilai buku saham tersiar harga akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun rosot nilai. Sekiranya dalam tahun berikutnya saham tersebut telah dijual atau harga pasaran saham lebih tinggi daripada kos, maka kerugian belum direalisasi tersebut akan diselaraskan sebagai pendapatan di Penyata Pendapatan dengan amaan pelarasan terhad kepada baki elaun rosot nilai yang telah diperuntukkan sebelumnya.

(c) Perakaunan Jualan Pelaburan Saham Tersiar Harga

Apabila terdapat jualan dalam pelaburan Saham Tersiar Harga, perbezaan di antara nilai perolehan bersih atas jualan dan nilai dibawa pelaburan adalah dicaj atau dikreditkan dalam Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 PELABURAN (sambungan)

3.5.2 Sekuriti Kerajaan Malaysia

Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang didapati dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan penambahan diskaun daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

3.5.3 Sekuriti Hutang Persendirian

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Persendirian seperti Bon dan Nota Jangka Sederhana dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan penambahan diskaun daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

3.5.4 Pinjaman

Pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, perbadanan korporat dan syarikat yang diluluskan dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang dinyatakan pada nilai par hingga tarikh matang.

3.5.5 Dana Ekuiti Persendirian

Pelaburan dalam Dana Ekuiti Persendirian dinyatakan pada kos tolak pemulangan modal. Peruntukan elauan rosot nilai ditentukan sebanyak 100% atas kos atau harga saksama, mana yang terendah, di peringkat dana secara individu. Nilai buku dana ekuiti persendirian akan dikurangkan melalui penggunaan peruntukan elauan rosot nilai.

3.6 MATA WANG ASING

3.6.1 Mata Wang Fungsian Dan Persembahan

Penyata Kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana KWAP beroperasi (mata wang fungsian).

3.6.2 Pertukaran Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran ketika tarikh urus niaga. Item kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan dengan menggunakan kadar pertukaran penutup pada tarikh Lembaran Imbangan. KWAP akan menguruskan pendedahan terhadap matawang asing secara proaktif.

Perbezaan kadar pertukaran mata wang berikutkan penjelasan item kewangan dan terjemahan item kewangan pada tarikh Lembaran Imbangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Perbezaan kadar pertukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam ekuiti jika untung atau rugi item bukan mata wang diiktiraf dalam ekuiti. Manakala perbezaan kadar pertukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan jika untung atau rugi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 MATA WANG ASING (sambungan)

3.6.3 Syarikat Dalam Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan KWAP dan syarikat subsidiari dengan matawang fungsian yang berbeza dengan matawang persembahan adalah diterjemahkan kepada matawang persembahan seperti berikut:

- (a) Aset dan liabiliti bagi setiap Lembaran Imbangan yang dipersembahkan diterjemahkan pada kadar tukaran matawang penutup pada tarikh Lembaran Imbangan;
- (b) Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan diterjemahkan pada kadar pertukaran purata; dan
- (c) Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf sebagai komponen berasingan dalam ekuiti.

3.7 PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN

KWAP menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

3.8 CARUMAN PENCEN

Caruman pencen diambilkira apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Agensi serta syer Kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008. Denda atas caruman lewat bayar diambilkira dan diakaunkan atas terimaan tunai.

3.9 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan dan perbelanjaan diambilkira berdasarkan prinsip akruan.

3.10 CUKAI

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan ke atas pendapatannya di bawah seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik. Semua punca pendapatan antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara terbabit.

3.11 SEWA KEWANGAN

Sewa kewangan diklasifikasikan sebagai sewa di mana KWAP adalah penyewa yang menanggung hampir keseluruhan risiko dan pemilikan. Aset yang diperolehi di bawah perjanjian sewa kewangan dipermudahkan pada kos belian dan disusutnilaikan pada asas yang sama seperti aset yang telah dimiliki. Jumlah amaun yang tertunggak di bawah perjanjian sewa kewangan telah diklasifikasikan sebagai pembiutang sewa kewangan di Lembaran Imbangan.

3.12 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki bank dan wang tunai, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh kematangan dalam tempoh 1 tahun dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.13 MANFAAT PEKERJA

3.13.1 Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial serta manfaat-manfaat lain seperti faedah perubatan diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana pekerja KWAP menyumbang perkhidmatan mereka.

3.13.2 Pelan Caruman Wajib

Sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, KWAP mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pekerjanya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan apabila dimasukira.

3.14 GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan berkaitan dengan aset diklasifikasikan dalam ekuiti sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan ke Penyata Pendapatan secara bulanan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut sejajar dengan kehendak piawaian perakaunan MASB 31.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

4. HARTANAH DAN PERALATAN

KUMPULAN	Tanah & Bangunan (RM'000)	Ubahsuai Pejabat (RM'000)	Perabot (RM'000)	Peralatan Pejabat (RM'000)	Komputer (RM'000)	Perisian Komputer (RM'000)	Kenderaan (RM'000)	Kerja Dalam Kemajuan (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Kos									
Pada 1 Januari 2012	1,011,142	4,267	2,323	1,040	3,115	2,969	310	2,787	1,027,953
Penambahan	977,566	421	123	562	624	966	-	659	980,921
Pelarasan / Pelupusan	-	-	(41)	(149)	(44)	(110)	-	(2,369)	(2,713)
Pada 31 Disember 2012	1,988,708	4,688	2,405	1,453	3,695	3,825	310	1,077	2,006,161
Susutnilai Terkumpul									
Pada 1 Januari 2012	14,368	2,960	1,164	499	2,361	542	136	-	22,030
Caj Bagi Tahun Semasa	33,166	719	304	162	491	626	43	-	35,511
Pelarasan / Pelupusan	-	-	-	(108)	-	-	-	-	(108)
Pada 31 Disember 2012	47,534	3,679	1,468	553	2,852	1,168	179	-	57,433
Nilai Dibawa									
Pada 31 Disember 2012	1,941,174	1,009	937	900	843	2,657	131	1,077	1,948,728
Kos									
Pada 1 Januari 2011	381,471	4,398	2,509	989	3,011	1,100	147	2,029	395,654
Penambahan	629,671	171	311	145	138	1,935	163	1,208	633,742
Pelarasan / Pelupusan	-	(302)	(497)	(94)	(34)	(66)	-	(450)	(1,443)
Pada 31 Disember 2011	1,011,142	4,267	2,323	1,040	3,115	2,969	310	2,787	1,027,953
Susutnilai Terkumpul									
Pada 1 Januari 2011	1,564	2,265	885	353	1,757	301	107	-	7,232
Caj Bagi Tahun Semasa	12,700	695	279	146	607	241	29	-	14,697
Pelarasan / Pelupusan	104	-	-	-	(3)	-	-	-	101
Pada 31 Disember 2011	14,368	2,960	1,164	499	2,361	542	136	-	22,030
Nilai Dibawa									
Pada 31 Disember 2011	996,774	1,307	1,159	541	754	2,427	174	2,787	1,005,923

Tanah dan bangunan adalah Pelaburan Hartanah oleh KWAP MIT dan Prima Harta (Jersey) Unit Trust. Pelaburan Hartanah oleh KWAP MIT adalah pelaburan dalam sub amanah iaitu 737 Bourke Street Trust dan Bridge Street Trust. Caj susutnilai terkumpul tanah dan bangunan bagi KWAP MIT adalah 2.50% setahun pada asas garis lurus bagi tanah serta 18.75% pada tahun pertama dan 37.50% setahun selepasnya pada kaedah baki berkurangan bagi bangunan. Pelaburan Hartanah oleh Prima Harta (Jersey) Unit Trust adalah pelaburan dalam sub amanah iaitu 10 Gresham Street Unit Trust. Caj susutnilai terkumpul tanah dan bangunan bagi Prima Harta (Jersey) Unit Trust adalah 2.50% setahun pada asas garis lurus.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2012

4. HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

KWAP	Ubahsuai Pejabat (RM'000)	Perabot (RM'000)	Peralatan Pejabat (RM'000)	Komputer (RM'000)	Perisian Komputer (RM'000)	Kenderaan (RM'000)	Dalam Kemajuan (RM'000)	Kerja Jumlah (RM'000)
Kos								
Pada 1 Januari 2012	4,267	2,323	1,040	3,115	2,969	310	2,787	16,811
Penambahan	421	123	562	624	966	-	659	3,355
Pelarasan / Pelupusan	-	(41)	(149)	(44)	(110)	-	(2,369)	(2,713)
Pada 31 Disember 2012	4,688	2,405	1,453	3,695	3,825	310	1,077	17,453
Susutnilai Terkumpul								
Pada 1 Januari 2012	2,960	1,164	499	2,361	542	136	-	7,662
Caj Bagi Tahun Semasa	719	304	162	491	626	43	-	2,345
Pelarasan / Pelupusan	-	-	(108)	-	-	-	-	(108)
Pada 31 Disember 2012	3,679	1,468	553	2,852	1,168	179	-	9,899
Nilai Dibawa								
Pada 31 Disember 2012	1,009	937	900	843	2,657	131	1,077	7,554
Kos								
Pada 1 Januari 2011	4,398	2,509	989	3,011	1,100	147	2,029	14,183
Penambahan	171	311	145	138	1,935	163	1,208	4,071
Pelarasan / Pelupusan	(302)	(497)	(94)	(34)	(66)	-	(450)	(1,443)
Pada 31 Disember 2011	4,267	2,323	1,040	3,115	2,969	310	2,787	16,811
Susutnilai Terkumpul								
Pada 1 Januari 2011	2,265	885	353	1,757	301	107	-	5,668
Caj Bagi Tahun Semasa	695	279	146	607	241	29	-	1,997
Pelarasan / Pelupusan	-	-	-	(3)	-	-	-	(3)
Pada 31 Disember 2011	2,960	1,164	499	2,361	542	136	-	7,662
Nilai Dibawa								
Pada 31 Disember 2011	1,307	1,159	541	754	2,427	174	2,787	9,149

Termasuk dalam nilai dibawa komputer pada 31 Disember 2012 adalah amaun berjumlah RM264 (2011 : RM96,080) berkaitan sewa kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

5. PELABURAN

KUMPULAN DAN KWAP	2012		2011	
	Kos / Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Kos / Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)
Saham Tersiar Harga Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan	28,604,958 (460,947)	27,890,076	24,560,738 (497,971)	24,712,805
	28,144,011		24,062,767	
Saham Tidak Tersiar Harga	393,136		393,136	
Sekuriti Kerajaan Malaysia (Pelunasan Premium)	22,999,345 (72,729)	20,661,174	18,389,605 (61,042)	16,783,463
	22,926,616		18,328,563	
Sekuriti Hutang Persendirian Penambahan Diskaun	16,055,086 (7,334)	17,569,508	9,613,555 66,271	12,045,374
	16,047,752		9,679,826	
Penyertaan Dalam Dana Ekuiti Persendirian Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan	254,739 (31,717)		247,909	
	223,022		247,909	
Pinjaman	10,284,399		7,533,250	
	78,018,936		60,245,451	

Struktur kematangan kasar bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Hutang Persendirian (tidak termasuk Pengurus Dana Bon Luar) adalah seperti berikut:

KUMPULAN DAN KWAP	2012		2011	
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 bulan		1,054,769		1,388,362
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 bulan		36,157,962		24,942,798
		37,212,731		26,331,160

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2012

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Ringkasan pelaburan dalam syarikat subsidiari:

	Nota	KWAP	
		2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
KWAP Managed Investment Trust (MIT)	6.1	379,301	770,967
Prima Ekuiti (UK) Limited	6.2	247	-
Prima Harta (Jersey) Unit Trust	6.3	989,348	-
		1,368,896	770,967

6.1 PELABURAN DALAM KWAP MANAGED INVESTMENT TRUST (MIT)

	Nota	KWAP	
		2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Unit Pegangan			
Pada Kos:			
Pada 1 Januari		770,967	375,355
Tambah : Langganan Unit Tambahan		-	623,026
Tolak : Pengeluaran Pinjaman	8	(386,976)	(251,207)
Perbezaan Pertukaran Matawang Asing		383,991	747,174
Pada 31 Disember		(4,690)	23,793
		379,301	770,967

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

6.1 PELABURAN DALAM KWAP MANAGED INVESTMENT TRUST (MIT) (sambungan)

Butiran pelaburan dalam KWAP Managed Investment Trust (MIT) adalah seperti berikut:

Nama	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif		Kegiatan Utama
		2012 %	2011 %	
KWAP Managed Investment Trust (KWAP MIT)*	Australia	100	100	Pengurusan Amanah Pelaburan
Amanah Pelaburan Oleh KWAP MIT				
737 Bourke Street Trust*	Australia	100	100	Penyewaan Hartanah
Bridge Street Trust*	Australia	100	100	Penyewaan Hartanah

* Tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia

KWAP telah membuat pelaburan awal di dalam KWAP MIT pada 4 November 2010 di mana kegiatan utama KWAP MIT adalah pengurusan amanah pelaburan. Jumlah unit pegangan KWAP di dalam KWAP MIT pada 1 Januari 2012 adalah 239,416,000 unit pada AUD1.00 seunit dan jumlah unit pegangan KWAP MIT di dalam 737 Bourke Street Trust dan Bridge Street Trust adalah 120,538,000 unit pada AUD1.00 seunit dan 196,878,000 unit pada AUD1.00 seunit. Pada 22 Februari 2012 KWAP telah mengurangkan unit pegangan di dalam KWAP MIT melalui pinjaman kedua kepada KWAP MIT sebanyak AUD120,000,000. Pada 31 Disember 2012, jumlah unit pegangan KWAP di dalam KWAP MIT adalah 119,416,000 pada AUD1.00 seunit dan jumlah unit pegangan KWAP MIT di dalam 737 Bourke Street Trust dan Bridge Street Trust adalah 120,538,000 pada AUD1.00 seunit dan 196,878,000 pada AUD1.00 seunit.

6.2 PELABURAN DALAM PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

	KWAP 2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Unit Pegangan		
Pada Kos:		
Pada 1 Januari	-	-
Tambah : Langganan Saham Tambahan	242	-
Perbezaan Pertukaran Matawang Asing	242	-
Pada 31 Disember	247	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUGAN)

6.2 PELABURAN DALAM PRIMA EKUITI (UK) LIMITED (sambungan)

Butiran pelaburan dalam Prima Ekuiti (UK) Limited adalah seperti berikut:

Nama	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif		Kegiatan Utama
		2012 %	2011 %	
Prima Ekuiti (UK) Ltd. (Prima Ekuiti)*	United Kingdom	100	100	Perkhidmatan Pengurusan Dana

* Tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia

KWAP telah membuat pelaburan awal di dalam Prima Ekuiti (UK) Limited pada 6 Oktober 2011 sebanyak 2 unit saham biasa pada GBP1.00 seunit secara tunai. Kegiatan utama Prima Ekuiti (UK) Limited adalah pembekalan perkhidmatan pengurusan dana bagi pelaburan KWAP di dalam pasaran saham di United Kingdom. KWAP telah meningkatkan pelaburan dalam Prima Ekuiti pada 31 Januari 2012 sebanyak 49,998 unit saham biasa pada GBP1.00 seunit melalui suntikan modal. Jumlah pegangan saham KWAP dalam Prima Ekuiti pada 31 Disember 2012 adalah 50,000 unit saham biasa pada GBP1.00 seunit.

6.3 PELABURAN DALAM PRIMA HARTA (JERSEY) UNIT TRUST

	KWAP	
	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Unit Pegangan		
Pada Kos:		
Pada 20 Januari	-	-
Tambah : Langganan Unit Tambahan	981,734	-
Perbezaan Pertukaran Matawang Asing	981,734	-
Pada 31 Disember	989,348	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

6.3 PELABURAN DALAM PRIMA HARTA (JERSEY) UNIT TRUST (sambungan)

Butiran pelaburan dalam Prima Harta (Jersey) Unit Trust adalah seperti berikut:

Nama	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif		Kegiatan Utama
		2012 %	2011 %	
Prima Harta (Jersey) Unit Trust (Prima Harta)*	Jersey	100	-	Pengurusan Amanah Pelaburan
Amanah Pelaburan Oleh Prima Harta				
Prima Harta (Jersey) Ltd* 10 Gresham Street Unit Trust*	Jersey Jersey	100 100	100 100	Entiti Pegangan Penyewaan Hartanah

* Tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia

Pada 20 Januari 2012, KWAP telah membuat pelaburan dalam Prima Harta (Jersey) Unit Trust sebanyak 10 unit pada GBP1.00 seunit di mana kegiatan utama Prima Harta adalah pengurusan amanah pelaburan bagi pelaburan harta tanah KWAP di United Kingdom. KWAP telah meningkatkan pelaburan dalam Prima Harta pada 27 September 2012 dan 22 Oktober 2012 sebanyak 10,000,000 unit pada GBP1.00 seunit dan 190,100,000 unit pada GBP1.00 seunit melalui pelaburan Prima Harta di dalam pelaburan harta tanah 10 Gresham Street. Jumlah unit pegangan KWAP di dalam Prima Harta pada 31 Disember 2012 adalah 200,100,010 unit pada GBP1.00 seunit.

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Pada Kos:				
Saham Tidak Disenarai	16,670	16,670	16,670	16,670
Bahagian Keuntungan Selepas Pengambilalihan Dalam Syarikat Bersekutu	2,526,844	2,141,533	-	-
Bahagian Penilaian Semula Selepas Pengambilalihan Dalam Syarikat Bersekutu	206,806	377,853	-	-
Bahagian Kepentingan Bukan Kawalan Selepas Pengambilalihan Dalam Syarikat Bersekutu	4,928	1,679	-	-
Tolak: Dividen Yang Diterima	2,755,248 (333,396)	2,537,735 (183,368)	16,670	16,670
Bahagian Aset Bersih	2,421,852	2,354,367	16,670	16,670

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2012

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)**7.1 PERATUSAN PEGANGAN DAN KEWANGAN SYARIKAT BERSEKUTU**

Ringkasan maklumat kewangan untuk syarikat bersekutu, tidak diselaras untuk peratus milikan yang dipegang oleh Kumpulan:

2012	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif %	Kegiatan Utama	Hasil 100% (RM'000)	Pendapatan Bersih 100% (RM'000)	Jumlah Aset 100% (RM'000)	Jumlah Liabiliti 100% (RM'000)	
	Valuecap Sdn Bhd	Malaysia	33.34	Pelaburan dalam sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia	1,917,972	1,156,162	7,543,959	280,061
2011	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif %	Kegiatan Utama	Hasil 100% (RM'000)	Pendapatan Bersih 100% (RM'000)	Jumlah Aset 100% (RM'000)	Jumlah Liabiliti 100% (RM'000)	
	Valuecap Sdn Bhd	Malaysia	33.34	Pelaburan dalam sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia	2,318,376	1,695,614	12,252,715	5,190,941

8. PINJAMAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

	KUMPULAN		KWAP	
	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Pada Kos Pada 1 Januari	-	-	251,176	-
Tambahan: Pengeluaran Pinjaman	-	-	386,976	251,207
Kerugian Atas Pertukaran Wang Asing Belum Direalisasi	-	-	638,152	251,207
Pada 31 Disember	-	-	(9,229)	(31)
			628,923	251,176

Pinjaman kepada syarikat subsidiari dicatatkan dalam Dolar Australia (AUD), adalah tidak bercagar, tertakluk pada kadar faedah 8% setahun, tertakluk kepada kajian semula secara tahunan dan dibayar balik atas permintaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

9. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Jualan Saham	56,259	90,752	56,259	90,752
Pendapatan Dividen	5,395	6,743	5,395	7,534
Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti Luar	219,679	300,278	219,679	300,278
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	231,287	182,643	231,287	182,643
Pendapatan Pengurus Dana Bon Luar	79,788	61,910	79,788	61,910
Faedah Sekuriti Hutang Persendirian	162,487	62,126	162,487	62,126
Faedah Pinjaman	129,334	97,309	129,334	97,309
Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek	18,478	10,656	18,478	10,656
Faedah Simpanan Tetap	9,275	65,820	9,275	65,820
Faedah Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	-	12,442
Pendapatan Sewa Belum Diterima	(3,715)	447	-	-
	908,267	878,684	911,982	891,470

10. PENGHUTANG PELBAGAI

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Pendapatan	138,738	135,600	138,738	135,600
Tuntutan Pembayaran Balik Pelaburan*	7,254	7,254	7,254	7,254
Tuntutan Daripada Syarikat Subsidiari	-	-	1,240	-
Pelbagai	626	58	13	13
	146,618	142,912	147,245	142,867

* KWAP telah mendapat keputusan mahkamah ke atas sebuah firma pengurusan dana bagi tuntutan pembayaran balik pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2012

11. DEPOSIT DAN PRABAYAR

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Pendahuluan Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	14,425	29,513	14,425	29,513
Pendahuluan Faedah Sekuriti Hutang Persendirian	6,346	-	6,346	-
Pendahuluan Lain	26	209	26	594
Prabayar Pelbagai	335	278	335	278
Deposit Pelbagai*	1,697	1,490	1,479	1,490
Prabayar Berkaitan Dengan Hartanah:				
Insurans	-	36	-	-
Perbelanjaan Hartanah	1,554	734	-	-
	24,383	32,260	22,611	31,875

* Tiada liabiliti luar jangka untuk KWAP bagi tahun 2012 selain daripada deposit berkaitan tuntutan yuran perunding oleh sebuah firma guaman berjumlah RM1,346,625 (2011 : RM1,346,625).

12. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Baki Bank Dan Wang Tunai	572,612	72,635	572,612	21,097
Deposit Dengan Institusi Kewangan				
- Bank Perdagangan	2,996,499	10,766,534	2,996,499	10,766,535
- Bank Islam	1,587,868	2,804,532	1,587,868	2,804,532
- Bank Pembangunan	1,750,000	1,490,000	1,750,000	1,490,000
- Bank Pelaburan	960,000	1,888,739	960,000	1,888,739
Kertas Komersial	49,560	-	49,560	-
Baki Bank Dan Wang Tunai Syarikat Subsidiari	71,375	-	-	-
	7,987,914	17,022,440	7,916,539	16,970,903

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

13. PEMIUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Pengurus Dana	-	3	-	3
Broker Saham	285,326	384,050	285,326	384,050
Pemiutang Berkaitan Ekuiti Antarabangsa:				
Pemiutang Perniagaan	13	-	-	-
Pemiutang Berkaitan Hartanah:				
Pemiutang Perniagaan	1,099	121	-	-
Insentif Sewa	2,071	7,377	-	-
Pemulangan Kepada Penyewa	-	282	-	-
Pemasangan Hartanah	105	-	-	-
	288,614	391,833	285,326	384,053

14. PEMIUTANG PELBAGAI

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Sewa Terdahulu	12,400	-	-	-
Cukai Jualan Kerajaan Belum Bayar	1,370	-	-	-
Cukai Tambahan Nilai Belum Bayar	5,097	1,356	1,787	-
Lain-Lain	3,447	455	-	455
	22,314	1,811	1,787	455

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2012

15. PERBELANJAAN TERAKRU

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Peruntukan Bonus	12,400	8,000	12,400	8,000
Peruntukan Perkhidmatan	1,766	2,138	1,048	2,138
Peruntukan Yuran Pengurus Dana	9,889	9,438	9,889	9,438
Peruntukan Yuran Kustodian	670	213	670	213
Peruntukan Cukai	46	-	-	-
Perbelanjaan Berkaitan Hartanah:				
Kos Pembelian Hartanah	3,071	3,575	-	-
Kos Kajian Usaha Wajar	2,018	539	-	-
Perbelanjaan Lain	274	2,256	-	-
	30,134	26,159	24,007	19,789

16. PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERAKUN

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Pada 1 Januari	19,601,944	18,101,944	19,601,944	18,101,944
Tambah: Peruntukan Tahun Semasa	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Pada 31 Disember	21,101,944	19,601,944	21,101,944	19,601,944

17. CARUMAN PENCEN

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Caruman Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Agensi Lain	8,060,550	7,234,260	8,060,550	7,234,260
Caruman Syer Kerajaan, Ganjaran Dan Potongan Lain	27,049,674	25,203,910	27,049,674	25,203,910
	35,110,224	32,438,170	35,110,224	32,438,170

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

17. CARUMAN PENCEN (SAMBUNGAN)

17.1 Caruman Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan Dan Agensi Lain

KWAP menerima caruman bulanan bagi kakitangan yang bertaraf tetap dan berpencen daripada majikan seperti Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan Agensi. Caruman dibuat berdasarkan kadar 17.5% dari gaji hakiki bulanan kakitangan.

KUMPULAN DAN KWAP	Caruman Terkumpul 01/01/2012 (RM'000)	Terimaan 2012 (RM'000)	Baki 31/12/2012 (RM'000)	Caruman Terkumpul 01/01/2011 (RM'000)	Terimaan 2011 (RM'000)	Baki 31/12/2011 (RM'000)
Badan Berkanun	5,686,679	665,827	6,352,506	5,146,901	539,778	5,686,679
Pihak Berkua Tempatan	1,471,939	153,120	1,625,059	1,344,005	127,934	1,471,939
Agensi Lain	78,031	7,463	85,494	69,900	8,131	78,031
	7,236,649	826,410	8,063,059	6,560,806	675,843	7,236,649
Tolak:						
Tuntutan Bayaran Balik	(2,389)	(120)	(2,509)	(2,319)	(70)	(2,389)
	7,234,260	826,290	8,060,550	6,558,487	675,773	7,234,260

17.2 Caruman Daripada Syer Kerajaan

Berikut adalah caruman bahagian Kerajaan, ganjaran dan potongan lain yang diserahkan kepada KWAP apabila pegawai-pegawai awam membuat pengeluaran di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen:

KUMPULAN DAN KWAP	Caruman Terkumpul 01/01/2012 (RM'000)	Terimaan 2012 (RM'000)	Baki 31/12/2012 (RM'000)	Caruman Terkumpul 01/01/2011 (RM'000)	Terimaan 2011 (RM'000)	Baki 31/12/2011 (RM'000)
KWSP	19,969,481	1,443,007	21,412,488	18,512,832	1,456,649	19,969,481
KWSG	146,643	5	146,648	146,613	30	146,643
KWSG - Sabah	12,479	-	12,479	13,236	(757)	12,479
LTAT	4,299,120	366,599	4,665,719	3,956,755	342,365	4,299,120
SESCO	45,309	-	45,309	45,309	-	45,309
JPA	792,207	38,972	831,179	736,059	56,148	792,207
Lain-lain	30,575	6,455	37,030	29,321	1,254	30,575
	25,295,814	1,855,038	27,150,852	23,440,125	1,855,689	25,295,814
Tolak:						
Tuntutan Bayaran Balik	(91,904)	(9,274)	(101,178)	(78,769)	(13,135)	(91,904)
	25,203,910	1,845,764	27,049,674	23,361,356	1,842,554	25,203,910

KWSP adalah merujuk kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, KWSG merujuk kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru, LTAT merujuk kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera, SESCO merujuk kepada Sarawak Electricity Supply Corporation dan JPA merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2012

18. PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan tertunda adalah berkaitan dengan geran yang diterima daripada Kerajaan yang telah dibelanjakan untuk pembelian aset tetap.

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Pendapatan Tertunda	1,094	1,945	1,094	1,945
Tolak: Perlunasan Pendapatan Tertunda	(734)	(851)	(734)	(851)
Pendapatan Tertunda Selepas Pelunasan	360	1,094	360	1,094

19. PENDAPATAN PELABURAN KASAR

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Keuntungan Jualan Saham	1,748,095	1,090,911	1,748,095	1,090,911
Dividen Saham	845,442	753,841	995,470	804,643
Tuntutan Cukai Atas Dividen	65,500	72,421	65,500	72,421
Pendapatan Pengurus Dana Luar	396,243	361,859	396,243	361,859
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	874,394	765,130	874,394	765,130
Keuntungan Jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia	193,831	197,996	193,831	197,996
Keuntungan Jualan Sekuriti Hutang Persendirian	38,250	55,574	38,250	55,574
Faedah Sekuriti Hutang Persendirian	642,793	473,546	642,793	473,546
(Pelunasan Premium)	(59,507)	(23,310)	(59,507)	(23,310)
Pendapatan Dana Ekuiti Persendirian	21,518	13,516	21,518	13,516
Faedah Pinjaman	457,688	383,288	457,688	383,288
Faedah Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	45,875	12,321
Faedah Deposit	331,912	455,206	331,912	455,206
Faedah Dari Baki Bank	602	450	602	450
Pendapatan Sewa Hartanah	102,561	33,634	-	-
	5,659,322	4,634,062	5,752,664	4,663,551

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

20. PERBELANJAAN OPERASI

	KUMPULAN 2012 (RM'000)	KUMPULAN 2011 (RM'000)	KWAP 2012 (RM'000)	KWAP 2011 (RM'000)
Gaji Dan Elaun	27,753	18,977	26,881	18,977
Caruman KWSP	4,722	2,929	4,722	2,929
Caruman PERKESO	87	72	87	72
Perkhidmatan dan Bekalan	45,738	31,345	38,147	28,329
Bantuan Pengurusan	93	84	1,811	84
Susuthnilai Atas Hartanah Dan Peralatan	35,511	14,697	2,345	1,997
Kerugian Pelupusan Aset Tetap	32	-	32	-
(Keuntungan) Pertukaran Asing	(11,220)	(8,616)	(11,204)	(8,616)
Perbelanjaan Operasi Hartanah	20,812	6,289	-	-
Penjejasan Hartanah	14,671	-	-	-
	138,199	65,777	62,821	43,772

Bilangan pekerja KWAP pada 31 Disember 2012 adalah seramai 175 orang (2011 : 152 orang).

21. KOMITMEN MODAL

KUMPULAN DAN KWAP	2012 (RM'000)	2011 (RM'000)
Dikontrakkan	1,077	2,787
Kerja Dalam Kemajuan	(1,077)	(2,787)
Dikontrakkan Tetapi Belum Diperakaunkan Dalam Penyata Kewangan	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

22. ANGKA PERBANDINGAN

Beberapa angka perbandingan telah dinyatakan semula untuk menunjukkan perubahan dalam komposisi portfolio Sekuriti Hutang Persendirian, Sekuriti Kerajaan Malaysia serta baki Tunai dan Kesetaraan Tunai seperti berikut:

KUMPULAN DAN KWAP 2011

Nota 5 - Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia
(Pelunasan Premium)

	Seperti Dilaporkan Sebelum Ini (RM '000)	Seperti Dinyatakan Semula (RM '000)
	16,544,437 (74,502)	18,389,605 (61,042)
	<hr/>	<hr/>
	16,469,935	18,328,563

Sekuriti Hutang Persendirian
Penambahan Diskaun

	11,458,723	9,613,555
	79,731	66,271
	<hr/>	<hr/>
	11,538,454	9,679,826

Nota 9 - Penghutang Perniagaan

Sekuriti Kerajaan Malaysia
Sekuriti Hutang Persendirian

	198,534	231,287
	195,672	162,487

Nota 19 - Pendapatan Pelaburan Kasar

Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia
Faedah Sekuriti Hutang Persendirian
Keuntungan Jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia
Keuntungan Jualan Sekuriti Hutang Persendirian

	684,144	765,130
	554,532	473,546
	197,845	197,996
	55,725	55,574

KUMPULAN 2011

Nota 12 - Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Baki Bank dan Wang Tunai

72,494 72,635

Deposit Dengan Institusi Kewangan

- Bank Negara Malaysia

141 -

KWAP 2011

Nota 12 - Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Baki Bank dan Wang Tunai

20,956 21,097

Deposit Dengan Institusi Kewangan

- Bank Negara Malaysia

141 -

Seksyen X

LAMPIRAN

165 Glosari Istilah



GLOSARI ISTILAH

AC Jawatankuasa Audit <p>Jawatankuasa Audit adalah sebuah jawatankuasa peringkat Lembaga yang ditugaskan untuk mengawasi laporan dan pendedahan maklumat kewangan. Ahli-ahli jawatankuasa diambil dari kalangan Lembaga di mana seorang Pengerusi dipilih antara ahli-ahli jawatankuasa tersebut.</p>	BNM Bank Negara Malaysia <p>Bank Negara Malaysia atau BNM merupakan sebuah bank pusat bagi Malaysia. Ditubuhkan pada 26 Januari 1959 sebagai Bank Negara Tanah Melayu, matlamat utama bank ini adalah untuk mengeluarkan matawang, bertindak sebagai jurubank dan penasihat kepada Kerajaan Malaysia serta mengawal situasi kredit negara.</p>	DR Pemulihan Bencana <p>Pemulihan Bencana adalah proses, dasar dan prosedur berkaitan persiapan untuk pemulihan atau bencana penyambungan infrastruktur teknologi yang kirtikal kepada sesebuah organisasi selepas berlakunya bencana yang disebabkan oleh kesilapan manusia. Pemulihan bencana merupakan satu pecahan kecil dari BCM. Kesinambungan perniagaan melibatkan perancangan untuk memastikan semua aspek sesebuah organisasi kekal berfungsi semasa berlakunya bencana, manakala pemulihan bencana pula memfokus kepada IT atau sistem teknologi yang menyokong fungsi sesebuah organisasi.</p>
BCM Pengurusan Kesinambungan Perniagaan <p>Pengurusan Kesinambungan Perniagaan merupakan proses pengurusan yang mengenalpasti insiden yang berpotensi mengancam sesebuah operasi dan menyediakan satu rangka kerja untuk membina ketahanan dan keupayaan untuk bertindak balas secara berkesan demi menjaga kepentingan para pihak berkepentingan utamanya serta memastikan kesinambungan perniagaan selepas kejadian bencana yang dijangkakan.</p>	CCS Pertukaran Matawang Bersilang <p>Perjanjian antara dua pihak untuk menukar pembayaran faedah dan pokok daripada denominasi pinjaman dalam dua matawang berbeza.</p>	EM Pasaran Baharu <p>Pasaran Baharu merupakan negara-negara yang mempunyai aktiviti sosial dan perniagaan yang sedang mengalami proses pertumbuhan dan perindustrian yang pesat. Pada tahun 2010, terdapat lebih 40 pasaran baharu di dunia, di mana ekonomi India dan China merupakan ekonomi terbesar.</p>
BCP Pelan Kesinambungan Perniagaan <p>Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) merupakan natijah daripada proses BCM. Ia mentakrif bagaimana organisasi berkenaan akan bertindak balas semasa berlaku sesuatu krisis atau bencana.</p>	CRP Profil Risiko Korporat <p>Profil Risiko Korporat adalah alat laporan yang meringkaskan risiko utama yang dihadapi oleh sesebuah organisasi menurut tahap impak dan kebarangkalian ia berlaku.</p>	CSR Tanggungjawab Sosial Korporat <p>Tanggungjawab Sosial Korporat adalah satu bentuk usaha kesukarelawan korporat yang diintegrasikan ke dalam model perniagaan. CSR bermatlamat memastikan organisasi bertanggungjawab ke atas tindakannya, serta memberi impak positif melalui aktiviti melibatkan alam sekitar, kakitangan, masyarakat, pihak berkepentingan dan golongan awam.</p>
		ERM Pengurusan Risiko Menyeluruh <p>Pengurusan Risiko Menyeluruh (ERM) dalam organisasi meliputi kaedah dan proses yang digunakan oleh organisasi untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko berkaitan organisasi dan matlamatnya.</p>

GLOSARI ISTILAH

GCSP Penyedia Perkhidmatan Kustodian Global Penyedia Perkhidmatan Kustodian Global, biasanya sebuah bank atau institusi kewangan bukan bank, memproses dagangan sekuriti merentas sempadan, menyimpan asset kewangan serta menyediakan perkhidmatan portfolio berkaitan.	ICP Pelan Komunikasi Insiden Pelan Komunikasi Insiden dirangka untuk menyediakan satu pelan komunikasi yang tersusun bagi sesebuah organisasi apabila berhadapan dengan krisis atau insiden di mana masa dan sumber adalah terhad. Ia berfungsi sebagai panduan untuk dituruti semasa krisis atau insiden bagi memastikan maklumat penting disampaikan kepada pihak-pihak berkaitan dengan efisyen, berkesan serta tepat pada masanya.	IFIMS Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu
HR Sumber Manusia Sumber Manusia juga merupakan nama fungsi di dalam organisasi yang ditugaskan bagi menggalas keseluruhan tanggungjawab untuk melaksanakan strategi dan dasar berkaitan pengurusan kakitangan.	ICT Teknologi Maklumat dan Komunikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi meliputi semua kaedah teknikal yang digunakan untuk mengendalikan maklumat bagi memudahkan komunikasi, termasuk komputer, rangkaian dan perisian komunikasi.	IMP Pelan Pengurusan Insiden
HRM Pengurusan Sumber Manusia Pengurusan Sumber Manusia adalah suatu pendekatan strategik dan tersusun terhadap pengurusan aset paling bernilai dalam sesebuah organisasi iaitu warga kerja yang menyumbang secara individu atau berkumpulan kepada pencapaian objektif perniagaan.	IDP Program Pembangunan Individu IDP adalah salah satu inisiatif yang diperkenalkan pada tahun 2010, bertujuan untuk membangunkan bakat dalaman bagi memacu kemajuan kerjaya melalui program-program seperti Program <i>Cross Fertilisation</i> dan Program <i>Job Rotation</i> .	IPG Dasar dan Garis Panduan Pelaburan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan untuk menyampaikan dengan jelas prosedur, falsafah pelaburan, garis panduan dan halangan kepada pihak-pihak berkaitan yang perlu dipatuhi.
		IRS Pertukaran Kadar Faedah IRS adalah pertukaran satu kumpulan aliran tunai (berdasarkan kepada spesifikasi kadar faedah) kepada yang lain. Ia merupakan suatu pertukaran bagi pembayaran tetap dengan pembayaran terapung yang dihubungkan dengan kadar faedah.
		IT Teknologi Maklumat Teknologi Maklumat adalah pemerolehan, pemprosesan, penyimpanan dan penyebaran maklumat vokal, bergambar, berteks dan bernombor menerusi gabungan perkomputeran dan telekomunikasi berasaskan mikroelektronik.

GLOSARI ISTILAH

<p>JPA Jabatan Perkhidmatan Awam</p> <p>KDNK Keluaran Dalam Negara Kasar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merujuk kepada nilai pasaran bagi semua barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan di dalam sesebuah negara dalam tempoh masa tertentu. Ia sering dianggap sebagai petunjuk taraf kehidupan sesebuah negara.</p> <p>KWAP Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007 untuk menggantikan Kumpulan Wang Amanah Pencen.</p> <p>KWSG Kumpulan Wang Simpanan Guru</p> <p>KWSP Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP telah ditubuhkan secara rasmi selepas enakmen Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452), yang member faedah persaraan kakitangan melalui sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus simpanan mereka.</p>	<p>LTAT Lembaga Tabung Angkatan Tentera Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau lebih dikenali sebagai LTAT, ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 oleh Akta Parliment.</p> <p>MOF Kementerian Kewangan</p> <p>MSWG Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti</p> <p>NEM Model Ekonomi Baharu Model Ekonomi Baharu merupakan pelan ekonomi di Malaysia yang dilancarkan pada 30 Mac 2010 bertujuan untuk menggandakan pendapatan per kapita di Malaysia menjelang tahun 2020. Ia bermatlamat untuk menganjak tindakan afirmatif daripada berdasarkan etnik kepada berdasarkan keperluan, justeru, menjadi lebih kompetitif dan lebih mesra pasaran dan pelabur.</p> <p>OPR Kadar Faedah Semalam Kadar Faedah Semalam adalah kadar faedah semalam yang ditetapkan oleh BNM yang digunakan untuk hala tuju dasar kewangan. Ia adalah kadar sasaran bagi operasi kecairan harian BNM.</p>	<p>ORE Peristiwa Risiko Operasi adalah peristiwa yang berlaku disebabkan oleh kegagalan manusia, sistem dan proses dalam sesebuah organisasi.</p> <p>RENTAS Sistem Pemindahan Elektronik Dana dan Sekuriti</p> <p>RMC Jawatankuasa Pengurusan Risiko Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah sebuah jawatankuasa peringkat Lembaga terdiri daripada ahli-ahli yang menjalankan peranan pengawasan risiko dalam sesebuah organisasi.</p> <p>RMCD Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan Sebuah jabatan yang diamanahkan untuk menguruskan risiko organisasi dan memastikan pematuhan dalam organisasi berkenaan.</p> <p>ROI Pulangan Pelaburan Pulangan Pelaburan adalah nisbah keuntungan atau kerugian pendapatan yang direalisasi berbanding saiz dana purata (pada kos) bagi sesuatu tahun.</p>

GLOSARI ISTILAH

<p>SAA Alokasi Aset Strategik Matlamat utama alokasi aset strategik adalah untuk mewujudkan suatu gabungan aset yang akan menyediakan keseimbangan optimum antara risiko dan pulangan jangkaan bagi horizon pelaburan jangka panjang.</p>	<p>SOC SO Pertubuhan Keselamatan Sosial Fungsi SOCSO meliputi pendaftaran majikan dan pekerja, kutipan caruman, pemprosesan tuntutan manfaat dan pembayaran yang dikeluarkan kepada pekerja yang mengalami kecederaan dan tanggungan mereka. SOCSO turut menyediakan manfaat pemulihan vokasional dan fizikal serta mempertingkatkan keselamatan pekerjaan dan kesedaran kesihatan di kalangan pekerja. Kajian Liabiliti Persaraan ialah sebuah kajian bersama yang dijalankan antara KWAP, MOF dan JPA untuk mengenal pasti pilihan yang tersedia bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan Malaysia membayai liabiliti pesaraan masa depannya.</p>	<p>TEx Program Program Talent Exchange Program TEx diwujudkan dengan objektif untuk menyediakan peluang kepada bakat-bakat di KWAP bagi mempertingkat dan membangunkan kemahiran teknikal dan kepimpinan mereka serta menyediakan mereka dengan suatu landasan bagi mereka untuk mengalami dan mempelajari budaya yang berlainan menerusi program attachment ke GLC/GLIC/Kerajaan/Syarikat Multinasional dan sebaliknya.</p>
<p>SDL Had Pendeposit Tunggal Menghadkan jumlah maksimum peletakan deposit yang dibenarkan bagi sesebuah organisasi dengan sebuah institusi pengambilan deposit tunggal, seperti bank.</p>		<p>TPK Terbitan Pelaburan Kerajaan atau Government Investment Issue</p>
<p>SHP Sekuriti Hutang Persendirian</p>		<p>TWRR Kadar Pulangan Berwajaran Masa Kadar Pulangan Berwajaran Masa adalah suatu ukuran berdasarkan pulangan bagi perubahan dalam nilai pelaburan dalam tempoh masa tertentu.</p>
<p>SKM Sekuriti Kerajaan Malaysia</p>	<p>TAA Alokasi Aset Taktikal Ia merupakan kaedah di mana pelabur mengambil pendekatan lebih aktif dengan cuba menyesuaikan satu portfolio kepada aset, sektor atau saham secara individu yang menunjukkan tahap potensi paling tinggi untuk memperoleh keuntungan.</p>	<p>VaR Value-at-Risk Suatu metrik risiko yang digunakan untuk menganggar kuantum kerugian portfolio dalam lingkungan nilai kebarangkalian yang diberi dengan tempoh yang ditakrif terlebih dahulu.</p>
	<p>TE Tracking Error <i>Tracking Error</i> mengukur sisihan lebihan pulangan bagi sesebuah portfolio berbanding indeks.</p>	



2007 Laporan Tahunan



2008 Laporan Tahunan



2009 Laporan Tahunan



2010 Laporan Tahunan



2011 Laporan Tahunan



webportal : <http://www.kwap.gov.my>



www.kwap.gov.my

KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Aras 4, 5, 6 & 8
Menara Yayasan Tun Razak
200 Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Malaysia.

Tel +603 2174 8000
Faks +603 2163 1860